

BAB VI: FASA KETIGA ERA MOHD ASRI MUDA

(1974-1977)

Pengenalan

Di dalam bab ini, kita akan membincangkan perjalanan PAS dari tahun 1974 ke tahun 1977 di mana perbincangan kita akan bermula dengan peristiwa penubuhan Barisan Nasional pada 1 Jun 1974 dan akan berakhir dengan peristiwa kelulusan usul undi tidak percaya terhadap Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, pada 15 Oktober 1977. Di dalam jangka masa ini, perjalanan PAS adalah dipandu oleh Perlembagaan PAS 1973 sehingga ia digantikan oleh Perlembagaan PAS 1977 pada 21 Jun 1977. Di dalam jangka masa ini juga, PAS telah melangsungkan sebanyak 4 mesyuarat agung atau muktamar tahunan--iaitu Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 pada 13, 14 dan 15 Jun 1974, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21 pada 29 dan 30 Julai 1975, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976 dan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 pada 23, 24 dan 25 Julai 1977--, kesemuanya di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ia walau bagaimanapun telah tidak melangsungkan sebarang mesyuarat agung atau muktamar khas di dalam jangka masa yang sama. Di dalam jangka masa ini juga, PAS telah turut menyertai sebanyak 1 pilihan raya umum, iaitu Pilihan Raya Umum Kali Ke-5 yang telah dilangsungkan pada 24 Ogos 1974.

Pembentukan Barisan Nasional

Usul pembentukan Barisan Nasional telah ditimbulkan di dalam mesyuarat di antara kesemua parti politik yang menganggotai kerajaan campuran yang dilangsungkan

pada 17 Januari 1974 khusus bagi membincangkan soal mengadakan kerjasama di dalam pilihan raya umum akan datang.¹ PAS, yang diwakili oleh Mohd Asri Muda dan Abu Bakar Umar, mulanya hanya "bersetuju pada dasarnya bekerjasama dengan parti-parti dalam kerajaan campuran dalam pilihan raya yang akan datang tetapi tidak bersetuju menggunakan simbol yang satu dalam pilihan raya tersebut",² persetujuan yang dikatakan dipegang oleh kedua-dua wakilnya ini,³ tetapi laporan Mohd Asri Muda bahawa Perikatan dan lain-lain parti anggota kerajaan campuran telah bersetuju untuk menyertai pilihan raya umum akan datang di atas nama Barisan Nasional⁴ menyebabkan Mesyuarat Khas (II) Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Januari 1974 mengarahkan Jawatankuasa Politik dan Ekonomi PAS Pusat membuat satu kajian terperinci mengenai penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional itu, khususnya yang mengenai Perlembagaan

¹ Minit Mesyuarat Khas (II) Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Januari 1974. Hlm. 2; dan Jawatankuasa Bangunan UMNO (1985). Perasmian Kompleks UMNO Malaysia. Kuala Lumpur: Jawatankuasa Bangunan UMNO. Hlm. 78.

² Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 16 Januari 1974. Hlm. 2.

³ Minit Mesyuarat Khas (II) Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Januari 1974. Hlm. 2. Mengikut Mohd Asri Muda: "Kami belum memberikan persetujuan (ke) atas penubuhan Barisan Nasional yang berperlembagaan dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, (te)tapi kami telah menyatakan persetujuan pada dasarnya (ke atas) kerjasama (di dalam) pilihan raya sebagaimana yang telah kita putuskan...Mengenai simbol, kami masih tetap dengan keputusan yang telah kita buat, iaitu PAS tetap dengan simbolnya...". Sewaktu menjelaskan penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional kemudiannya, Mohd Asri Muda telah menyatakan: "Proses dan prosedur pilihan raya dalam negara kita ini memerlukan sesuatu organisasi yang hendak mengambil bahagian di dalam sebarang pilihan raya itu mendaftarkan dirinya dengan Pendaftar Pertubuhan (Malaysia). Dengan demikian, Barisan Nasional terpaksa didaftarkan sebagai suatu bentuk konfederasi bagi melahirkan keseragaman dalam tindak-operasi organisasi tersebut" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 pada 13, 14 dan 15 Jun 1974 (tidak bertajuk). Hlm. 7).

⁴ Minit Mesyuarat Khas (II) Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Januari 1974. Hlm. 2. Mengikut Mohd Asri Muda: "Parti Perikatan dan lain-lain (parti di dalam kerajaan campuran) nampaknya lebih suka supaya (kita)...bertanding di atas nama Barisan Nasional, tidak (di) atas nama parti masing-masing". Menariknya, salah satu daripada pertuduhan-pertuduhan yang telah dihadapkan kepada Dr Burhanuddin al-Helmy sewaktu beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 28 Januari 1965 adalah bahawa "*in late 1964, you became involved in the activities of the 'Front National', an Indonesian-inspired secret organisation whose aim is to overthrow the constitutionally elected government of Malaysia*" (Surat Wan Mustapha Ali kepada Pemangku Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 3 April 1965 bertajuk "Dr Burhanuddin". Hlm. 2).

Barisan Nasional, di samping mengarahkan Dewan Ulama' PAS Pusat membuat satu kajian terperinci mengenai hukum penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional itu.⁵

Sementara Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 27 Januari 1974 segera memutuskan bahawa "penyertaan PAS dalam barisan kebangsaan itu dengan maksud-maksud yang khusus bagi menjayakan perjuangan mengisi tujuan-tujuan PAS dapat diterima" dengan syarat bahawa ia "tidak (akan) menghilangkan identiti PAS sebagai sebuah parti politik Islam" dan bahawa "pengenalan PAS dalam pilihan raya itu kelak hendaklah jelas dan nyata, iaitu mempunyai simbolnya sendiri sekalipun bersatu pada platform(nya)";⁶ Mesyuarat Jawatankuasa Politik dan Ekonomi PAS Pusat pada 16 Februari 1974⁷ pula telah--setelah meneliti Perlembagaan Barisan Nasional yang

⁵ Minit Mesyuarat Khas (II) Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Januari 1974. Hlm. 2. Arahan Dewan Ulama' PAS Pusat supaya semua Dewan Ulama' PAS Negeri membuat kajian ini walaupun bagaimanapun telah gagal dipatuhi oleh mereka--kecuali oleh Dewan Ulama' PAS Pahang yang membuat satu kajian yang merumuskan bahawa "masuknya PAS dalam rancangan atau gagasan Barisan Nasional yang diura-urakan itu tidaklah bertentangan dengan ajaran Islam, malahan sebaliknya penggabungan itu lebih merupakan suatu strategi baru yang membuka pintu bagi PAS untuk menduduki *ulil 'amr* di semua peringkat di seluruh Malaysia Barat" (Kertas kerja Dewan Ulama' PAS Pahang bertarikh 29 Mac 1974 bertajuk "Pembentukan Barisan Nasional Malaysia". Hlm. 2)--disebabkan "masih samar-samar agaknya" (Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1973/1974. Hlm. 11). Mengikut Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1973/1974: "Untuk menghilangkan kesamaran ini, maka Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat (pada 17 Mac 1974 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 17 Mac 1974. Hlm. 2)) memutuskan supaya diadakan perjumpaan dari hati ke hati di antara Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat serta wakil-wakil Dewan Ulama' PAS Negeri-Negeri dengan pihak Jawatankuasa Kerja Agung PAS (Mohd Asri Muda, Abu Bakar Umar, Baharuddin Abdul Latif dan Hassan Shukri (Penyata Tahunan PAS 1973/1974. Hlm. 11))...Hasilnya, perjumpaan itu telah dipersetujukan dan ditetapkan tarikhnya pada 29 Mei 1974 yang lalu bertempat di Bilik Gerakan Dato' Yang Dipertua Agung sendiri. Seramai 28 orang wakil dewan, termasuk juga wakil-wakil daripada Dewan-Dewan Pemuda dan Muslimat, ikut mendengar dan menerima taklimat daripada Dato' Yang Dipertua Agung sendiri...dengan mana dapatlah dikatakan perjumpaan (itu) sekurang-kurangnya memuaskan hati kepada wakil-wakil yang hadir" (Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1973/1974. Hlm. 11-12).

⁶ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 27 Januari 1974. Hlm. 5. Sewaktu memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 27 Januari 1974 ini kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, Setiausaha Dewan Ulama' PAS Pusat, Othman Hamzah, telah dengan secara lebih jelas lagi menggantungkan jaminan ketidakhilangan identiti PAS ini kepada kemampuan PAS untuk menggunakan simbol pilihan rayanya sendiri (Surat Setiausaha Dewan Ulama' PAS Pusat, Othman Hamzah, kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 19 Februari 1974 bertajuk "Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat". Hlm. 1).

⁷ Di dalam satu langkah yang berkaitan, Mesyuarat Bersama Jawatankuasa Politik dan Ekonomi serta Jawatankuasa Pilihan Raya PAS Pusat pada 12 Februari 1974 pula telah, di atas cadangan Mohd Asri

disediakan oleh jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh mesyuarat di antara parti-parti politik yang menganggotai kerajaan campuran pada 13 Februari 1974⁸--memutuskan bahawa ia bersetuju "(supaya Jawatankuasa Kerja Agung PAS) membuat beberapa pindaan (ke atas perlombagaan itu) di mana jua bahagian yang difikirkan mustahak dan munasabah serta tidak merugikan PAS".⁹ Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 Mac 1974 pun, setelah menukar istilah "pertubuhan" yang terdapat di dalamnya dengan istilah "gabungan", bersetuju untuk menerima perlombagaan itu.¹⁰

Muda, bersetuju mengadakan Seminar Ahli-Ahli Parlimen, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-Pegawai Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat dan Jawatankuasa Dewan Harian PAS Negeri-Negeri di Terengganu pada 6 dan 7 April 1974 dalam mana 8--kemudiannya dikurangkan menjadi 6 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 Mac 1974. Hlm. 4)--buah kertas kerja dirancang untuk dibentangkan di dalamnya, terpenting daripadanya adalah kertas kerja Wan Ismail Ibrahim (Minit Mesyuarat Bersama Jawatankuasa Politik Dan Ekonomi Serta Jawatankuasa Pilihan Raya PAS Pusat pada 12 Februari 1974. Hlm. 2-3) yang bukan sahaja memberikan satu penilaian yang amat positif berhubung dengan kemajuan-kemajuan yang telah diperolehi oleh PAS hasil daripada penyertaannya di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS, malah telah, setelah menjelaskan kepercayaan pembentangnya bahawa "rundingan-rundingan berkenaan dengan kerjasama dalam pilihan raya umum (yang akan datang) itu akan mencapai suatu persetujuan yang akan menambahkan lagi kepada PAS beberapa kerusi di (dalam) Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan-Dewan Undangan Negeri...juga (men)ambah(kan) orang dari kalangan PAS yang akan memegang tampuk pemerintahan dalam kerajaan akan datang", turut mengingatkan supaya "pemilihan bakal wakil-wakil rakyat pada kali ini terutamanya hendaklah diberi perhatian yang teliti supaya pihak parti tidak berhadapan dengan kesulitan untuk melantik petugas-petugas dalam kerajaan nanti" (Kertas kerja Bendahari Agung PAS, Wan Ismail Ibrahim, bertarikh 7 April 1974 bertajuk "Kerajaan Campuran Dan Kemajuan-Kemajuannya". Hlm. 7-8). Menariknya, ketujuh-tujuh rumusan yang telah dihasilkan oleh perbincangan di peringkat bengkel ke atas kertas kerja Wan Ismail Ibrahim, yang adalah agak negatif di dalam menilai kemajuan-kemajuan yang telah diperolehi oleh PAS hasil daripada penyertaannya di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS (Nota bertarikh 7 April 1974 bertajuk "Rumusan Kertas Kerja Bil. 5 (Bengkel A)". Hlm. 1), ini walau bagaimanapun telah bersama-sama rumusan-rumusan ke atas kertas kerja Mohd Taha Kalu (bertajuk "Perkembangan Ekonomi Di Malaysia") dan kertas kerja Nik Abdul Aziz Nik Mat (bertajuk "Pembangunan Rohaniah")--"(tidak) sempat (di)bincangkan" oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 April 1974 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 April 1974. Hlm. 2-3).

⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Politik Dan Ekonomi PAS Pusat pada 16 Februari 1974. Hlm. 1.

⁹ Ibid. Hlm. 1.

¹⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 Mac 1974. Hlm. 3. Perlombagaan Barisan Nasional 1974 telah kemudiannya mentakrifkan Barisan Nasional sebagai satu "gabungan" (Perlombagaan Barisan Nasional 1974. Fasal 1) yang "pada dasarnya bersifat konfederasi antara parti-parti politik yang mendokong konsep Barisan Nasional" (Ibid. Fasal 2)--takrifan yang telah seterusnya membolehkan Mohd Asri Muda meyakinkan ahli-ahli PAS bahawa "bentuk konfederasi itu menunjukkan bahawa (Barisan Nasional) bukanlah sebuah parti politik, tetapi ia merupakan gabungan dari badan-badan politik yang pada hakikatnya bebas dan mempunyai identiti masing-masing" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 pada 13, 14 dan 15 Jun 1974 (tidak bertajuk). Hlm. 7). Perlombagaan Barisan Nasional 1975 walau bagaimanapun telah kemudiannya kembali mentakrifkan Barisan Nasional sebagai satu "pertubuhan" (Perlombagaan

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 13, 14 dan 15 Jun 1974¹¹ bolehlah disifatkan sebagai satu *fait accompli*¹² kerana ia menghadapkan para perwakilan dengan isu penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional tatkala pendaftarannya telah pun diluluskan pada 1 Jun 1974.¹³ Bagi menjustifikasikannya, Mohd Asri Muda telah, di dalam ucapan dasar beliau, menegaskan bahawa penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional adalah suatu kemestian kerana "tidak ada alternatif yang lain kini yang terbuka buat kita selain daripada mencari jalan bagi menjamin keutuhan kuasa dan pimpinan politik kita di tengah-tengah masyarakat berbilang kaum di negara ini"¹⁴ manakala objektif-objektif Barisan

Barisan Nasional 1975. Fasal 1) yang "pada dasarnya bersifat persatuan (association) parti-parti politik yang mendokong tujuan-tujuan Barisan Nasional" (Ibid. Fasal 2).

¹¹ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 ini telah pada asalnya dirancang untuk dilangsungkan pada 5, 6 dan 7 Julai 1974 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 Mac 1974. Hlm. 4), tetapi tarikh ini telah kemudiannya dipercepatkan kepada 14, 15 dan 16 Jun 1974 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 April 1974. Hlm. 3).

¹² Sebelum pendaftaran Barisan Nasional diluluskan sekalipun, Mohd Asri Muda telah, bersama-sama Abdul Razak Hussein, menyertai rapat-rapat umum untuk menjelaskan penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional ini, di mana "rapat umum bersama" mereka di Temerloh, Pahang, pada 20 April 1974--yang dikatakan merupakan "*the biggest political rally ever held in the State (attended by more than 30,000 people)*" (Jabatan Penerangan Malaysia (1974). Towards National Unity. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia. Hlm. 20)--dikatakan mencatatkan sejarahnya yang tersendiri kerana, mengikut Mohd Asri Muda, itulah kali pertama beliau berdiri di atas pentas bersama-sama dengan pemimpin UMNO dalam sejarah hidup beliau ("Dari pucuk pimpinan", dlm. Berita PAS, Bil. 4/5 Thn. 2, April/Mei 1974. Hlm. 8) manakala "rapat umum bersama" mereka di Kota Bharu, Kelantan, pada 9 Mei 1974 pula dikatakan turut mencatatkan sejarahnya yang tersendiri kerana, mengikut Majalah Kelantan, itulah kali pertama satu rapat umum yang dilangsungkan di Kelantan berjaya menarik kehadiran kira-kira 80,000 orang pendengar--kejayaan yang dikatakan menjadi "bukti bicara bahawa konsep Barisan Nasional itu memang dapat diterima oleh rakyat" ("Dari meja pengarang: Hasil lawatan Tun Perdana Menteri", dlm. Majalah Kelantan, Jil. VI Bil. 4, April 1974. Hlm. 2; dan "Sekitar rapat raksasa Barisan Nasional di Kota Bharu", dlm. Majalah Kelantan, Jil. VI Bil. 4, April 1974. Hlm. 15-16) dan yang memudahkan lagi tugas Mohd Asri Muda dan Wan Ismail Ibrahim untuk memberikan kursus kepada ahli-ahli PAS Kelantan mengenai "Hasil Kerajaan Campuran Dan Perlunya Barisan Nasional Ditubuhkan" keesokan harinya (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 27 April 1974. Hlm. 1; Kertas kerja Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 28 April 1974 bertajuk "Ceramah Khas Dan Dialog Pada Hari Jumaat, 10 Mei 1974, Oleh Dato' Yang Dipertua Agung Dan Bendahari Agung Yang Ditajakan Oleh Jabatan Penerangan PAS Kelantan". Hlm. 1; dan Minit Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 1 Mei 1974. Hlm. 2).

¹³ "Barisan Nasional Malaysia", dlm. Berita PAS, Bil. 6/7 Thn. 2, Jun/Julai 1974. Hlm. 4; dan Jawatankuasa Bangunan UMNO (1985). Perasmian Kompleks UMNO Malaysia. Kuala Lumpur: Jawatankuasa Bangunan UMNO. Hlm. 78.

¹⁴ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 pada 13, 14 dan 15 Jun 1974 (tidak bertajuk). Hlm. 8.

Nasional¹⁵ pula dikatakan tidak sedikit pun dapat menyekat atau menjelaskan kebebasan PAS di dalam mengembang dan memperjuangkan konsep dan prinsipnya.¹⁶ Mengukuhkan lagi penegasan Mohd Asri Muda ini ialah tindakan Muktamar Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-13 pada 13 Jun 1974 meluluskan--di sebalik kegagalan Mohd Asri Muda mengusahakan supaya PAS dibenar menggunakan simbol pilihan raya sendiri¹⁷--ketetapan yang mengharuskan penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional.¹⁸

Di sebalik tindakan beberapa perwakilan yang bangun membahaskan ucapan dasar Mohd Asri Muda menyuarakan rungutan mereka mengenai ketidaksesuaian penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional tatkala perlaksanaan Kerajaan Campuran

¹⁵ Ibid. Hlm. 7. Objektif-objektif Barisan Nasional sebagaimana yang tercatat di dalam Perlembagaan Barisan Nasional 1974 dan Perlembagaan Barisan Nasional 1975 adalah untuk "memupuk dan mengekalkan satu bangsa Malaysia yang harmoni dan bersatu-padu", "mencapai pembangunan jasmani dan rohani dan mengekalkan Islam sebagai agama Persekutuan; tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana ju di dalam Persekutuan; dan menegakkan dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara", "mewujudkan suatu masyarakat (yang) adil dan saksama" dan "mengeratkan lagi perhubungan di antara/kalangan parti-parti anggota" (Perlembagaan Barisan Nasional 1974. Fasal 4; dan Perlembagaan Barisan Nasional 1975. Fasal 5). Mohd Asri Muda walau bagaimanapun menyebutkan objektif kedua Barisan Nasional ini sebagai "...menegakkan Islam sebagai agama Persekutuan..." (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 pada 13, 14 dan 15 Jun 1974 (tidak bertajuk). Hlm. 7).

¹⁶ Ibid. Hlm. 7-8. Mohd Asri Muda juga telah cuba meminimakan kesan daripada penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional ini dengan menyatakan bahawa "Barisan Nasional dari segi semangatnya telah wujud semenjak wujudnya kerajaan campuran dulu lagi walaupun dari segi *legal* Barisan Nasional sebagai sebuah organisasi konfederasi baru saja didaftarkan" (Ibid. Hlm. 6).

¹⁷ Mengikut Mohd Asri Muda: "Parti PAS akan bertanding di dalam pilihan raya yang (akan datang) sebagai satu unit di dalam Barisan Nasional dengan menggunakan simbol yang sama untuk menjamin kemenangan bukan sahaja di kawasan-kawasan yang telah pun dimenangi oleh PAS pada masa Pilihan Raya (Umum) 1969 dahulu, malah di kawasan-kawasan yang akan didapati oleh PAS mengikut persefahaman dan rundingan yang muncul daripada hasrat kerjasama politik melalui Barisan Nasional" (Ibid. Hlm. 13).

¹⁸ Ketetapan Muktamar Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-13 pada 13 Jun 1974 yang mengharuskan penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional ini adalah berbunyi: "(Setelah) menimbangkan dengan penuh kesedaran dalam beragama akan bentuk 'Barisan Kebangsaan (Nasional)' dari sudut-sudut pembentukannya, tujuan-tujuannya dan (setelah) memerhati dengan jauh dan cermat keadaan suasana negara kita Malaysia ini serta perkembangan-perkembangan politiknya dan politik negara sekitarnya, dipadankan dengan petunjuk-petunjuk daripada nas al-Qur'an dan al-Sunnah serta berpandu kepada kaedah-kaedah fiqh, maka kesimpulan dari muzakarah (kami pada hari ini) sepakat dari ijtihad kami bahawa penyertaan PAS ke dalam 'Barisan Kebangsaan (Nasional)' itu adalah harus (*mubah*) juadanya" (Siaran Pejabat Agung PAS bertarikh 22 Jun 1974 bertajuk "Keputusan Muktamar Dewan Ulama' PAS (Pusat) Berhubung Barisan Nasional Dan Penyertaan PAS Ke Dalamnya". Hlm. 1).

Perikatan-PAS belum lagi sempurna,¹⁹ juga mengenai keperluan untuk membawakan isu penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional ini ke dalam satu Mesyuarat Agung Khas PAS sepetimana yang telah dilakukan terhadap isu Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dahulu,²⁰ kebanyakannya perwakilan--sebahagiannya kelihatan berbuat demikian di dalam keadaan terpaksa--telah menerima penyertaan ini,²¹ tetapi di dalam masa yang sama turut meminta agar Jawatankuasa Kerja Agung PAS lebih bertegas di dalam mempertahankan kepentingan PAS, khususnya di dalam soal pembahagian kerusi pilihan raya.²² Akhirnya, usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat, yang disokong oleh wakil Dewan Ulama' PAS Pusat, yang meminta agar Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 itu menerima konsep Barisan Nasional dan memaklumkan dengan sejelas-jelasnya perlembagaannya kepada PAS-PAS Kawasan supaya PAS tidak akan membuat perhitungan yang silap di dalam perkara ini telah dipersetujui dengan sebulat suara oleh kesemua perwakilan.²³

¹⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 pada 13, 14 dan 15 Jun 1974. Hlm. 30, 37 dan 38. Rungutan mengenai perkara ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Tanah Merah, Larut Selatan, Pontian Utara, Port Dickson dan Jerai.

²⁰ Ibid. Hlm. 35, 36 dan 41. Rungutan mengenai perkara ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Melaka Barat, Kuala Langat dan Kuala Lumpur. Wakil Kuala Lumpur malahan telah mengemukakan satu usul bagi meminta PAS menangguhkan segala kegiatan yang berhubung dengan penyertaannya di dalam Barisan Nasional sehingga satu kertas kerja yang tegas mengenainya dibahaskan di dalam satu Mesyuarat Agung Khas PAS tetapi usul ini telah ditolak oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS ini apabila ia hanya memperolehi 19 undi menyokong berbanding 275 undi membangkang (Ibid. Hlm. 47).

²¹ Penerimaan kebanyakannya perwakilan ke atas penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional--yang konsep dan gagasannya dikatakan "tidaklah banyak dan jauh berbeza dari (konsep dan gagasan kerajaan campuran)"--ini dikatakan "mungkin disebabkan (mereka) sudah dapat memahami motif dan tujuan pembentukan kerajaan campuran yang telah berlangsung beberapa waktu sebelum ini" ("Penyertaan PAS dalam Barisan Nasional", dlm. Berita PAS, Bil. 6/7 Thn. 2, Jun/Julai 1974. Hlm. 3).

²² Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 pada 13, 14 dan 15 Jun 1974. Hlm. 29, 31, 34, 35, 39 dan 42. Selain daripada keimbangan--yang dinyatakan oleh wakil-wakil Kulim Bandar Baru, Kesang, Kuala Terengganu Selatan dan Pahang Tua--mengenai peruntukan kerusi pilihan raya yang dikatakan tidak ditentukan di dalam perundingan pembentukan Barisan Nasional, keimbangan mengenai kemampuan PAS untuk benar-benar menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara nantinya telah turut dinyatakan oleh sebahagian daripada perwakilan, khususnya oleh wakil-wakil Dewan Ulama' PAS Pusat, Seberang Perai Utara dan Segamat.

²³ Ibid. Hlm. 41, 42 dan 47. Usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat ini telah diperkuahkan oleh usul penerimaan ucapan dasar Mohd Asri Muda, yang telah dikemukakan oleh wakil Kota Bharu Hilir dan yang telah turut diluluskan dengan sebulat suara oleh para perwakilan, yang disekalikan dengan pemberian "kepercayaan penuh kepada Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS di dalam keputusannya (untuk) menyertai Barisan Nasional".

Walaupun Mohd Asri Muda tidak menghadapi sebarang tentangan yang kuat di dalam usaha beliau membawa PAS menyertai Barisan Nasional, kredibiliti beliau sebenarnya mulai terhakis disebabkan oleh satu isu lain, iaitu krisis ketidakpercayaan terhadap anak saudara beliau, Ishak Lotfi Omar--yang merupakan Menteri Besar dan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan--yang khususnya diakibatkan oleh dakwaan penyalahgunaan sumber kewangan negeri untuk "kepentingan diri (beliau) sendiri".²⁴ Sementara dakwaan ini dikempenkan oleh Mohd Fakhruddin Abdullah, pemimpin Gerakan Revolusi 14 Mac 1974,²⁵ juga oleh Mohd Noor Yusoff, pemimpin

²⁴ Dakwaan penyalahgunaan sumber kewangan negeri Kelantan untuk kepentingan diri Ishak Lotfi Omar, khususnya yang turut melibatkan Nik Mohd Mustapha Shafie, ini telah di antara lainnya dibuat oleh Che Ismail Che Abdullah, Naib Yang Dipertua PAS Kota Bharu Hilir (Surat Naib Yang Dipertua PAS Kota Bharu Hilir, Che Ismail Che Abdullah, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 1 Jun 1974 (tidak bertajuk). Hlm. 2-4). Sebelumnya, Badan Perhubungan PAS Kelantan telah, sebagai mengikuti keputusan Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 30 Mac 1974 (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 30 Mac 1974. Hlm. 1), mengeluarkan satu siaran khas bagi menangkis "fitnah dan tuduhan kepada beberapa orang pemimpin dan tokoh PAS Kelantan, terutamanya kepada Menteri Besar (Ishak Lotfi Omar) sendiri" di mana sebagai Menteri Besar beliau didakwa "(melakukan) penyelewengan dalam perkara pembahagian kawasan kayu balak...", "lemah dan lembab dalam melaksanakan projek kerajaan campuran...", "terlalu lemah menghadapi pegawai-pegawai tadbir kerajaan...kerana dalam pandangan mereka Menteri Besar adalah seorang yang *corrupt*", "tidak (menggubal) sebarang akta untuk meningkatkan syiar Islam" dan "tidak mahu menghadiri perjumpaan yang tidak bernilai ekonomi bagi dirinya..."; sebagai Pengurus SEDC beliau didakwa "memberi jaminan kepada Perbadanan Tembakau Sendirian Berhad sebanyak RM2.8 juta...yang mana jika perbadanan itu bankrap maka SEDC akan lingkup", "melakukan berbagai-bagi kesalahan yang boleh disifatkan sebagai amalan rasuah...", "(meluluskan) 40 ribu ekar kawasan kayu balak tanpa dibawa kepada mesyuarat parti" dan "(membiarkan) hutang baja ratusan ribu ringgit banyaknya yang telah berlapuk oleh Perbadanan Perusahaan Pertanian kepada SEDC tidak diansur membayarnya"; manakala sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan beliau didakwa "(m)enyerah(k)an Rancangan Pemuda di Kemahang kepada FELDA (tanpa) dirujukan kepada parti...", "melupai penyokong-penyokong partinya dan orang-orang kuat PAS..." dan "mengamalkan dasar diskriminasi terhadap unit-unit dalam Parti PAS..." (Siaran Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan bertajuk "Menghapuskan Kekeliruan Di Sekitar Tuduhan-Tuduhan Dan Fitnah-Fitnah Terhadap Pemimpin Dan Tokoh-Tokoh PAS Di Kelantan" (tidak bertarikh). Hlm. 1-7).

²⁵ Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 30 Mac 1974. Hlm. 1; Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 4 April 1974. Hlm. 2; Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 18 Mei 1974. Hlm. 1; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 Mei 1974. Hlm. 3. Mohd Noor Yusoff turut menghadiri, malah telah dilantik untuk mempengerusikan, majlis pelancaran Gerakan Revolusi 14 Mac 1974 di kediaman Mohd Fakhruddin Abdullah, tetapi, mengikut beliau kemudiannya, tujuan beliau berbuat demikian hanyalah untuk "mendengar dan melihat sendiri suasana majlis itu". Selain melaporkan peristiwa yang berlaku di dalam majlis itu kepada Yang Dipertua Agung dan Setiausaha Agung PAS, beliau juga turut berpandangan bahawa gerakan ini "tidak harus dibiarkan hidup dan berkembang" kerana "(ia adalah) bermaksud (untuk) (di)jadi(kan) asas kepada penubuhan (sebuah) parti baru di Kelantan ini" (Surat Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Noor Yusoff, kepada Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohamad Nasir, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Khairul Khatib, Mohd Amin Yaacob, Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Wan Sulaiman Ibrahim, bertarikh 31 Mac 1974 bertajuk "Rasa Tidak Puas Hati Terhadap Pimpinan Dato' Haji Ishak Lotfi Dan Majlis Revolusi Anjuran Cikgu Mat Fakhruddin". Hlm. 1-3).

Gerakan Revolusi 24 Mac 1974,²⁶ Dewan Pemuda PAS Kelantan, melalui mesyuarat jawatankuasanya pada 16 Mac 1974, pula mengemukakan, di dalam Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Mac 1974, satu usul bagi mendesak Ishak Lotfi Omar meletakkan kedua-dua jawatan beliau itu.²⁷ Bagi menghadapi krisis ini, Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah, di dalam mesyuaratnya pada 30 Mei 1974, menggantung PAS Pasir Mas Hilir²⁸ manakala Jawatankuasa Tatatertib PAS telah, di dalam mesyuaratnya pada 9 Jun 1974, memecat keahlian Mohd Fakhruddin Abdullah.²⁹

²⁶ Laporan Ahli Jawatankuasa PAS Machang kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 30 April 1974 bertajuk "Laporan Pergerakan Anti Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Oleh Gerakan Barisan 24 Mac 1974 Machang". Hlm. 1-3; dan Laporan Ahli Jawatankuasa PAS Machang kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 30 April 1974 bertajuk "Laporan Perjumpaan Untuk Menyatuhkan Kerajaan Dan Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan". Hlm. 1-2. Sementara memisahkan diri daripada penubuhan Gerakan Revolusi 14 Mac 1974, Mohd Noor Yusoff sendiri tetap menegaskan bahawa "Dato' Haji Ishak tidak harus memakan masa yang panjang lagi memegang jawatan Pesuruhjaya dan Menteri Besar kerana rasa tidak puas hati terhadap pimpinannya sudah menjadi umum di kalangan orang-orang kuat PAS...Oleh sebab itu, dengan tegas dan berani jua saya menyatakan di sini bahawa sokongan (untuk) mengekalkan pimpinan Dato' Haji Ishak baik dalam bidang parti atau kerajaan adalah bererti sokongan (untuk) (me)rela(kan) PAS (mengalami) (ke)hancur(an)" (Surat Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Noor Yusoff, kepada Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohamad Nasir, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Khadir Khatib, Mohd Amin Yaakob, Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Wan Sulaiman Ibrahim, bertarikh 31 Mac 1974 bertajuk "Rasa Tidak Puas Hati Terhadap Pimpinan Dato' Haji Ishak Lotfi Dan Majlis Revolusi Anjuran Cikgu Mat Fakhruddin". Hlm. 3).

²⁷ Surat Ketua Dewan Pemuda PAS Kelantan, Abu Hassan Musa, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 22 Mac 1974 bertajuk "Pohon Mengundur Diri Dari Menjadi Pesuruhjaya (Badan Perhubungan PAS Kelantan) Dan Menteri Besar (Kelantan)". Hlm. 1. Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Mac 1974 ini walau bagaimanapun telah memutuskan bahawa perbahasan mengenai perkara itu adalah bertentangan dengan Fasal 26(2) Perlembagaan PAS 1973 yang memperuntukkan bahawa perlantikan seseorang Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri adalah dibuat oleh Yang Dipertua Agung PAS dan, kerana itu, menyerahkannya kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Mac 1974. Hlm. 6). Mengikut Mohd Noor Yusoff, pembentangan usul ini adalah sebenarnya didalangi oleh Gerakan Revolusi 14 Mac 1974 (Surat Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Noor Yusoff, kepada Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohamad Nasir, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Khadir Khatib, Mohd Amin Yaakob, Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Wan Sulaiman Ibrahim, bertarikh 31 Mac 1974 bertajuk "Rasa Tidak Puas Hati Terhadap Pimpinan Dato' Haji Ishak Lotfi Dan Majlis Revolusi Anjuran Cikgu Mat Fakhruddin". Hlm. 2).

²⁸ Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 3 Jun 1974 bertajuk "Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS Pada 30 Mei 1974". Hlm. 1-2. Yang Dipertua dan Setiausaha PAS Pasir Mas Hilir, iaitu Ismail Ali dan Husain Yaakub, juga Yang Dipertua PAS Machang, Mohd Noor Yusoff, telah berhujjah menyokong usul bagi mendesak Ishak Lotfi Omar meletakkan kedua-dua jawatan beliau itu di dalam Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Mac 1974 manakala berhujjah membangkangnya pula ialah Yang Dipertua PAS Pasir Puteh, Wan Sulaiman Ibrahim, juga empat ahli yang perlantikan mereka untuk menganggotai Badan Perhubungan PAS Kelantan itu sendiri adalah dibuat oleh pesuruhjayanya (Ishak Lotfi Omar), iaitu Mohd Zahari Awang, Mohd Amin Yaakob, Nik Abdul Aziz Nik Mat (Ahli-Ahli) dan Mohamad Nasir (Timbalan Pesuruhjaya) (Minit Mesyuarat Badan

Penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional juga turut dibayangi oleh isu pemecatan keahlian Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah³⁰--di atas dakwaan melakukan tindakan yang merugikan perjuangan parti³¹--oleh Mesyuarat

Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Mac 1974. Hlm. 4-6). Sokongan wakil-wakil Pasir Mas Hilir ke atas usul ini diperkuuhkan pula oleh keputusan Mesyuarat Jawatankuasa PAS Pasir Mas Hilir pada 29 Mac 1974 untuk turut menyokongnya (Surat Setiausaha PAS Pasir Mas Hilir, Husain Yaakub, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 13 April 1974 bertajuk "Menyokong Usul (Dewan) Pemuda PAS Negeri Kelantan". Hlm. 1).

²⁹ Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Mohd Fakhruddin Abdullah dan Daud Yatimee Ahmad bertarikh 12 Jun 1974 bertajuk "Pemecatan Dan Penggantungan Dari Ahli PAS". Hlm. 1-2. Mohd Fakhruddin Abdullah walau bagaimanapun telah diterima untuk menjadi ahli PAS kembali oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Mac 1978 (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Pengerusi Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan, Mohd Amin Yaakob, bertarikh 22 Mac 1978 bertajuk "Keahlian Saudara-Saudara Husain Yaakub, Yusof Isa dan Mohd Fakhruddin Abdullah". Hlm. 1).

³⁰ Selain daripada isu pemecatan keahlian Abu Bakar Hamzah ini, penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional juga turut dibayangi oleh isu penarikan diri bekas Ahli Jawatankuasa Kerja Agung merangkap bekas Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Amaluddin Darus, dari menjadi ahli PAS. Penarikan diri beliau ini walau bagaimanapun adalah lebih diakibatkan oleh ketidaksetujuan beliau ke atas corak kepimpinan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, daripada oleh penentangan beliau ke atas penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional. Tulis Amaluddin Darus di dalam surat penarikan diri beliau: "Sejak peristiwa mainan politik kotor di (dalam) Mesyuarat (Agung Tahunan) PAS Cawangan Tumpat pada tahun 1971, harapan saya untuk melihat kejernihan politik dalam parti kembali semula (telah) luput. Justeru kerana itu, setelah melihat dengan sabar beberapa tahun, tidak juga kelihatan tanda-tanda akan kembali jernih, malah semakin keruh dan kotor, saya tidak ada jalan lain lagi daripada menarik diri dari menjadi ahli PAS. Pada saya, persoalannya bukan soal menang atau kalah tetapi soal benar atau salah. Selamat berjuang dengan cara tuan sendiri" (Surat Amaluddin Darus kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 15 Jun 1974 (tidak bertajuk). Hlm. 1). Tulis beliau di dalam sebuah buku beliau kemudiannya pula: "Sepatutnya saya telah keluar meninggalkan PAS (di) antara tahun 1966 dan tahun 1971 dahulu lagi, tetapi kerana perasaan kasih dan sayang kepada parti yang saya ikut mengembangkannya, saya tunggu jua sehingga tahun 1974" (Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 210).

³¹ Pada asalnya, masalah yang dihadapi oleh Abu Bakar Hamzah ini adalah diakibatkan oleh tindakan beliau mengirimkan surat-surat yang di antara lainnya mengkritik kepimpinan Mohd Asri Muda, mulanya kepada Mohd Asri Muda sendiri dan kemudiannya kepada Hassan Shukri. Di dalam surat pertama beliau, beliau telah, selain menegaskan bahawa "PAS hendaklah bersungguh di dalam Parlimen dengan cara memasuki perbahasan jawatankuasa atau *committee stage*, tidak seperti masa-masa yang lalu hanya sekadar mengambil bahagian di dalam peringkat dasar atau *policy stage sahaja*", menulis: "Ada satu perkara yang dengan segala dukacita terpaksa saya menyebut dalam hubungan ini, iaitu YB Dato' Mohd Asri selaku Ketua Parti PAS telah tidak pernah menunjukkan minatnya dalam sejarah 'PAS Berparlimen' ke dalam peringkat *committee stage* itu, dengan demikian tidak pernah Dato' berikan tauladan kepada kawan-kawan lain dalam perkara ini" (Surat Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 2 November 1973 bertajuk "Kesungguhan PAS Di Dalam Sidang Parlimen". Hlm. 1-2). Di dalam surat kedua beliau yang lebih berupa sebuah kertas kerja untuk dibahaskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS, beliau telah--selain mengkritik tindakan-tindakan Mohd Asri Muda melantik Baharuddin Abdul Latif sebagai Ketua Jabatan Penerangan PAS Pusat dan melantik "wakil Pejabat Agung yang menjalankan tugas-tugas Pesuruhjaya", dan bukan Pesuruhjaya, bagi PAS Perlis yang dikatakan dibuat secara "tidak berperlembagaan" (Surat Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 3 Disember 1973 bertajuk "Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung Pada 17 Oktober 1973". Hlm. 1) dan selain mencadangkan supaya "PAS mengadakan kongres khas pada awal tahun 1974 untuk

Jawatankuasa Tatatertib PAS pada 25 April 1974,³² pemecatan yang dikekalkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Mei 1974³³ di sebalik rayuan beliau.³⁴ Pemecatan keahlian beliau ini walau bagaimanapun bukanlah diakibatkan oleh penentangan beliau ke atas penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional tetapi adalah diakibatkan oleh masalah peribadi yang berpunca daripada ketidakpuasan hati beliau

membahaskan...sikap PAS terhadap Barisan Nasional atau Barisan Kebangsaan, perlaksanaan perjanjian kerajaan campuran dan persiapan pilihan raya kebangsaan akan datang" (Ibid. Hlm. 2)-- menyatakan: "Di dalam sidang Parlimen menghadapi usul meluluskan kajian semula Rancangan Malaysia Kedua, PAS tidak pernah membawa perkara ini ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agungnya, tetapi memadai dengan apa yang ditelunjukkan oleh Yang Dipertua Agung yang sengaja atau tidak sengaja tidak berminat hendak memberi pimpinan yang bersungguh dalam hal seperti itu" (Ibid. Hlm. 1). Di sebalik membahaskan kandungan asal surat beliau ini, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 dan 14 Disember 1973 bersetuju supaya "satu Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS diadakan untuk membincangkan mengenai beberapa sikap dan tindak-tanduk Abu Bakar Hamzah di masa akhir-akhir ini" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 dan 14 Disember 1973. Hlm. 4). Asalnya, mesyuarat khas ini ditetap untuk dilangsungkan pada 26 Januari 1974 "(untuk) mendengar keterangan dan pendapat dari beliau tentang hasrat dan maksud yang beliau mahu dalam PAS ini", tetapi ia terpaksa "(di)tawqifkan selama tiga minggu" ekoran keuzuran Abu Bakar Hamzah (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Negeri bertarikh 18 Januari 1974 bertajuk "Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung Khas Pada 26 Januari 1974". Hlm. 1; dan Minit Mesyuarat Khas (I) Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Januari 1974. Hlm. 2). Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 Mac 1974, yang telah tidak dihadiri oleh Abu Bakar Hamzah, telah--"setelah Saudara (Mohd Asri Muda) membacakan surat-surat yang dihantar oleh Saudara Abu Bakar Hamzah kepada beliau dan kepada Saudara (Hassan Shukri)"--bersetuju "mengarahkan Jawatankuasa Tatatertib (PAS) supaya bersidang (untuk) mengkaji sebab-sebab mengapa Saudara Abu Bakar Hamzah tidak boleh digantungkan keahliannya dari PAS" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 7 Mac 1974. Hlm. 3).

³² Pemecatan Abu Bakar Hamzah dari menjadi ahli PAS, yang dikatakan dibuat mengikut Fasal 38(3)(4) Perlembagaan PAS 1973, ini telah dibuat berdasarkan kepada "segala tindak-tanduk (beliau), sama ada melalui perkataan atau perbuatan, (yang) merosakkan keutuhan parti, sama ada ke dalam maupun ke luar, terutama kerana beliau adalah Naib Yang Dipertua Agung PAS" (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 26 April 1974 bertajuk "Pemecatan Dari Ahli PAS". Hlm. 1).

³³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Mei 1974. Hlm. 3.

³⁴ Sewaktu membuat rayuan ke atas pemecatan beliau ini, Abu Bakar Hamzah telah mendakwa bahawa Jawatankuasa Tatatertib PAS "tidak memanggil (beliau) berdepan bahkan tidak pernah memberitahu sebarang apa jua pun mengenai apa-apa yang (ia) anggap kesalahan (beliau) dan...telah tidak dapat membuktikan serta menamakan apa dia kesalahan yang dituduhkan terhadap (beliau)" (Surat Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 27 April 1974 (tidak bertajuk). Hlm. 1). Ekoran dakwaan Abu Bakar Hamzah ini, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Mei 1974 pun menamakan kesalahan-kesalahan beliau itu, iaitu "berusaha hendak menubuhkan sebuah parti baru sesudah tidak puas hati dengan keputusan dan tindakan parti", "menghasut ahli-ahli PAS supaya bencikan pemimpin PAS serta menggambarkan seolah-olah PAS sudah menyeleweng", "membuat dan mengeluarkan surat-surat siaran yang mengandungi fitnah-fitnah dan kritik yang boleh menimbulkan keretakan dalam parti dan menyebarkan surat-surat siarannya itu secara terbuka", "menggunakan gambar *letterhead* Pejabat Agung PAS untuk surat-surat siarannya" dan "menghasut ahli-ahli parti supaya menentang kerajaan

terhadap tindakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1973 mengekalkan, di sebalik rayuan beliau,³⁵ keputusan mesyuaratnya pada 25 Julai 1973 yang memberhentikan beliau dari jawatan Setiausaha Agung PAS mulai dari tarikh 26 Julai 1973³⁶ di atas dakwaan meninggalkan tugas kepartian dengan berada di luar negara di dalam satu tempoh masa yang lama³⁷ yang mendorong beliau mencabar Mohd Asri

campuran dan (supaya) bersiap-sedia untuk menjadi calon-calon bebas di dalam pilihan raya akan datang" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Mei 1974. Hlm. 2-3).

³⁵ Surat Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 7 Ogos 1973 bertajuk "Pohon Dikaji Semula Tindakan Memberhentikan Abu Bakar Hamzah Dari Menjadi Setiausaha Agung Parti PAS". Hlm. 1. Abu Bakar Hamzah pada mulanya telah mengemukakan rayuan beliau ini secara lisan di dalam Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 6 Ogos 1973, tetapi beliau telah kemudiannya turut mengemukakan rayuan beliau ini secara bertulis ekoran keputusan mesyuarat ini yang, selain "meminta supaya YB Saudara Ustaz Haji Abu Bakar Hamzah membuat laporan bertulis mengenai lawatan (beliau) ke luar negeri dan lain-lain penjelasan yang ada kaitannya dengan hasrat beliau (berkaitan dengan jawatan Setiausaha Agung PAS)", "meminta supaya YB Saudara Ustaz Haji Abu Bakar Hamzah membuat rayuan bertulis kepada Saudara Yang Dipertua Agung PAS tentang hasrat beliau berkaitan dengan jawatan Setiausaha Agung PAS" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 6 Ogos 1973. Hlm. 1).

³⁶ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1973. Hlm. 2. Pemberhentian Abu Bakar Hamzah dari jawatan Setiausaha Agung PAS--yang, mengikut Abu Bakar Hamzah sendiri, menyebabkan beliau menitiskan air mata, "bukan kerana sayangkan pangkat, bukan kerana hilang wang gaji dan tidak juga kerana sesuatu kepentingan diri sendiri", tetapi "kerana (beliau) tidak diberi peluang untuk membuat sesuatu yang amat berguna kepada PAS" (Surat Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 5 September 1973 bertajuk "Masalah Saya Menitiskan Air Mata Sebab Dilucut Dari Jawatan Setiausaha Agung". Hlm. 1)--ini telah dibuat berdasarkan kepada "ketiadaan (beliau) sebagai Setiausaha Agung di dalam negeri dalam tempoh yang amat panjang tanpa sebab-sebab yang munasabah yang telah menimbulkan suatu kesan buruk kepada imej parti" dan "(kegagalan beliau untuk) memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap arahan parti supaya pulang dengan segera" (Surat Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, kepada Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 26 Julai 1973 bertajuk "Jawatan Setiausaha Agung PAS". Hlm. 1).

³⁷ Tujuan asal Abu Bakar Hamzah berada di luar negara adalah untuk menghadiri satu seminar anjuran "Commonwealth Parliamentary Association" di United Kingdom di antara tarikh-tarikh 28 Mac 1973 dan 17 April 1973, juga untuk "membuat lawatan singkat ke beberapa buah negara Eropah dan Timur Dekat" di dalam perjalanan pulang beliau ke tanah air ("Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 3/4 Thn. 1, Mac/April 1973. Hlm. 10). Walau bagaimanapun, beliau, yang bertolak ke United Kingdom pada 24 Mac 1973, hanya kembali ke Malaysia pada 29 Julai 1973 (Laporan Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 8 Ogos 1973 bertajuk "Laporan Ringkas Mengenai Lawatan Abu Bakar Hamzah Ke Luar Negeri Pada 24 Mac-29 Julai 1973". Hlm. 1). Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1973 mulanya hanya memutuskan untuk "menghantar telegram kepada Abu Bakar Hamzah supaya segera pulang" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1973. Hlm. 6), tetapi setelah beliau tidak juga pulang-pulang setelah telegram ini dihantarkan kepada beliau, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 Julai 1973 pun memutuskan untuk "memberhentikan Abu Bakar Hamzah dari menjadi Setiausaha Agung PAS mulai dari 26 Julai 1973 mengikut Fasal 17(4) Perlembagaan PAS (1973)" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 Julai 1973. Hlm. 3).

Muda bagi merebut jawatan Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Agung

Tahunan PAS Kali Ke-19 yang berakhir dengan kekalahan beliau (34 lawan 261 undi).³⁸

Di sebalik tindakan Mohd Fakhruddin Abdullah menurunkan sekumpulan calon yang berpendidikan agak tinggi di dalam satu gabungan, iaitu Bebas Bersatu, yang menggunakan manifesto bertajuk "Untuk Kerajaan Negeri Yang Jujur, Bersih Dan Cekap"³⁹--tindakan yang dituruti oleh Abu Bakar Hamzah di Perlis⁴⁰--gabungan yang pada umumnya lebih didasarkan kepada krisis ketidakpercayaan terhadap Ishak Lotfi Omar daripada penentangan ke atas penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional ini tetap

³⁸ "Dato' Asri kalahkan Bakar Hamzah (Dua muka baru dalam Jawatankuasa Agung PAS)", dlm. Utusan Melayu, 24 September 1973; "Asri dipilih semula ketuai PAS (Bakar Hamzah dapat 34 undi)", dlm. Utusan Malaysia, 24 September 1973; dan "Dato' Asri dipilih lagi ketuai PAS (Bakar Hamzah tewas)", dlm. Berita Harian, 24 September 1973. Menariknya, di dalam surat beliau kepada Hassan Shukri, Hasan Adli Arshad telah meminta Hassan Shukri "(meng)khabar(kan) saja kepada (Abu Bakar Hamzah) sekurang-kurangnya dua cawangan, Teluk Anson dan Hutan Melintang, memang (akan) mencadangkan (nama beliau sebagai calon Yang Dipertua Agung PAS)" selain turut menyatakan "eloklah dia tanding, jangan tarik diri" (Surat Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Pemangku Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 10 September 1973 (tidak bertajuk). Hlm. 1)--kenyataan yang walau bagaimanapun berlawanan dengan nasihat beliau, sewaktu mengumumkan ketidaksediaan beliau sendiri untuk menandingi jawatan Yang Dipertua Agung PAS walaupun setelah nama beliau dicalonkan oleh beberapa buah PAS Cawangan, supaya Abu Bakar Hamzah "(mem)buang yang keruh, (meng)ambil yang jernih, (dan) bekerja rapat semula dengan Dato' Asri (di dalam) melaksanakan amanah parti (di) dalam kerajaan campuran" (Kenyataan akhbar Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 18 September 1973 bertajuk "Belum Bersedia". Hlm. 1). Di dalam surat beliau kepada Hassan Shukri pula, Abu Bakar Hamzah telah menyatakan: "PAS pernah membuat keputusan hendak mengemukakan Saudara Hasan Adli menjadi Pengarah (Yayasan) Dakwah (Islamiah Malaysia), oleh itu hendaklah disegerakan hal ini, setidak-tidaknya agar jangan sampai terlepas dari yang patut menerima yang sedang menunggu" (Surat Abu Bakar Hamzah kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 3 Disember 1973 bertajuk "Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung Pada 17 Oktober 1973". Hlm. 2). Hasan Adli Arshad telah kemudiannya dijadikan Timbalan Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (manakala Syed Nasir Ismail pula telah dijadikan Pengerusinya) apabila penubuhannya diumumkan oleh Abdul Razak Hussein pada 25 Januari 1974 ("Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 1 Thn. 2, Januari 1974. Hlm. 6).

³⁹ Manifesto Bebas Bersatu di dalam Pilihan Raya Umum 1974 bertajuk "Untuk Kerajaan Negeri Yang Jujur, Bersih Dan Cekap". Hlm. 1-9. Tegas manifesto ini: "Jika calon-calon Bebas Bersatu menang dalam Pilihan Raya (Umum) 1974 ini dan dapat mendokong atau menubuhkan kerajaan di Negeri Kelantan, kami bersumpah untuk melaksanakan dengan penuh kejujuran dan kesungguhan (10 garis kasar perjuangan kami)", di mana 1 daripada 10 garis kasar perjuangan Bebas Bersatu ini ialah bahawa ia akan "membentuk sebuah kerajaan yang kukuh, berkesan dan bersih dari segala jenis rasuah dan penyalahgunaan kuasa oleh golongan orang-orang yang memegang teraju kerajaan...".

⁴⁰ Abu Bakar Hamzah sendiri telah menandingi kerusi Dewan Undangan Negeri Sanglang tetapi beliau, yang memperolehi 1,583 undi, telah dikalahkan oleh calon Barisan Nasional dari PAS, Ahmad Long, yang memperolehi 2,109 undi (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974. Hlm. 69).

gagal menjaskan prestasi PAS di dalam Pilihan Raya Umum Ke-5 yang telah dilangsungkan pada 24 Ogos 1974.⁴¹ Di dalam pilihan raya umum yang menggunakan persempadan baru kawasan pilihan raya yang menyaksikan penambahan 10 kerusi Dewan Rakyat dan 30 kerusi Dewan Undangan Negeri di Semenanjung ini,⁴² PAS, yang buat pertama kali berkongsi simbol⁴³ dan manifesto--yang di antara lainnya menegaskan komitmen Barisan Nasional untuk terus memuliakan Islam sebagai agama rasmi negara⁴⁴--bertajuk "Barisan Rakyat Untuk Malaysia Bahagia" dengan UMNO, MCA, MIC, GRM, PPP, SUPP, PPBB dan PPS,⁴⁵ telah memenangi 14 kerusi Dewan Rakyat⁴⁶ dan 50 daripada 51 kerusi Dewan Undangan Negeri⁴⁷ yang diperuntukkan kepadanya.

⁴¹ Jelas Abdul Razak Hussein di dalam ucapan beliau sewaktu melancarkan siri ceramah politik di Radio Malaysia pada 11 Ogos 1974: "Sebenarnya...kerajaan yang ada sekarang masih mempunyai tempoh 18 bulan lagi untuk memerintah, tetapi saya telah memutuskan (untuk) mengadakan pilihan raya lebih awal kerana saya ingin mengetahui setakat mana sokongan rakyat kepada Barisan Nasional dan dasar-dasar yang diperjuangkannya. Bagaimanapun, saya yakin sekurang-kurangnya 80% rakyat negara ini menyokong Barisan Nasional dan dasar-dasar yang dijalankannya..." (Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri (1979). Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Hussein 1974. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 356).

⁴² Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974. Hlm. 2-3 dan 26-27.

⁴³ Menariknya, sementara penggunaan neraca sebagai simbol pilihan raya Barisan Nasional--yang disifatkan oleh lidah rasmi PAS sebagai "sesuai" kerana "neraca adalah menjadi lambang keadilan yang telah dikenali sejak beberapa lama dahulu lagi" dan kerana "di antara tujuan (penubuhan Barisan Nasional) ialah untuk mencapai (satu) masyarakat (yang) adil dan saksama" ("Sepanjang jalan", dlm. Berita PAS, Bil. 6/7 Thn. 2, Jun/Julai 1974. Hlm. 12)--hanya diumumkan pada 10 Julai 1974 (Ibid. Hlm. 12), Hasan Adli Arshad telah, di dalam kertas kerja beliau seawal tahun 1971 lagi, mencadangkan supaya bulan bintang yang sedang digunakan sebagai simbol pilihan raya PAS pada masa itu "ditukar kepada dacing (neraca) dua daun seperti (yang) pernah digunakan oleh PAS Singapura" kerana "orang-orang bukan Islam banyak menganggap bulan bintang itu sebagai simbol umat Muslimin menentang kafir dan banyak dari(pada) mereka merasa keberatan dengan simbol seperti itu" (Kertas kerja Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 14 Mei 1971 bertajuk "Syor-Syor Pindaan (Perlumbaan) PAS". Hlm. 5).

⁴⁴ Manifesto Barisan Nasional di dalam Pilihan Raya Umum 1974 bertajuk "Barisan Rakyat Untuk Malaysia Bahagia". Hlm. 7. Walaupun begitu, sementara ia--yang disifatkan oleh Diane Kathleen Mauzy sebagai "*a hastily-written general platform representing a non-contentious minimal level of agreement between the component parties*" (Diane Kathleen Mauzy (1978). Consociation and Coalition-Building in Malaysia. The University of British Columbia. Hlm. 223)--memperuntukkan sebanyak 3 halaman untuk memperkatakan tentang janji-janji Barisan Nasional di dalam bidang "kemajuan ekonomi", janji-janjinya di dalam bidang "agama", yang sebenarnya merupakan satu tajuk kecil kepada tajuk "perkhidmatan sosial", pula hanyalah diperkatakan di dalam tiga baris ayat sahaja, iaitu bahawa "Barisan Nasional akan menjamin kebebasan beragama bagi semua rakyat", bahawa "Islam sebagai agama rasmi akan terus dimuliakan sesuai dengan tarafnya" dan bahawa "sistem pelajaran agama di sekolah rendah dan menengah serta di pusat-pusat pelajaran tinggi akan disusun semula untuk memenuhi kehendak-kehendak pembangunan negara".

Sepertimana kebanyakan kerjasama politik yang lain, masalah utama yang sering menjadi punca pertikaian ialah soal peruntukan kerusi kepada setiap parti politik yang bekerjasama itu. Oleh itu, tidak menghairankanlah sekiranya sebahagian besar ahli PAS--yang di dalam Pilihan Raya Umum 1969, walaupun sekadar memenangi 12 dan 40 kerusi,⁴⁸ telah menandingi 62 dan 185 kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri masing-masingnya⁴⁹--amat tidak berpuas hati dengan peruntukan 14 dan 51 kerusi yang diberikan kepada PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1974 ini berbanding peruntukan 61 dan 170 kerusi yang diberikan kepada UMNO⁵⁰--yang di dalam Pilihan Raya Umum 1969 telah memenangi 51 dan 133 kerusi daripada 67 dan 187 kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri yang ditandinginya.⁵¹ Menggambarkan keseriusan masalah ketidakpuasan hati ke atas peruntukan kerusi yang diberikan kepada PAS ini adalah laporan bahawa "beberapa buah Dewan Pemuda PAS Negeri telah

⁴⁵ Manifesto Barisan Nasional di dalam Pilihan Raya Umum 1974 bertajuk "Barisan Rakyat Untuk Malaysia Bahagia". Hlm. 3.

⁴⁶ Penyata Tahunan PAS 1974/1975. Hlm. 12; dan Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974. Hlm. 44-67.

⁴⁷ Penyata Tahunan PAS 1974/1975. Hlm. 12-14; dan Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974. Hlm. 68-131. Calon tunggal PAS yang mengalami kekalahan di peringkat Dewan Undangan Negeri ini ialah Mohd Ghazali Ahmad yang memperolehi 1,561 undi di Batu Burok, Terengganu, berbanding 1,706 undi yang diperolehi oleh Abdul Mutalib Salleh, calon Bebas--Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1974/1975 walau bagaimanapun mengidentifikasi beliau sebagai "calon Bebas dari UMNO" (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1974/1975. Hlm. 1)--, 1,023 undi yang diperolehi oleh Yasin @ Ismail Awang, calon PSRM, dan 196 undi yang diperolehi oleh Harun @ Abdul Rahman Mohamad, seorang lagi calon Bebas (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974. Hlm. 83).

⁴⁸ Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 115.

⁴⁹ Ibid. Hlm. 11 dan 38.

⁵⁰ Penyata Tahunan PAS 1974/1975. Hlm. 12-14; dan Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974. Hlm. 44-131.

lumpuh akibat daripada perlaksanaan pilihan raya umum itu (sementara) Dewan Pemuda PAS Pusat turut mengalami keadaan yang sama sehinggakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja yang dipanggil sebanyak empat kali hanya sekali yang dapat dilangsungkan".⁵²

Tatkala masalah ketidakpuasan hati ke atas peruntukan jawatan di peringkat pusat tidak begitu menonjol kerana, berbanding satu jawatan Menteri dan satu jawatan Setiausaha Parlimen yang diberikan kepada PAS ekoran pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS,⁵³ pembentukan Barisan Nasional menyaksikan PAS diberikan tambahan dua jawatan Timbalan Menteri,⁵⁴ masalah ketidakpuasan hati turut berlaku ke

⁵¹ Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 52-114.

⁵² Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1974/1975. Hlm. 3.

⁵³ PAS walau bagaimanapun telah diberikan tambahan satu jawatan Timbalan Menteri di dalam rombakan kabinet yang telah dibuat oleh Abdul Razak Hussein ekoran kematian Dr Ismail Abdul Rahman pada 2 Ogos 1973 (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1973. Hlm. 1-3; "Hussein dilantik Timbalan Perdana Menteri: 3 Timbalan Menteri jadi Menteri Penuh", dlm. Berita Harian, 14 Ogos 1973; "Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 8 Thn. 1, Ogos 1973. Hlm. 15; dan Penyata Rasmi. Dewan Rakyat. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Ketiga. Jil. III, Bil. 26, Hari Isnin, 26 November 1973. Ruangan 3046-3054).

⁵⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Oktober 1974. Hlm. 3. Ahli-Ahli Dewan Rakyat PAS yang telah, pada 5 September 1974, dilantik untuk menganggotai kabinet Kerajaan Persekutuan oleh Abdul Razak Hussein ekoran pembentukan Barisan Nasional ini ialah Mohd Asri Muda (sebagai Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-Tugas Khas), Hasan Adli Arshad (sebagai Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat), Abu Bakar Umar (sebagai Timbalan Menteri Kesihatan) dan Mustafa Ali (sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian) ("Mustapha dalam kabinet: 22 Menteri dalam kerajaan '*action-oriented*' Razak diumumkan", dlm. Utusan Malaysia, 6 September 1974; dan Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keempat. Penggal Pertama. Jil. I, Bil. 1, Hari Isnin, 4 November 1974. Ruangan 5-16). Ahli-Ahli Dewan Rakyat PAS yang telah, pada 5 Mac 1976, dilantik untuk menganggotai kabinet Kerajaan Persekutuan oleh Hussein Onn ekoran kematian Abdul Razak Hussein pada 14 Januari 1976 pula ialah Mohd Asri Muda (sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah), Hasan Adli Arshad (sebagai Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan), Abu Bakar Umar (sebagai Timbalan Menteri Kesihatan), Mustafa Ali (sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian) dan Mohd Zahari Awang (sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri) ("Susunan kabinet baru Hussein", dlm. Utusan Malaysia, 6 Mac 1976; Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keempat. Penggal Kedua. Jil. II, Bil. 1, Hari Rabu, 31 Mac 1976. Ruangan 5-14; dan "Tahniah dan ucapan selamat", dlm. Berita PAS, Bil. 1 Thn. 3, April 1976. Hlm. 15). Ekoran ketidaksenangan Kerajaan Thailand ke atas tindakan beliau membantu kegiatan pejuang pemisah Islam di Selatan Thailand--tindakan yang dikatakan sengaja diperbesar-besarkan oleh Abdullah Ahmad bagi menggerhanakan karier politik beliau--, Mohd Zahari Awang telah kemudiannya mengundurkan diri dari jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri untuk menyandang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan pula (Wawancara dengan Mohd Zahari Awang di kediaman beliau pada 4 Januari 2004; Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 8 Jun 1976. Hlm. 2; dan Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keempat. Penggal Kedua. Jil. II, Bil.

atas peruntukan jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Kedah⁵⁵ dan Terengganu⁵⁶ kepada PAS yang menyaksikan ia dikekalkan seperti di zaman Kerajaan Campuran Perikatan-PAS (dua jawatan) di sebalik tambahan satu jawatan yang sama yang terpaksa dilepaskan oleh PAS kepada UMNO di Kelantan⁵⁷ tetapi ia walau bagaimanapun tidaklah seserius masalah ketidakpuasan hati ke atas peruntukan kerusi.⁵⁸

14, Hari Isnin, 5 Julai 1976. Ruangan 1505-1514). Di dalam rombakan kabinet yang telah dibuat oleh Hussein Onn pada 14 April 1977 pula, Mustafa Ali telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar manakala Abdul Wahab Yunus telah turut dilantik menjadi Setiausaha Parliment Kementerian Kewangan (Kementerian Penerangan Malaysia (1979). Malaysia 1977: Official Year Book. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Malaysia. Hlm. 463; dan Penyata Rasmi Parliment. Dewan Rakyat. Parliment Keempat. Penggal Ketiga. Jil. III, Bil. 13, Hari Isnin, 11 Julai 1977. Ruangan 1425-1436). Kenaikan pangkat Mustafa Ali dan perlantikan Abdul Wahab Yunus ini walau bagaimanapun tidaklah begitu mengejutkan, malah sepatutnya dibuat lebih awal lagi, memandangkan Mohd Asri Muda sendiri telah pernah memaklumkan Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 17 Mac 1976 bahawa "di dalam penyusunan kecil kabinet di dalam masa yang dekat ini, kita akan mendapat seorang lagi--sebagaimana dijanjikan--Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parliment, (iaitu) Mustafa Ali dan Abdul Wahab Yunus" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 17 Mac 1976. Hlm. 2).

⁵⁵ Dua Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dari PAS yang telah dilantik menjadi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah "mulai dari 9 September 1974 sampai 8 September 1975" (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 26 September 1974, No. 333), "mulai dari 9 September 1975 sampai 8 September 1976" (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 9 Oktober 1975, No. 315), "mulai dari 9 September 1976 hingga 8 September 1977" (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 7 Oktober 1976, No. 279) dan "mulai dari 9 September 1977 hingga 31 Disember 1978" (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 10 November 1977, No. 335) ini ialah Sudin Wahab dan Ismail Kassim.

⁵⁶ Dua Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari PAS yang telah dilantik menjadi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu "mulai dan termasuk pada 12 September 1974" ini ialah Harun Jusoh dan Awang Bakar (Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 10 Oktober 1974, No. 484).

⁵⁷ Tiga Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari Perikatan yang telah dilantik menjadi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan "mulai dari 28 September 1974" ini ialah Hussain Ahmad, Dr Nik Hussain Abdul Rahman dan Che' Lat Kassim (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 5 Disember 1974, No. 508).

⁵⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Oktober 1974. Hlm. 3. Ekoran pembentukan Barisan Nasional ini juga, PAS telah diperuntukkan dengan satu jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Perak di mana Ahli Dewan Undangan Negeri Perak dari PAS yang telah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak "mulai dari tarikh pembentukan Kerajaan Perak yang baru sejurus setelah berlangsungnya Pilihan Raya Umum 1974" (Wawancara dengan Salahuddin Abdullah di kediaman beliau pada 27 Mac 2004) ini ialah Muhammad Junid--tarikh perlantikan beliau walau bagaimanapun tidak dapat diketahui dengan tepat kerana Warta Kerajaan Negeri Perak sekadar mewartakan perlantikan, pada 4 September 1974, Menteri Besar Perak sahaja, tetapi tidak perlantikan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak (Warta Kerajaan Negeri Perak, 27 Februari 1975, No. 155). Setelah Hussein Onn mengambil-alih jawatan Perdana Menteri Malaysia daripada Abdul Razak Hussein, PAS telah turut diperuntukkan dengan satu jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Perlis dan Pulau Pinang masing-masingnya, di mana Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis dari PAS yang telah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis "mulai dari 12 September 1976 hingga 11 September 1977" (Warta Kerajaan Negeri Perlis, 7 Oktober 1976, No. 70) dan "selama setahun lagi mulai dari 12 September 1977 hingga 11 September 1978" (Warta Kerajaan Negeri Perlis, 29 September 1977, No. 55) ini ialah Ahmad Long manakala Ahli

Berhadapan dengan masalah ketidakpuasan hati ke atas peruntukan kerusi yang disuarakan oleh 7 Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS,⁵⁹ Mohd Asri Muda telah cuba meredakannya dengan menegaskan bahawa perjuangan PAS bukanlah bertujuan untuk merebut kerusi semata-mata tetapi adalah untuk mencapai matlamat yang lebih besar yang hanya akan dapat dicapai melalui kesediaan PAS mengikuti arus politik semasa.⁶⁰

Masalah ketidakpuasan hati Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini tambah melebar di dalam dua mesyuarat mereka yang seterusnya pada 8 April 1975 dan pada 14 Julai 1975 tatkala sebahagian daripada mereka telah membangkitkan masalah kekurangan penyertaan ahli-ahli PAS di dalam badan-badan berkanun.⁶¹ Masalah ini dikatakan telah cuba diatasi melalui penganjuran Mesyuarat Setiausaha-Setiausaha Agung parti-parti komponen Barisan Nasional yang menghasilkan ketetapan meminta Setiausaha Agung Barisan Nasional memberi arahan kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya menyertakan ahli-ahli parti-parti komponen Barisan Nasional di dalam badan-badan berkanun di peringkat negeri tetapi ia terus juga wujud apabila arahan itu dilapor telah gagal dilaksanakan oleh mereka.⁶² Lebih menegangkan lagi

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari PAS yang telah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pulau Pinang "mulai dari 19 April 1977" ini ialah Zabidi Ali (Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 28 April 1977, No. 246).

⁵⁹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Oktober 1974. Hlm. 2. Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang telah menyuarakan ketidakpuasan hati mereka ke atas peruntukan kerusi yang diberikan kepada PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1974 ini ialah Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Mohd Noor Yusoff, Abdul Wahab Mohd Nor, Kassim Ahmad, Mohd Taha Kalu, Mohd Daud Abdul Samad dan Sufian Mohamad. Selain ketidakpuasan hati ke atas peruntukan kerusi ini, ketidakpuasan hati ke atas pemilihan calon-calon PAS, khususnya di Kelantan dan Kedah, yang dikatakan telah dibuat dengan mengetepikan kehendak ranting dan cawangan PAS, juga telah disuarakan oleh Khairil Khatib dan Ali Taib, manakala Abdul Wahab Yunus pula telah menyuarakan kebimbangan beliau kerana PAS dikatakan "terlalu banyak dicampur-tangan oleh orang lain".

⁶⁰ Ibid. Hlm. 3. Mohd Asri Muda juga turut menyatakan bahawa peruntukan kerusi pilihan raya ini telah ditentukan "setelah perundingan demi perundingan diadakan".

⁶¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 8 April 1975. Hlm. 4; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1975. Hlm. 2.

keadaan adalah pengakuan terbuka Mohd Asri Muda, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1975--mesyuarat terakhirnya sebelum berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 29 dan 30 Julai 1975--, bahawa perjalanan Barisan Nasional telah gagal untuk memuaskan hati ahli-ahli parti-parti komponennya "di dalam banyak perkara".⁶³

Selaras dengan kenyataan beliau di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 8 April 1975 bahawa penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional tidak bererti bahawa pertarungan politik di antara PAS dan UMNO telah terhenti, tetapi ia bererti bahawa cara pertarungan politik itu berlaku menjadi berbeza,⁶⁴ Mohd Asri Muda, yang menjangkakan bahawa masalah ketidakpuasan hati terhadap perlaksanaan Barisan Nasional ini akan ditimbulkan dengan lebih hebat di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21 sehingga memungkinkan "akan ada ahli-ahli kita yang agak kecewa di dalam hal ini akan membuat usul supaya kita keluar dari Barisan Nasional",⁶⁵ telah merangka satu strategi khusus bagi menangani masalah ini. Strategi yang dirangka oleh beliau ini--strategi yang dikatakan akan menjadi satu gertakan yang agak berkesan terhadap kepimpinan Barisan Nasional memandangkan Abdul Razak Hussein sendiri dikatakan "tidak suka kita berpisah"⁶⁶--memerlukan beliau memberikan satu ucapan dasar yang bernada agak keras tetapi bijaksana dan matang sehubungan dengan masalah

⁶² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1975. Hlm. 2. Pendedahan mengenai perkara ini telah dibuat oleh Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri.

⁶³ Ibid. Hlm. 2. Mengikut Mohd Asri Muda, beliau sendiri telah melaporkan kepada Abdul Razak Hussein mengenai "arahan-arahan (yang telah diberikan oleh Abdul Razak Hussein) kepada ketua-ketua kerajaan negeri yang tidak ditunaikan (oleh mereka)".

⁶⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 8 April 1975. Hlm. 3.

⁶⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1975. Hlm. 2-3.

⁶⁶ Ibid. Hlm. 3.

perlaksanaan Barisan Nasional di samping memerlukan perwakilan mengemukakan usul bagi mengkaji semula perlaksanaan Barisan Nasional di dalam cara yang lebih meluas.⁶⁷

Di sebalik ingatan Mohd Asri Muda agar para perwakilan tidak membiarkan ketidakpuasan hati mereka ke atas perlaksanaan Barisan Nasional--yang dikatakan dikongsi⁶⁸ dan difahami⁶⁹ oleh beliau--meretakkan perpaduannya kerana "sebarang keretakan yang berlaku akan membuka peluang kepada pencelahan dari berbagai unsur yang tidak diingini bagi melemahkan kedudukan negara",⁷⁰ apatah lagi apabila ia dikatakan telah membolehkan PAS menambahkan jumlah kerusinya di Dewan Rakyat dan di Dewan-Dewan Undangan Negeri,⁷¹ para perwakilan yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21 terus juga meluahkan ketidakpuasan hati mereka itu, khususnya ke atas peruntukan kerusi pilihan raya⁷² dan jawatan kerajaan yang diberikan

⁶⁷ Ibid. Hlm. 2-3.

⁶⁸ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21 pada 29 dan 30 Julai 1975 bertajuk "Matlamat Perpaduan Kita". Hlm. 15. Jelas Mohd Asri Muda: "Noktah yang agak mendukacitakan ialah perlaksanaan dalam bidang penyertaan. Kita menerima laporan-laporan hampir dari seluruh negara mengenai kerjasama yang boleh dikatakan masih belum wujud, malah tidak begitu diberikan perhatian yang wajar. Kita bimbang oleh kerana kurang waspadanya kita terhadap perkara-perkara yang oleh setengah pihak menganggap sebagai perkara kecil, hasrat kita yang pokok dan penting itu akan berkecaci".

⁶⁹ Ibid. Hlm. 15-16. Jelas Mohd Asri Muda: "Saya dapat mengerti dan membaca apa yang tersirat dalam hati sanubari para perwakilan sekalian tentang pandangan saudara-saudari terhadap detup-detup gerak nadi Barisan Nasional. Jelas sekali saudara-saudari memandang dengan perasaan berombak dan membuka, seolah-olahnya terlahir kesimpulan pendek: Jika beginilah keadaan, ayuh, kita berdayung di kolek sendiri semula".

⁷⁰ Ibid. Hlm. 15. Tanya Mohd Asri Muda seterusnya: "Bagaimana kita akan mempertahankan tuntutan-tuntutan pengorbanan yang besar--keselamatan, perpaduan, ancaman komunis, subversif dan lain-lain--jika sepenuh jiwa raga tidak dapat ditumpukan seluruhnya disebabkan gurisan-gurisan kecil yang terpendam lukanya itu?" (Ibid. Hlm. 16).

⁷¹ Ibid. Hlm. 2. Mohd Asri Muda telah khususnya mengingatkan para perwakilan bahawa "keputusan kita untuk menggunakan satu platform dan satu *banner* dalam pilihan raya lalu menyebabkan...buat pertama kali dalam sejarah perjuangan kita, PAS dapat menyertakan wakil-wakilnya hampir pada setiap Dewan (Undangan) Negeri di Semenanjung Malaysia". Kejayaan ini dianggap amat bermakna bagi beliau kerana "sejak 24 tahun yang lalu kita berjuang...tetapi dari segi jumlah kerusi dalam beberapa Dewan (Undangan) Negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia tidak pernah tercapai".

kepada PAS,⁷³ serta ke atas kelembapan usaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara.⁷⁴ Dakwaan kekurangan kerjasama daripada UMNO, khususnya ke atas usaha-usaha PAS untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara, juga dakwaan kegagalan para pemimpin UMNO untuk menghormati PAS, malah telah mendorong wakil-wakil Dewan Pemuda PAS Pusat,⁷⁵ Ulu Kelantan,⁷⁶ Nilam Puri⁷⁷ dan Shah Alam⁷⁸ membayangkan keperluan untuk PAS terus keluar dari Barisan Nasional.

Setelah Mohd Asri Muda memberikan jaminan bahawa masalah kekurangan kerjasama di antara PAS dan UMNO akan cuba diatasi⁷⁹ dan bahawa PAS tidak akan

⁷² Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21 pada 29 dan 30 Julai 1975. Hlm. 15, 16, 20, 22 dan 28. Ketidakpuasan hati mengenai perkara ini telah diluahkan oleh wakil-wakil Jerai, Batu Pahat, Pontian, Parit Buntar, Arau, Kangar, Pekan dan Taiping.

⁷³ Ibid. Hlm. 19, 20 dan 30. Ketidakpuasan hati mengenai perkara ini telah diluahkan oleh wakil-wakil Parit Buntar, Kangar dan Besut.

⁷⁴ Ibid. Hlm. 22, 23, 24, 26, 29, 31 dan 33. Ketidakpuasan hati mengenai perkara ini telah diluahkan oleh wakil-wakil Pekan, Kuantan, Dewan Pemuda PAS Pusat, Nilam Puri, Petaling Jaya, Seremban dan Dewan Ulama' PAS Pusat. Wakil-wakil Pekan, Nilam Puri dan Seremban telah mengulas soal pertambahan maksiat di dalam negara; wakil-wakil Kuantan dan Nilam Puri telah mengulas soal ketidakIslamikan dasar pelajaran negara; wakil Kuantan telah mengulas soal ketidakIslamikan dasar kebudayaan negara; wakil Dewan Ulama' PAS Pusat telah mengulas soal ketidakIslamikan perlembagaan negara dan wakil-wakil Dewan Pemuda PAS Pusat dan Petaling Jaya telah mengulas soal kegagalan Islam memainkan peranan yang menyeluruh di dalam urusan pemerintahan negara.

⁷⁵ Ibid. Hlm. 33. Gesa wakil Dewan Pemuda PAS Pusat: "Jika ternyata bahawa dalam penyertaan kita (di dalam Barisan Nasional) itu tidak memberi apa-apa perubahan yang sewajarnya terhadap pembangunan umat Islam dan penerapan ajaran-ajaran (Islam) dalam masyarakat dan negara, lebih baik kita keluar saja dari Barisan Nasional".

⁷⁶ Ibid. Hlm. 31-32. Cadang wakil Ulu Kelantan: "Jika perundingan (dengan pihak yang bertanggungjawab di dalam Barisan Nasional) itu menghasilkan banyak perkara yang memberi faedah kepada Islam dan perjuangan parti, maka bolehlah kita terus bersama-sama dalam Barisan Nasional, tapi, jika sebaliknya, kami me(lihat) lebih baik kita keluar saja dari Barisan Nasional itu, ini lebih baik dan selamat bagi kita".

⁷⁷ Ibid. Hlm. 26. Gesa wakil Nilam Puri: "Tentang penyertaan PAS dalam Barisan Nasional, kami berpendapat bahawa setelah berbagai usaha kita jalankan demi untuk mewujudkan satu bentuk kerjasama, (tetapi) kita tidak juga dihormati, maka eloklah rasanya kita berdayung sendiri".

⁷⁸ Ibid. Hlm. 25. Ujar wakil Shah Alam: "Kami dukacita kerana sehingga pada masa ini perasaan (hormat-menghormati di antara UMNO dan PAS) masih belum wujud lagi. Kami bimbang kalau ini berterusan, akan cepatlah kita keluar dari Barisan Nasional".

⁷⁹ Ibid. Hlm. 35. Tegas Mohd Asri Muda: "Kalau saudara-saudara para perwakilan tidak puas hati dengan perjalanan dan kerjasama dalam Barisan Nasional yang kita serta sekarang, maka saya dan

dihalang dari menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara,⁸⁰ ucapan dasar beliau pun diterima oleh para perwakilan⁸¹ dengan ingatan "supaya Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengambil langkah yang lebih positif bagi mengatasi segala sungutan dan kepincangan yang berlaku di dalam Barisan Nasional sekarang".⁸² Mereka juga turut meluluskan usul khas Dewan Pemuda PAS Pusat,⁸³ dengan pindaan wakil Tumpat⁸⁴ dan Mohd Asri Muda,⁸⁵ supaya Mesyuarat Agung Tahunan PAS ini, disebabkan perlaksanaan dasar pembangunan rohani dikatakan belum seimbang dengan pembangunan jasmani, disebabkan PAS dikatakan tidak diberikan peluang penyertaan yang sewajarnya di dalam jawatankuasa dan perbadanan di semua peringkat, dan disebabkan sikap dan tindak-tanduk tertentu tokoh-tokoh Barisan Nasional dikatakan menekan dan menindas PAS, "memberi mandat kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS

Jawatankuasa (Kerja) Agung lebih tidak puas hati lagi daripada saudara-saudara, tapi walau bagaimanapun perkara ini kita harapkan tidak akan berpanjangan".

⁸⁰ Ibid. Hlm. 35-36. Tegas Mohd Asri Muda: "Menyentuh tentang pindaan (ke atas) Perlembagaan Malaysia (bagi) (meny)esuai(kannya) dengan ajaran-ajaran Islam...usaha-usaha ke arah itu memang boleh dibuat, (te)tapi (ia akan) memakan waktu yang lama dan melalui proses yang panjang. Walaupun demikian, kita tidak terhalang untuk melakukan penerapan Islam itu dari sekarang ke dalam masyarakat dan negara".

⁸¹ Ucapan dasar Mohd Asri Muda ini walau bagaimanapun telah dikritik oleh wakil Kuantan kerana ia dikatakan "tidak pula cuba menghuraikan program kerja PAS dalam melaksanakan cita-cita Islamiahnya di negara ini"--kritikan yang dikongsi oleh wakil Besut yang secara umumnya mengharapkan supaya "PAS dapat membuat garis-garis perjuangan yang lebih tegas dan berani pada masa-masa yang akan datang demi memelihara kekuatan dan keutuhan parti" (Ibid. Hlm. 23 dan 30).

⁸² Ibid. Hlm. 38. Usul ini telah dikemukakan oleh wakil Dewan Pemuda PAS Pusat.

⁸³ Ibid. Hlm. 42. Usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat menghendaki Jawatankuasa Kerja Agung PAS "mengambil sebarang langkah untuk menyelesaikan masalah-masalah (tidak berlakunya perlantikan-perlantikan ahli-ahli PAS dalam jawatankuasa-jawatankuasa dan badan-badan tertentu kerajaan di semua peringkat dan lain-lain tindak-tanduk beberapa tokoh Barisan Nasional yang mengambil peluang melemahkan PAS dalam Barisan Nasional di seluruh negara) dalam tempoh 6 bulan, termasuklah mengambil langkah mengundurkan diri dari menjadi anggota Barisan Nasional jika perlu".

⁸⁴ Ibid. Hlm. 42. Pindaan yang dikemukakan oleh wakil Tumpat sekadar menggantikan istilah "dalam tempoh 6 bulan" kepada istilah "dalam tempoh setahun".

⁸⁵ Ibid. Hlm. 43. Sebelum sempat pindaan yang dikemukakan oleh wakil Tumpat diundi, Mohd Asri Muda telah membuat satu pindaan yang lebih menyeluruh ke atas usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat dengan mengubah susunan ayat-ayatnya, dengan menambahkan satu alasan baru bagi menjustifikasi pengemukaan usul ini, iaitu perlaksanaan dasar pembangunan rohani yang dikatakan belum seimbang dengan pembangunan jasmani, dan dengan mengekalkan pindaan wakil Tumpat.

untuk menyelesaikan keadaan ini dalam tempoh setahun...bagi menentukan sikap sama ada PAS akan kekal atau keluar dari menjadi parti anggota dalam Barisan Nasional".⁸⁶

Ekoran kelulusan usul khas ini, Mohd Asri Muda--yang telah mengekalkan jawatan Yang Dipertua Agung PAS tanpa bertanding di dalam pemilihan pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21⁸⁷ apabila Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Julai 1975 menolak pencalonan Yang Dipertua PAS Johor Baharu, Ahmad Abdul Rahim, untuk menandingi jawatan itu⁸⁸--telah menemui Abdul Razak Hussein bagi membincangkan soal perlaksanaan kerjasama di dalam Barisan Nasional sementara Mustafa Ali pula telah mengetuai rombongan Dewan Pemuda PAS Pusat menemui Abdul Kadir Yusoff, Peguam Negara, dan Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pelajaran, bagi membincangkan soal pengemukaan rang undang-undang moral ke dalam sidang Dewan Rakyat dan soal penubuhan Maktab Perguruan Islam.⁸⁹ Kedua-dua pertemuan ini dikatakan telah mendatangkan kejayaan yang baik bagi PAS apabila Abdul Razak Hussein dilaporkan telah mengarahkan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-

⁸⁶ Ibid. Hlm. 43. Usul khas ini juga menghendaki Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengemukakan laporan mengenai sikapnya ke atas kedudukan PAS di dalam Barisan Nasional ini kepada Mesyuarat Agung Tahunan PAS yang seterusnya pada tahun hadapan.

⁸⁷ Ibid. Hlm. 39. Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21 ini juga telah memilih Hasan Adli Arshad serta Ali Taib dan Abu Bakar Umar sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung dan Naib-Naib Yang Dipertua Agung PAS--di samping telah turut memilih Baharuddin Abdul Latif, Dr Daeng Sanusi Mariok, Abdul Wahab Yunus, Salmah Shaikh Hussain, Tengku Kamarulzaman Tengku Abdul Hamid, Dr Abbas Alias, Wan Ismail Ibrahim, Mohd Daud Abdul Samad, Hassan Shukri, Khairil Khatib dan Mohamad Nasir sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1975/1977 (Ibid. Hlm. 38-41).

⁸⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Julai 1975. Hlm. 3. Penolakan pencalonan Ahmad Abdul Rahim, yang adalah sebenarnya bekas Yang Dipertua Agung PEMAS yang hanya menyertai PAS pada tahun 1973 ("Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 7 Thn. 1, Julai 1973. Hlm. 12), untuk menandingi jawatan Yang Dipertua Agung PAS ini telah disertakan dengan ketetapan bahawa Jawatankuasa Kerja Agung PAS akan mengemukakan satu "surat rahsia dari Johor" sekiranya beliau tetap berkeras untuk berbuat demikian.

⁸⁹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 November 1975. Hlm. 4-5; "Kerajaan nak gubal undang-undang moral: Meliputi semua bangsa dan agama", dlm. Utusan Melayu, 21 November 1975; dan "Kementerian setuju tubuhkan maktab latih guru-guru agama Islam: Pemuda PAS jumpa Mahathir", dlm. Utusan Melayu, 28 November 1975.

Ketua Menteri supaya segera mengintegrasikan ahli-ahli PAS ke dalam institusi-institusi yang ada di negeri-negeri mereka⁹⁰ manakala Abdul Kadir Yusoff dan Dr Mahathir Mohamad pula dikatakan telah menyetujui syor-syor Dewan Pemuda PAS Pusat itu.⁹¹

Kekecohan Perlantikan Menteri Besar Kelantan

Sementara masalah awal yang dihadapi oleh PAS sehubungan dengan penyertaannya di dalam Barisan Nasional adalah berhubung dengan ketidakpuasan hati ahli-ahlinya ke atas peruntukan kerusi pilihan raya dan peruntukan jawatan yang diberikan kepada PAS, yang diikuti pula dengan ketidakpuasan hati mereka ke atas kelembapan usaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara, satu masalah lain, iaitu masalah perlantikan Menteri Besar Kelantan--yang mulanya hanya dianggap sebagai satu gelora kecil oleh Mohd Asri Muda⁹²--, perlahan-lahan mula memberikan masalah yang lebih besar kepada PAS. Selaras dengan kedudukannya

⁹⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 November 1975. Hlm. 4. Walau bagaimanapun, Mohd Asri Muda turut melaporkan bahawa "hanya sanya pihak UMNO setempat sahaja yang agak dingin dalam melaksanakan arahan-arahan Tun (Abdul Razak Hussein) tersebut". Jelas beliau lagi: "Kita telah banyak melakukan sesuatu di dalam usaha penerapan Islam ke dalam pemerintahan melalui badan-badan berkanun...(cuma) yang menjadi masalah besar kepada kita sekarang ini ialah banyak pegawai kerajaan kita yang menjadi petugas utama melaksanakan keputusan-keputusan terlalu sekularis sehingga menyebabkan sesetengah keputusan yang diambil lambat dapat dijalankan" (Ibid. Hlm. 4-5).

⁹¹ Ibid. Hlm. 5; dan Penyata Tahunan PAS 1975/1976. Hlm. 31, 32 dan 42. Mengikut Mustafa Ali, "(Peguan Negara) telah memberikan jaminan bahawa rang undang-undang moral akan dikemukakan ke (dalam) sidang Dewan Rakyat pada sidang Dewan Rakyat yang akan datang" manakala "Menteri Pelajaran (pula) meminta kita menghantarkan sebuah memorandum mengandungi syor dan cadangan bagi maksud perlaksanaan (penubuhan Maktab Perguruan Islam) seberapa segera yang mungkin" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 November 1975. Hlm. 5). Sementara Penyata Tahunan PAS 1975/1976 menyebutkan bahawa "pihak kerajaan bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Maktab Perguruan Islam (di mana) tapak yang dicadangkan ialah bangunan Kolej Islam Petaling Jaya (tetapi bahawa perlaksanaan projek ini hanya akan dimulakan apabila Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia yang menempati bangunan itu pada masa itu telah dipindahkan ke Bangi)", ia juga turut menyebutkan bahawa "(se)hingga (k)ini (Rang Undang-Undang Moral itu) belum lagi dikemukakan di Dewan Rakyat" (Penyata Tahunan PAS 1975/1976. Hlm. 42). Dua lagi syor penting yang dikemukakan oleh Dewan Pemuda PAS Pusat, iaitu soal penubuhan Universiti Islam dan soal penubuhan Bank Pembangunan Islam, pula dilaporkan telah tidak mendapat sambutan yang baik daripada pihak kerajaan (Ibid. Hlm. 41 dan 43).

sebagai pemegang kerusi terbesar di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan, PAS telah, melalui Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 12 September 1974,--selain memilih Salahuddin Abdullah sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan serta Mohd Nor Yusoff, Abdul Rahman Awang Sulung, Nik Mohd Mustapha Shafie, Hassan Yaakob dan Hashim Omar sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan--memilih Wan Ismail Ibrahim sebagai Menteri Besar Kelantan,⁹³ keputusan yang telah kemudiannya diperkenankan oleh Sultan Kelantan, Sultan Yahya Petra.⁹⁴

Setelah mendapat perkenan Sultan Yahya Petra yang dikatakan hanya meminta Mohd Asri Muda menyatakan kepada Wan Ismail Ibrahim betapa beliau perlu memperuntukkan satu kawasan pembalakan seluas 14,000 ekar kepada Baginda bagi dihadiahkan kepada Tuanku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Ampuan Najihah--satu permintaan yang dipersetujui oleh Wan Ismail Ibrahim kemudiannya--Mohd Asri Muda cuba pula memaklumkan perlantikan Wan Ismail Ibrahim ini kepada Abdul Razak Hussein selaku Penggerusi Barisan Nasional.⁹⁵ Malangnya, cadangan perlantikan Wan Ismail Ibrahim ini telah tidak dipersetujui oleh dua tokoh utama UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah dan Abdullah Ahmad, malahan Abdullah Ahmad dikatakan telah menghantar seorang utusan bagi meminta Abdul Razak Hussein--yang ketika itu dikatakan berada di Bogor, Indonesia--tidak membenarkan Mohd Asri Muda menemui beliau sebelum beliau dirundingi mengenai perkara perlantikan Menteri Besar Kelantan

⁹² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Oktober 1974. Hlm. 3. Ujar Mohd Asri Muda: "Apa yang wujud (di Kelantan) sekarang bolehlah disifat sebagai suatu ketenangan, walaupun masih ada lagi sedikit gelora".

⁹³ Kertas Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 12 September 1974. Hlm. 1.

⁹⁴ Wawancara dengan Wan Ismail Ibrahim di kediaman beliau pada 22 April 1999.

⁹⁵ Ibid.

ini.⁹⁶ Ekoran campur tangan mereka ini, Abdul Razak Hussein telah menolak pencalonan Wan Ismail Ibrahim dan sebaliknya menerima pula cadangan mereka⁹⁷ supaya Mohamad Nasir, Ahli Dewan Undangan Negeri Tendong, dilantik untuk menjawat jawatan itu.⁹⁸

Di sebalik pandangan awal beliau bahawa UMNO tidak seharusnya campur tangan di dalam urusan rumah tangga PAS, Mohd Asri Muda telah, di atas nasihat Wan Ismail Ibrahim, akhirnya menerima desakan UMNO agar Mohamad Nasir dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan, juga desakan UMNO agar peruntukan jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan untuk UMNO ditingkatkan daripada dua kepada

⁹⁶ Ibid.

⁹⁷ Mengikut "Orang PAS Tulen" pula, penolakan pencalonan Wan Ismail Ibrahim dan pengemukaan pencalonan Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan ini telah sebenarnya dirancangkan oleh Khairul Khatib yang mulanya dikatakan tidak menyokong Wan Ismail Ibrahim, tetapi menyokong Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, untuk menjawat jawatan itu tetapi-setelah Badan Perhubungan PAS Kelantan memilih Wan Ismail Ibrahim, dan bukannya Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, untuk menjawat jawatan itu--telah kemudiannya dikatakan memujuk Mohamad Nasir untuk menjawat jawatan itu bagi menggagalkan perlantikan Wan Ismail Ibrahim ini. Apabila Mohamad Nasir berjaya dipujuk, Khairul Khatib dikatakan telah berjumpa dengan Tengku Razaleigh Hamzah bagi merancangkan perlantikan Mohamad Nasir dan apabila Mohamad Nasir berjaya dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan, Khairul Khatib dijadikan sebagai Setiausaha Politik Kepada Menteri Besar Kelantan yang dikatakan telah dijadikan tempat rujukan di dalam apa sahaja urusan yang hendak dilaksanakan oleh Mohamad Nasir disebabkan oleh jasa beliau di dalam perlantikan Mohamad Nasir ini (Surat "Orang PAS Tulen" kepada Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Khairul Khatib, Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, dan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda (tidak bertarikh dan tidak bertajuk). Hlm. 1). Walaupun surat "Orang PAS Tulen" ini telah mendorong Khairul Khatib meletakkan jawatan beliau sebagai Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 23 April 1982 (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 18 September 1982. Hlm. 3), tuduhan-tuduhan yang telah dibuat terhadap Khairul Khatib ini sendiri tidaklah pula dapat dipastikan kesahihannya.

⁹⁸ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 7-8. Cadangan supaya Mohamad Nasir--yang merupakan bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan di antara tahun-tahun 1959 dan 1964 (Kelantan Government Gazette, 17 September 1959, No. 307) dan di antara tahun-tahun 1969 dan 1974 (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 7 Ogos 1969, No. 347; dan Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 1 Februari 1973, No. 33)--dilantik untuk menjawat jawatan Menteri Besar Kelantan ini pula dikatakan bukanlah disebabkan oleh kecenderungan UMNO terhadap Mohamad Nasir *per se*, tetapi adalah disebabkan oleh ketidaksetujuannya terhadap keputusan Badan Perhubungan PAS Kelantan untuk melantik Wan Ismail Ibrahim menjawat jawatan itu (Wawancara dengan Nik Abdul Rahman Nik Mohamad di kediaman beliau pada 25 April 1999). UMNO mulanya dikatakan mahu mencadangkan Nik Abdul Rahman Nik Mohamad--yang merupakan bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan di antara tahun-tahun 1964 dan 1969 (Kelantan Government Gazette, 30 July 1964, No. 163)--untuk menjawat jawatan itu, tetapi ketegasan beliau menyebabkan UMNO beralih pula kepada Mohamad Nasir (Wawancara dengan Nik Abdul Rahman Nik Mohamad di kediaman beliau pada 25 April 1999).

tiga, bagi menjaga perpaduan di dalam Barisan Nasional.⁹⁹ Keakuran PAS terhadap desakan-desakan UMNO ini telah mengubah terus susunan asal Kerajaan Kelantan yang telah ditetapkan oleh PAS di mana komposisi kabinet yang telah mengangkat sumpah pada 28 September 1974¹⁰⁰ menyaksikan Wan Ismail Ibrahim diturunkan menjadi Timbalan Menteri Besar, Salahuddin Abdullah diturunkan menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sementara kesemua lima nama--kecuali Mohd Nor Yusoff--yang telah ditetapkan untuk menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pula terpaksa memberi laluan sama ada kepada seorang lagi wakil UMNO, kepada Salahuddin Abdullah atau kepada dua wakil PAS lain¹⁰¹ yang dicadangkan sendiri oleh Mohamad Nasir kemudiannya, iaitu Abdullah Ahmad dan Mohd Amin @ Abdul Hamid Salleh.¹⁰²

Sesungguhnya perlantikan Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan ini dipenuhi dengan banyak tanda tanya, khususnya kerana perlantikan ini secara efektifnya adalah dibuat oleh Abdul Razak Hussein, Presiden UMNO, dengan mengetepikan terus

⁹⁹ Wawancara dengan Wan Ismail Ibrahim di kediaman beliau pada 22 April 1999. Ujar Mohd Asri Muda kemudiannya: "Bagi kita, hal ini adalah merupakan ujian pertama terhadap *survival* Barisan Nasional yang kita sendiri ikut membinanya itu. Demi untuk memelihara perpaduan dan keharmonian, dengan perasaan yang terlalu pahit PAS sekali lagi terpaksa memberikan pengorbanan yang menyenggung kewibawaannya sebagai satu parti politik yang mempunyai identitinya sendiri. *Tait accompli* dihadapkan kepada kita dan kita terima perlantikan Dato' Haji Mohammad Nasir menjadi Menteri Besar Barisan Nasional di Kelantan" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 8).

¹⁰⁰ Sementara kesemua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan ini--termasuklah Timbalan Menteri Besar Kelantan, Wan Ismail Ibrahim (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 5 Disember 1974, No. 510)--telah mengangkat sumpah pada 28 September 1974 (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 5 Disember 1974, No. 508), Mohamad Nasir sendiri telah mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kelantan lebih awal dari tarikh ini, iaitu pada 22 September 1974 (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 5 Disember 1974, No. 509).

¹⁰¹ Tindakan Mohamad Nasir memilih dua wakil PAS yang nama mereka tidak tersenarai di dalam ketetapan Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 12 September 1974 sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan ini walau bagaimanapun tidaklah begitu dipertikaikan oleh Badan Perhubungan PAS Kelantan memandangkan "(orang)-orang yang dia lantik tu orang PAS juga" (Rakaman laporan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977 oleh Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, pada 28 September 1977).

¹⁰² Kertas Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 12 September 1974. Hlm. 1; dan Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 5 Disember 1974, No. 508.

ketetapan Badan Perhubungan PAS Kelantan yang berpandangan bahawa ia sepatutnya diberikan kuasa penuh untuk membuat perlantikan itu.¹⁰³ Selain daripada mengakibatkan penurunan taraf jawatan beberapa tokoh yang berkenaan, perlantikan ini juga menimbulkan tanda tanya kerana Mohamad Nasir sendiri diketahui tidak berminat untuk memegang sebarang jawatan penting di dalam Kerajaan Kelantan.¹⁰⁴ Hakikat ini terbukti apabila beliau--sewaktu menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan--telah, pada 25 Mei 1972, menghantar surat perletakan jawatan kerana dikatakan menghadapi masalah kesihatan yang serius¹⁰⁵ dan hanya menarik balik perletakan jawatan itu setelah beliau dipujuk dan diberikan cuti rehat selama dua bulan oleh Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 30 Mei 1972.¹⁰⁶ Nama beliau, di atas permintaan beliau sendiri,

¹⁰³ Mohd Asri Muda telah, sewaktu mengulas kenyataan Dr Mahathir Mohamad bahawa soal perlantikan Menteri Besar Kelantan yang baru setelah tersingkirnya Mohamad Nasir dari jawatan itu akan ditentukan oleh pihak tertinggi dalam Barisan Nasional dan bukannya oleh pihak tertinggi PAS, kemudiannya dilapor menyatakan: "Dalam mengangkat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di lain-lain negeri, setahu saya, tidak pernah berlaku cara sedemikian (melainkan di Kelantan pada tahun 1974), hatta dalam pengangkatan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu, dari Parti GRM sekalipun" ("Perlantikan MB baru di Kelantan: Asri beri pendapatnya", dlm. Berita Harian, 29 Oktober 1977). Stephen Hong-Chye Chee walau bagaimanapun pernah menyatakan bahawa "UMNO insisted that the Tengku, as the head of UMNO and the Alliance, should select the MCA candidates to stand for (the 1959 general) election" (Stephen Hong-Chye Chee (1971). Sociocultural Pluralism and Political Change: The Dilemmas of the Bimodal Society in Malaya. University of Pittsburgh. Hlm. 445). Neil John Funston juga turut menyatakan: "At the national level, power (within UMNO) remained very much concentrated in the hands of the President... The 1972 coalition agreement between PAS and the Alliance reads more like an agreement between PAS and the Prime Minister; and for the 1974 elections Tun Razak selected not only UMNO but all National Front candidates personally and also determined each of the Menteri Besars" (Neil John Funston (1980). Malay Politics in Malaysia: A Study of The United Malays National Organisation and Party Islam. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia). Hlm. 239). Mengikut Syed Ahmad Hussein pula: "In the party, as in government, power was very much concentrated on Razak... In UMNO, he was president and, by virtue of that, headed the National Front coalition. He presided over all the critical bureaus and committees. He had the final say in the choice of all National Front candidates for elections. He also determined the selection of all the chief ministers in each state" (Syed Ahmad Hussein (1988). Islam and Politics in Malaysia, 1969-1982: The Dynamics of Competing Traditions. Yale University. Hlm. 146).

¹⁰⁴ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 8.

¹⁰⁵ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 30 Mei 1972. Hlm. 2. Mengikut Mohamad Nasir: "Kesihatan saya selalu terganggu...(di mana) saya pernah dimasukkan ke hospital secara mengejut kerana pengsan (dan) doktor telah menasihatkan saya supaya mengurangkan kerja-kerja yang berat". Tambah beliau lagi: "Saya telah lama memegang jawatan Timbalan Menteri Besar...(jadi), rasa saya, eloklah saya mengundurkan diri untuk memberikan peluang kepada orang yang lebih layak...". Lihat juga "Timbalan Asri letak jawatan", dlm. Utusan Malaysia, 26 Mei 1972; dan "Saya letak jawatan sebab-sebab kesihatan", dlm. Utusan Malaysia, 27 Mei 1972.

malah tidak pernah ditimbulkan di dalam pemilihan penjawat jawatan Kerajaan Kelantan di dalam Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 12 September 1974.¹⁰⁷

PAS tidak perlu menunggu terlalu lama untuk menerima akibat daripada perlantikan Mohamad Nasir ini kerana di dalam perjumpaan pertama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS seawal 13 Mac 1975 lagi,¹⁰⁸ Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS telah berjaya membutirkannya empat alasan bagi membolehkan mereka mencapai keputusan untuk mengutus surat kepada Mohd Asri Muda bagi menyuarakan perasaan tidak puas hati mereka terhadap kepimpinan Mohamad Nasir.¹⁰⁹ Keempat-empat alasan yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut: Pertama, sikap Mohamad Nasir yang mengutamakan layanan kepada ahli-ahli UMNO berbanding ahli-ahli PAS dikatakan akan meretakkan keutuhan Barisan Nasional.¹¹⁰ Kedua, Mohamad Nasir dikatakan "terlampau kerap membuat janji-janji besar yang terlalu muluk dan sukar dilaksanakan" tanpa merundinginya dengan pihak yang berkenaan.¹¹¹ Ketiga, sikap Mohamad Nasir yang "tidak mengendahkan keputusan

¹⁰⁶ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 30 Mei 1972. Hlm. 5. Mesyuarat ini telah ditangguhkan selama 20 minit di antara pukul-pukul 11.30 dan 11.50 pagi bagi membolehkan Mohamad Nasir dirundingi secara empat mata oleh Mohd Asri Muda di dalam bilik Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan di mana, hasil daripada perundingan ini, Mohamad Nasir telah bersetuju untuk berehat selama dua bulan di kediaman beliau di Pasir Mas.

¹⁰⁷ Wawancara dengan Salahuddin Abdullah di kediaman beliau pada 10 Mei 1999. Mohamad Nasir juga telah turut secara peribadinya membuat pendedahan yang sama kepada seorang pemimpin PAS lain, yang turut merupakan seorang saudara kepada beliau, iaitu Mohd Nor Yusoff (Wawancara dengan Mohd Nor Yusoff di kediaman beliau pada 14 Mei 1999).

¹⁰⁸ Surat 20 Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 16 Mac 1975 bertajuk "Masalah Menteri Besar Kelantan". Hlm. 1.

¹⁰⁹ Ibid. Hlm. 1. Mengikut surat ini, perjumpaan yang memakan masa selama tiga jam ini dibuat di atas hasrat untuk "mencari kebaikan bersama...setelah sekian lama (Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS ini) menyaksikan segala perkembangan yang tidak menyenangkan (sehubungan dengan perjalanan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Mohamad Nasir) itu".

¹¹⁰ Ibid. Hlm. 1.

¹¹¹ Ibid. Hlm. 1.

parti"--umpamanya dalam masalah perlantikan Setiausaha Barisan Nasional Kelantan¹¹²-dikatakan telah menjatuhkan maruah parti di mata masyarakat umum.¹¹³ Keempat, sikap dan tindakan Mohamad Nasir yang lain dikatakan telah turut menyulitkan mereka.¹¹⁴

Surat yang diutuskan oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS kepada Mohd Asri Muda yang bertarikh 16 Mac 1975 itu ternyata bakal mengundang krisis yang tidak kurang besarnya kepada PAS sekiranya ia tidak ditangani dengan berhemah kerana, selain merayu Mohd Asri Muda supaya mengambil suatu tindakan segera bagi memastikan "kegelisahan (mereka) yang kian memuncak sekarang tidak (akan) berpanjangan",¹¹⁵ Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS itu juga turut menyatakan, di dalam surat mereka itu, tekad mereka untuk mengambil suatu tindakan yang dikatakan "lebih berkesan mengikut kuasa yang ada pada (mereka) sebagai Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri"--kemungkinannya untuk mengemukakan satu usul undi tidak percaya terhadap Mohamad Nasir di dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan--sekiranya rayuan mereka itu tidak diikuti oleh sebarang perubahan terhadap kedudukan Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan "(di) dalam tempoh yang dekat ini".¹¹⁶ Nasib baiknya, walaupun Mohd Asri Muda telah tidak membawa surat itu ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan ini tidak pula melaksanakan ancaman mereka itu.¹¹⁷

¹¹² Setiausaha Barisan Nasional Kelantan yang telah dilantik oleh Mohamad Nasir adalah bukannya seorang pemimpin PAS, tetapi adalah merupakan seorang pemimpin UMNO, iaitu Ariffin Salleh ("Dato' Mohamad Nasir Pengerusi Barisan Negeri Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 6 Februari 1975).

¹¹³ Surat 20 Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 16 Mac 1975 bertajuk "Masalah Menteri Besar Kelantan". Hlm. 2.

¹¹⁴ Ibid. Hlm. 2. Mengikut surat ini: "Hal ini terlalu banyak untuk disebutkan contohnya di sini".

¹¹⁵ Ibid. Hlm. 2.

¹¹⁶ Ibid. Hlm. 2.

¹¹⁷ Wawancara dengan Salahuddin Abdullah di kediaman beliau pada 10 Mei 1999.

Di sebalik kegagalan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS melaksanakan ancaman mereka itu, ketidakpuasan hati ke atas Mohamad Nasir terus membarah ekoran tersiarnya beberapa kenyataan beliau yang menyinggung perasaan para pemimpin PAS Kelantan--kenyataan-kenyataan yang telah beliau berikan kepada seorang wakil BERNAMA, Abdul Ghani Ismail--di dalam akhbar-akhbar tempatan pada 8 Mei 1975,¹¹⁸ iaitu, pertama, bahawa Kerajaan Kelantan telah mengambil balik kawasan-kawasan pembalakan di Ulu Kelantan dan di sempadan Kelantan-Perak;¹¹⁹ kedua, bahawa Kerajaan Kelantan amat bergantung kepada hasil pembalakan;¹²⁰ ketiga, bahawa Kerajaan Kelantan sebelum beliau tidak menyokong usaha Kerajaan Pusat membuka tanah baru kerana bimbang ia akan melemahkan pengaruh PAS;¹²¹ keempat, bahawa rasuah wujud di dalam pentadbiran Kerajaan Kelantan;¹²² kelima, bahawa beliau akan membangunkan Ulu Kelantan;¹²³ keenam, bahawa beliau menyertai PAS kerana keyakinan beliau kepada kepimpinan Zulkiflee Muhammad dan Dr Burhanuddin al-Helmy;¹²⁴ dan, ketujuh, bahawa ada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS yang telah tidak menyokong beliau di dalam sidang dewan undangan negeri itu.¹²⁵

¹¹⁸ Memorandum Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan bertarikh 10 Mei 1975 bertajuk "Ulasan Kenyataan Akhbar YAB Dato' Haji Mohamad Nasir, Menteri Besar Negeri Kelantan, (Pada) 8 Mei 1975". Hlm. 1.

¹¹⁹ Ibid. Hlm. 1.

¹²⁰ Ibid. Hlm. 2.

¹²¹ Ibid. Hlm. 2.

¹²² Ibid. Hlm. 2.

¹²³ Ibid. Hlm. 3.

¹²⁴ Ibid. Hlm. 3.

Krisis Pertama Melibatkan Mohamad Nasir

Krisis pertama melibatkan Mohamad Nasir tercetus apabila Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan telah melangsungkan satu mesyuarat khas pada 10 Mei 1975 bagi membincangkan kenyataan-kenyataan Mohamad Nasir itu, di mana ia telah pada akhirnya memutuskan bahawa kenyataan-kenyataan beliau itu adalah sangat mengelirukan.¹²⁶ Kenyataan pertama dikatakan akan mempengaruhi keputusan mahkamah, juga mendedahkan rahsia kerajaan, menghilangkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan, membolehkan kerajaan diheret ke mahkamah dan menakutkan pelabur dari melabur di Kelantan.¹²⁷ Kenyataan kedua dikatakan bercanggah dengan kenyataan beliau yang tidak menyetujui pemajakan kawasan pembalakan.¹²⁸ Kenyataan ketiga dikatakan tidak benar dan tidak patut dikeluarkan kerana ia akan meretakkan perhubungan di antara PAS dan UMNO.¹²⁹ Kenyataan keempat dikatakan tidak patut dikeluarkan kerana ia menggambarkan seolah-olah semua pemimpin PAS Kelantan dulu dan sekarang mengamalkan rasuah.¹³⁰ Kenyataan kelima dibimbangi tidak akan dapat dilaksanakan.¹³¹ Kenyataan keenam dikatakan menunjukkan beliau tidak mempercayai dasar perjuangan PAS.¹³² Kenyataan ketujuh pula dikatakan tidak benar sama sekali.¹³³

¹²⁵ Ibid. Hlm. 3.

¹²⁶ Ibid. Hlm. 1.

¹²⁷ Ibid. Hlm. 1-2.

¹²⁸ Ibid. Hlm. 2.

¹²⁹ Ibid. Hlm. 2.

¹³⁰ Ibid. Hlm. 2. Selain menyelar kenyataan Mohamad Nasir ini, memorandum ini juga telah turut menyelar Mohamad Nasir sendiri kerana dikatakan "menerima sumbangan daripada Jabatan Kerja Raya (untuk) membuat jalan ke rumah-rumah sendiri, menyapu cat rumah sendiri dan menimbuln tanah merah dalam kawasan rumah sendiri" (Ibid. Hlm. 3).

¹³¹ Ibid. Hlm. 3.

Segala keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan itu telah akhirnya dijadikan satu memorandum untuk dibentangkan oleh ketua dewan itu, Abdul Halim Isa, di dalam Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 15 Mei 1975.¹³⁴ Di dalam memorandumnya itu, Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan telah--setelah menjelaskan pandangannya bahawa kenyataan-kenyataan Mohamad Nasir yang dikatakan timbul hasil dari anggapan beliau bahawa pemimpin UMNO-lah yang bertanggungjawab meletakkan beliau pada jawatan beliau dan bahawa kesemua pemimpin PAS merupakan musuh yang sentiasa berusaha untuk menyingkirkan beliau dari jawatan beliau itu¹³⁵ sekiranya dibiarkan berlarutan akan meretakkan perhubungan di antara PAS dan UMNO sekaligus akan menimbulkan suatu kerugian yang besar terhadap perjuangan umat Islam di Malaysia¹³⁶--mengusulkan agar Badan Perhubungan PAS Kelantan meminta Mohamad Nasir memberikan satu penjelasan bertulis mengenai kenyataan-kenyataan beliau itu di samping turut mengusulkan agar badan itu menggesa Mohamad Nasir meletakkan jawatan beliau sebagai Menteri Besar Kelantan dengan serta-merta sekiranya penjelasan beliau didapati tidak memuaskan.¹³⁷

¹³² Ibid. Hlm. 3. Menurut memorandum ini: "Sekiranya Dato' Haji Mohamad Nasir benar-benar jujur di dalam apa yang diperkatakan itu, maka beliau seharusnya telah pun meletakkan jawatan dan keluar dari PAS manakala Zulkiflee Muhammad dan Dr Burhanuddin al-Helmy sudah meninggal dunia dan tidak bersama-sama PAS lagi. Dengan adanya beliau di dalam pucuk pimpinan PAS dan juga memegang jawatan Menteri Besar membuktikan bahawa apa yang diperjuangkan oleh beliau sekarang ini dan sebelum daripada ini...hanyalah untuk memegang pangkat semata-mata".

¹³³ Ibid. Hlm. 3.

¹³⁴ Surat Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, kepada Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, bertarikh 27 Mei 1975 (tidak bertajuk). Hlm. 1; dan Surat Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 31 Mei 1975 bertajuk "Gema Wawancara YAB Dato' Haji Mohamad Nasir, Menteri Besar Kelantan, Dengan Wartawan BERNAMA Yang Disiarkan Oleh Akhbar-Akhbar Tempatan Pada 8 Mei 1975". Hlm. 1.

¹³⁵ Memorandum Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan bertarikh 10 Mei 1975 bertajuk "Ulasan Kenyataan Akhbar YAB Dato' Haji Mohamad Nasir, Menteri Besar Negeri Kelantan, (Pada) 8 Mei 1975". Hlm. 3.

¹³⁶ Ibid. Hlm. 3.

Sebagai reaksi ke atas usul Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan ini, Mohamad Nasir telah, di dalam Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 15 Mei 1975,--sambil menegaskan kesediaan beliau untuk meletakkan jawatan yang dikatakan tidak pernah diminta oleh beliau itu pada bila-bila masa sahaja sekiranya beliau yang dikatakan seorang yang setia kepada perjuangan Islam itu dikehendaki berbuat demikian¹³⁸--menyatakan bahawa beliau akan menyediakan penjelasan bertulis yang dikehendaki daripada beliau itu di dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat khas itu.¹³⁹ Di sebalik janji beliau ini, beliau tetap juga gagal menghadirkan diri di dalam Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Mei 1975 dan telah, melalui setiausaha politik beliau, Khaidir Khatib, meminta supaya tempoh penyediaan penjelasan bertulis beliau itu dilanjutkan kepada suatu tarikh yang baru, iaitu 7 Jun 1975.¹⁴⁰ Permintaan Mohamad Nasir ini walau bagaimanapun telah ditolak oleh Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Mei 1975 itu yang sebaliknya memutuskan bahawa

¹³⁷ Ibid. Hlm. 3.

¹³⁸ Surat Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 31 Mei 1975 bertajuk "Gema Wawancara YAB Dato' Haji Mohamad Nasir, Menteri Besar Kelantan, Dengan Wartawan BERNAMA Yang Disiarkan Oleh Akhbar-Akhbar Tempatan Pada 8 Mei 1975". Hlm. 1. Penegasan Mohamad Nasir mengenai kesediaan beliau untuk meletakkan jawatan ini walau bagaimanapun telah didahului oleh kenyataan terbuka beliau bahawa "(beliau) berkhidmat selama ini untuk kepentingan rakyat...oleh itu rakyatlah yang benar-benar dapat memberi pengadilan siapa yang benar dan siapa yang bersalah dalam perkara ini..." ("MB Kelantan: PAS adakan sidang tergempar", dlm. Utusan Malaysia, 15 Mei 1975) di samping telah diikuti oleh kenyataan terbuka beliau bahawa "perjuangan untuk menghancurkan kedudukan (beliau) tidak akan berjaya tanpa mendapat sokongan dari seluruh anggota Barisan Nasional" ("Usaha jatuhkan saya sia-sia--Dato' Nasir", dlm. Utusan Malaysia, 27 Jun 1975).

¹³⁹ Surat Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, kepada Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, bertarikh 27 Mei 1975 (tidak bertajuk). Hlm. 1; dan Surat Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 31 Mei 1975 bertajuk "Gema Wawancara YAB Dato' Haji Mohamad Nasir, Menteri Besar Kelantan, Dengan Wartawan BERNAMA Yang Disiarkan Oleh Akhbar-Akhbar Tempatan Pada 8 Mei 1975". Hlm. 1.

¹⁴⁰ Surat Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 31 Mei 1975 bertajuk "Gema Wawancara YAB Dato' Haji Mohamad Nasir, Menteri Besar Kelantan, Dengan Wartawan BERNAMA Yang Disiarkan Oleh Akhbar-Akhbar Tempatan Pada 8 Mei 1975". Hlm. 2.

Mohamad Nasir tidak layak memimpin Kerajaan Barisan Nasional Kelantan dan bahawa beliau perlu dengan seberapa segera digantikan dengan seorang pemimpin yang lain.¹⁴¹

Keputusan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Mei 1975 itu telah dimaklumkan oleh Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, kepada Mohd Asri Muda di dalam surat beliau yang bertarikh 31 Mei 1975 yang memberikan tiga sebab mengapa Mohamad Nasir perlu digantikan, iaitu, pertama, beliau dikatakan terlalu gemar "membuat janji, komitmen dan kenyataan" yang dikatakan "menimbulkan keluh-kesah dan rasa serba salah Wakil-Wakil Rakyat PAS bagi kawasan di mana janji, komitmen dan kenyataan itu di(buat)".¹⁴² Kedua, beliau dikatakan telah "menyalahgunakan kuasa (beliau) sebagai seorang Menteri Besar (di) dalam hal-hal (yang) tertentu, terutama (dengan) menggunakan kuasa keselamatan untuk membekukan kawasan (pem)balak(an) yang menjadi hasil utama negeri ini";¹⁴³ dan, ketiga, beliau dikatakan telah melakukan kegiatan yang merugikan Barisan Nasional dengan "mengadakan perhubungan dan persekongkolan dengan golongan Gerakan Revolusi 14 Mac 1974".¹⁴⁴ Selain itu, beliau juga dikatakan tidak pernah menghormati keputusan-keputusan parti berhubung dengan perjalanan kerajaan negeri dan tidak pernah pula mengemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri kepada parti.¹⁴⁵

¹⁴¹ Ibid. Hlm. 2.

¹⁴² Ibid. Hlm. 2.

¹⁴³ Ibid. Hlm. 2.

¹⁴⁴ Ibid. Hlm. 2.

¹⁴⁵ Ibid. Hlm. 1. Simpul surat ini: "Melalui surat ini, hamba Dato' angkatkan masalah ini kepada Dato' bagi apa-apa jua tindakan dan langkah yang perlu bagi mengatasi keresahan dan kegelisahan yang kian memuncak sekarang ini yang dengan demikian juga diharapkan bahawa keutuhan dan kekuatan serta perpaduan dalam Barisan Nasional akan dapat tetap terpelihara" (Ibid. Hlm. 3).

Keputusan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Mei 1975 itu walau bagaimanapun telah dicabar oleh Mohamad Nasir yang telah, pada 5 Jun 1975, mengirimkan jawapan bertulis yang beliau janjikan itu kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah.¹⁴⁶ Jawapan Mohamad Nasir ini agak bercampur-baur di mana pada suatu masa beliau telah--selain membidas selaran-selaran dan kecaman-kecaman yang terkandung di dalam memorandum Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan itu dengan menyifatkannya sebagai "terlalu berbau prasangka dan kadang-kadang bersifat melulu dan melampau, sedikit pun tidak ada rasa kekeluargaan dan jauh sekali daripada rasa *ruhama-u-bainahum*"¹⁴⁷--menyindir Dewan Pemuda PAS Kelantan dan Badan Perhubungan PAS Kelantan melalui kenyataan beliau bahawa jawapan beliau itu diharapkan akan dapat menjadi satu bukti sejarah ke atas "kematangan" Dewan Pemuda PAS Kelantan dalam membuat sesuatu gugatan, juga ke atas "kebijaksanaan" Badan Perhubungan PAS Kelantan dalam membuat sesuatu tindakan ke atas ahli-ahlinya,¹⁴⁸ manakala pada masa yang lain beliau mengharapkan supaya "(akan) ada usaha ke arah mengislahkan hubungan antara kita sesama kita".¹⁴⁹

Mohd Asri Muda walau bagaimanapun tidaklah memandang keputusan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Mei 1975 yang telah dimaklumkan kepada beliau oleh Ishak Lotfi Omar di dalam sepucuk surat yang bertarikh 31 Mei 1975 sebagai suatu perkara yang amat mendesak sehingga memerlukan

¹⁴⁶ Surat Setiausaha Politik Kepada Menteri Besar Kelantan, Khairul Khatib, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 5 Jun 1975 (tidak bertajuk). Hlm. 1.

¹⁴⁷ Kertas kerja Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, bertarikh 5 Jun 1975 bertajuk "Jawapan Dato' Haji Mohamad Nasir Atas Kecaman Dewan Pemuda PAS Kelantan Terhadap Wawancara Beliau Kepada Wartawan BERNAMA Seperti Yang Tersiar Dalam Beberapa Akhbar Tanggal 8 Mei 1975". Hlm. 9.

¹⁴⁸ Ibid. Hlm. 2.

¹⁴⁹ Ibid. Hlm. 9.

beliau memanggil satu Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi membincangkannya,¹⁵⁰ malah beliau sebaliknya hanya melaporkan keputusan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan itu di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1975 yang telah membentuk sebuah jawatankuasa khas untuk mengkajinya.¹⁵¹ Di dalam laporannya kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Julai 1975, jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ali Taib dan yang dianggotai oleh Zabidi Ali dan Mohd Daud Abdul Samad ini telah menyatakan bahawa ia--setelah menemui 8 individu, 4 Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan dan

¹⁵⁰ Diane Kathleen Mauzy walau bagaimanapun telah mendakwa: "In May 1975, the Kelantan PAS Liaison Committee voted that it had 'no confidence' in the Menteri Besar. Apparently, Dato' Asri then showed the documentation of this vote to Tun Razak and asked to have the Menteri Besar replaced. The Prime Minister, however, declined to take any action" (Diane Kathleen Mauzy (1978). Consoiation and Coalition-Building in Malaysia. The University of British Columbia. Hlm. 357). Mohamad Nasir juga pernah dilapor mendakwa: "Saya diberitahu oleh orang yang bertanggungjawab sendiri oleh Tun Razak bahawa Tun Razak pernah buat tubik dan tunjuk fail rasuah Dato' Asri, fail BSN dia, waktu Dato' Asri pergi berjumpa dengan Tun Razak nak ghoyat hal orang-orang Kelantan tak suka dah kor saya ni, maka pada ketika itulah Tun Razak buat tubik (dan kata): Tak 'sah duk geger-gegerlah, Dato', kalu itu, ni fail rasuah Dato' ada ni, kalu itu, fail ni berjalanlah, Dato' jangan duk tekan-tekan sangatlah, jangan nak perebah-perebah Dato' Nasir ni" (Rakaman laporan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977 oleh Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, pada 28 September 1977). Walaupun begitu, kesahihan dakwaan Diane Kathleen Mauzy ini tidaklah dapat dipastikan kerana, di sebalik mengalaskan dakwaan beliau dengan sebarang bukti yang konkrit, beliau sebaliknya sekadar menjelaskan bahawa maklumat yang terkandung di dalam dakwaan beliau ini beliau perolehi daripada "(her) interview with a former PAS State Assemblyman and Member of the State Executive Council (on) 1 June 1975" (Diane Kathleen Mauzy (1978). Consoiation and Coalition-Building in Malaysia. The University of British Columbia. Hlm. 357)--satu penjelasan yang agak sukar untuk diterima dengan sepenuhnya kerana, disebabkan Ishak Lotfi Omar hanya menulis surat bagi memaklumkan kepada Mohd Asri Muda mengenai tindakan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Mei 1975 memutuskan bahawa Mohamad Nasir tidak layak memimpin Kerajaan Barisan Nasional Kelantan dan bahawa beliau perlu dengan seberapa segera digantikan dengan seorang pemimpin yang lain itu pada 31 Mei 1975, adalah agak sukar untuk dibayangkan bahawa kesemua proses ini, iaitu untuk Mohd Asri Muda menerima surat itu, untuk Mohd Asri Muda merujukkannya kepada Abdul Razak Hussein, untuk Abdul Razak Hussein membuat keputusan mengenainya, untuk sumber maklumat Diane Kathleen Mauzy dimaklumkan tentang keputusan Abdul Razak Hussein dan untuk sumber maklumat Diane Kathleen Mauzy memaklumkan kepada beliau tentang keputusan Abdul Razak Hussein ini, boleh berlaku di dalam masa dua hari sahaja (31 Mei 1975 dan 1 Jun 1975). Mohd Asri Muda sendiri--sementara tidak mengesah atau menafikan dakwaan yang dibuat oleh Mohamad Nasir bahawa beliau telah merujukkan tindakan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 29 Mei 1975 itu kepada Abdul Razak Hussein--turut dilapor menolak dakwaan yang dibuat oleh Mohamad Nasir bahawa Abdul Razak Hussein telah menggunakan fail rasuah beliau untuk menghalang beliau dari menggantikan Mohamad Nasir dengan seorang pemimpin yang lain dengan menyatakan bahawa "berkenaan dengan fail rasuah tu, *wallahil'azim*, Tuhan yang menjadikan langit dan bumi dan kita semua ni, (yang) menjadikan saya dan Tun Razak, semasa hidup dia dulu, Tun Razak tak pernah mengemukakan sehelai pun fail rasuah diri saya kepada saya" (Rakaman laporan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977 oleh Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, pada 28 September 1977).

¹⁵¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1975. Hlm. 3.

3 Ahli Jawatankuasa Dewan Ulama' PAS Kelantan¹⁵²--mendapati bahawa orang-orang yang ditemuinya adalah terdiri daripada tiga golongan, iaitu golongan yang menyokong Mohamad Nasir, golongan yang menentang beliau dan golongan yang berkecuali.¹⁵³

Berdasarkan kepada laporan jawatankuasa khas yang menyatakan bahawa Mohamad Nasir sendiri adalah bersedia untuk berdamai,¹⁵⁴ begitu juga dengan golongan yang menyokong beliau yang--sementara dikatakan mengakui kelemahan-kelemahan beliau--turut berpendapat bahawa beliau perlu didamaikan dengan para penentang beliau yang dikatakan turut mempunyai kelemahan-kelemahan mereka;¹⁵⁵ bahawa golongan yang menentang beliau dikatakan terbahagi dua, iaitu mereka yang bertekad untuk menyingkirkan beliau walaupun penyingkiran itu memungkinkan PAS terpaksa keluar dari Barisan Nasional¹⁵⁶ dan mereka yang pada mulanya dikatakan bersikap keras tetapi yang kemudiannya memilih jalan perdamaian;¹⁵⁷ dan bahawa Ahli-Ahli Jawatankuasa Dewan Ulama' PAS Kelantan--sementara dikatakan turut mengakui kelemahan-

¹⁵² Laporan Jawatankuasa Meninjau PAS Kelantan kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 26 Julai 1975 bertajuk "Laporan Jawatankuasa Meninjau PAS Kelantan". Hlm. 1. Lapan individu yang ditemui oleh jawatankuasa khas ini adalah Mohamad Nasir, Ishak Lotfi Omar, Yahya Othman, Mohd Amin Yaakob, Salahuddin Abdullah, Mohd Zain Abdullah, Mohd Amin @ Abdul Hamid Salleh dan Khairul Khatib; empat Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan yang ditemui oleh jawatankuasa khas ini adalah Abdul Halim Isa, Muhammad Yaakub, Abdul Ghani Abdul Rahman dan Sabri Muhammad; manakala tiga Ahli Jawatankuasa Dewan Ulama' PAS Kelantan yang ditemui oleh jawatankuasa khas ini adalah Muhammad Che Wok, Ali Harun dan Mahmood Zuhdi Abdul Majid.

¹⁵³ Ibid. Hlm. 1-2.

¹⁵⁴ Ibid. Hlm. 1. Kesediaan beliau ini walau bagaimanapun disertakan dengan syarat bahawa "usul tidak percaya kepada (beliau) hendaklah ditarik balik".

¹⁵⁵ Ibid. Hlm. 1. Mengikut golongan ini, kelemahan-kelemahan Mohamad Nasir ini perlulah dilihat berdasarkan "tanggapan yang tertanam di dalam fikiran (beliau) dari sebab beliau menjadi Menteri Besar dengan tidak ditunjuk oleh parti menyebabkan beliau sentiasa menyangka bahawa pihak parti memusuhi dan sentiasa berusaha hendak menjatuhkan (beliau)".

¹⁵⁶ Ibid. Hlm. 2. Mengikut golongan ini, "sekiranya Mohamad Nasir terus menjadi Menteri Besar, PAS Kelantan akan hancur".

¹⁵⁷ Ibid. Hlm. 2. Perubahan sikap golongan ini dikatakan berlaku kerana mereka "memandang kepada kepentingan parti dan negara".

kelemahan beliau--juga lebih cenderung untuk memilih jalan perdamaian,¹⁵⁸ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Julai 1975 itu telah bersetuju melanjutkan tugas jawatankuasa khas itu di samping menambahkan keanggotaannya.¹⁵⁹ Krisis ini dianggap selesai¹⁶⁰ melalui perlantikan Mohamad Nasir sebagai Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan di dalam mesyuarat badan itu pada 11 September 1975.¹⁶¹

Barisan Nasional Pasca Abdul Razak Hussein

Di sebalik keredaan masalah yang diakibatkan oleh campur tangan UMNO di dalam urusan perlantikan Menteri Besar Kelantan ini, penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional mula memasuki satu dimensi baru ekoran kematian mengejut Abdul Razak Hussein pada 14 Januari 1976.¹⁶² Di dalam reaksi beliau kepada kematian Abdul Razak

¹⁵⁸ Ibid. Hlm. 2. Kecenderungan golongan ini, yang turut mengakui bahawa "kelemahan-kelemahan (Mohamad Nasir) itu sukar sekali hendak di(per)betulkan", dikatakan timbul kerana mereka "memandang kepada kepentingan parti buat masa sekarang ini".

¹⁵⁹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Julai 1975. Hlm. 4. Dua anggota baru jawatankuasa khas itu adalah Dr Abbas Alias dan Abdul Jalil Safuan Abdul Rahman.

¹⁶⁰ Mengikut Mohd Asri Muda kemudiannya, "titik pertemuan dan penyelesaian (yang) telah dicapai di dalam Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 11 September 1975 ini adalah hasil besar (daripada) usaha yang dilakukan oleh Jawatankuasa (Meninjau PAS Kelantan)" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 12 September 1975. Hlm. 2).

¹⁶¹ Ibid. Hlm. 2; dan Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 11 September 1975. Hlm. 2. Perlantikan Mohamad Nasir, selain Wan Ismail Ibrahim dan Mohd Zain Abdullah, sebagai Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan ini adalah dibuat oleh Mohd Asri Muda yang telah, pada 17 Ogos 1975, melantik diri beliau sendiri untuk menjawat jawatan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan bagi sesi 1975-1977 bagi menggantikan tempat Ishak Lotfi Omar (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 Ogos 1975. Hlm. 2). Walau bagaimanapun, mengikut Mohd Asri Muda kemudiannya, perlantikan beliau--yang dikatakan dibuat untuk "memelihara keutuhan parti kita"--, ini hanyalah dibuat untuk sementara waktu sahaja, iaitu "sehingga sampai masanya dilantik seorang pesuruhjaya yang tetap" (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 11 September 1975. Hlm. 1).

¹⁶² Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keempat. Penggal Pertama. Jil. I, Bil. 89, Hari Selasa, 27 Januari 1976. Ruangan 9873. Mengikut William Shaw: "*Abdul Razak had gone first on holiday to France and then on 22 December 1975 went to London for treatment for leukaemia, a disease which had been diagnosed six years earlier. However, he had kept the knowledge of his ailment to himself and to only one or two others throughout these years. Abdul Razak had in 1970 been given much less than six years to live, but he has seemingly held his own against the encroachments of the disease. At first in London he seemed to respond to treatment, but then a relapse occurred and his*

Hussein ini, Mohd Asri Muda telah, di dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Januari 1976, menyarankan agar PAS memainkan peranan yang lebih positif bagi memelihara kedudukannya di dalam Barisan Nasional.¹⁶³ Sebagai langkah pertamanya, mesyuarat itu telah menimbulkan semula masalah peruntukan jawatan yang diberikan kepada PAS dengan memberikan mandat kepada Mohd Asri Muda untuk merundingi soal rombakan kabinet dengan pihak UMNO dengan ketetapan bahawa PAS meminta diwujudkan satu jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua yang akan diisi oleh wakil PAS,¹⁶⁴ bahawa PAS menolak Abdul Ghafar Baba dan menerima Mohd Ghazali Shafie sebagai Timbalan Perdana Menteri Pertama dan bahawa PAS meminta tambahan satu jawatan Menteri,¹⁶⁵ satu jawatan Setiausaha Parlimen dan kenaikan pangkat seorang Setiausaha Parlimennya menjadi seorang Timbalan Menteri.¹⁶⁶

death came quickly on 14 January (1976) at the London Clinic, before he could return to Malaysia" (William Shaw (1976). Tun Razak: His Life and Times. Kuala Lumpur: Longman Malaysia. Hlm. 246).

¹⁶³ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Januari 1976. Hlm. 1. Termasuk di dalam peranan yang lebih positif yang dimainkan oleh PAS bagi memelihara kedudukannya di dalam Barisan Nasional ini ialah percubaannya untuk membantu memelihara kelangsungan politik USNO-- sebuah parti politik yang agak *sympathetic* terhadap PAS (Wawancara dengan Mohd Zahari Awang di kediaman beliau pada 4 Januari 2004)--percubaan yang dimanifestasikan oleh keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Januari 1976 ini untuk mencadangkan agar Barisan Nasional menerima USNO, juga menolak BERJAYA, sebagai salah sebuah parti komponennya (*Ibid.* Hlm. 2) dan oleh keputusan Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 17 Mac 1976 untuk menyokong USNO di dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sabah, juga untuk menghantar lapan orang pemimpin PAS untuk membantu berkempen untuk USNO di dalam pilihan raya itu (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 17 Mac 1976. Hlm. 1). Keputusan untuk menghantar lapan orang pemimpin PAS untuk membantu berkempen untuk USNO ini walau bagaimanapun telah kemudiannya tidak dilaksanakan oleh PAS kerana "ianya memungkinkan (timbulnya) masalah atau tafsiran lain oleh pihak-pihak lain" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 24 Mac 1976. Hlm. 1) manakala keputusan untuk menolak BERJAYA sebagai salah sebuah parti komponen Barisan Nasional pula telah, di sebalik desakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat pada 6 Jun 1976 supaya ia dikekalkan kerana "Islam yang menjadi teras dan dasar perjuangan PAS di dalam keadaan sekarang ini dinodai oleh BERJAYA" (Penyata Tahunan PAS 1975/1976. Hlm. 30), kemudiannya dipinda kepada keputusan untuk mencadangkan agar Barisan Nasional menerima kedua-dua USNO dan BERJAYA sebagai parti-parti komponennya dengan syarat "hendaklah ditubuhkan Kerajaan Campuran (BERJAYA-USNO) atau Kerajaan Barisan Nasional di Sabah" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 8 Jun 1976. Hlm. 2).

¹⁶⁴ Kementerian yang diminta oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Januari 1976 ini untuk diperuntukkan kepada wakil PAS yang akan menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua ini ialah Kementerian Pertahanan (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Januari 1976. Hlm. 2).

Di sebalik tanggapan Mohd Asri Muda bahawa UMNO pasca Abdul Razak Hussein adalah agak lemah,¹⁶⁷ beliau terpaksa menerima hakikat bahawa PAS sendiri tidaklah terlalu kuat sehingga memungkinkan UMNO tunduk kepada desakannya agar ia diberikan jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua. Setelah desakan PAS itu--selain desakannya agar Mohd Ghazali Shafie dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri--ditolak oleh pihak UMNO¹⁶⁸ yang walau bagaimanapun bersetuju dengan desakan PAS agar Abdul Ghafar Baba tidak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri¹⁶⁹ di samping

¹⁶⁵ Kementerian yang diminta oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Januari 1976 ini untuk diperuntukkan kepada wakil PAS yang akan menjawat jawatan Menteri ini ialah Kementerian Tanah dan Galian (*Ibid.* Hlm. 2), kementerian yang pada masa itu sedang diterajui oleh Mohd Asri Muda--permintaan yang membayangkan bahawa, sekiranya permintaannya supaya diwujudkan satu jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua yang akan diisi oleh wakil PAS dipenuhi oleh UMNO, jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua ini adalah dikhaskan untuk Mohd Asri Muda sendiri.

¹⁶⁶ *Ibid.* Hlm. 2. Sewaktu memberikan taklimat mengenai perundingan beliau dengan pihak UMNO berhubung dengan soal rombakan kabinet ini, Mohd Asri Muda walau bagaimanapun telah menyatakan bahawa PAS meminta tambahan satu jawatan Menteri, satu jawatan Timbalan Menteri (tanpa mensyaratkan bahawa pengisian jawatan ini hendaklah melibatkan kenaikan pangkat scorang Setiausaha Parlimentnya) dan satu jawatan Setiausaha Parlimen (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 22 Februari 1976. Hlm. 2).

¹⁶⁷ Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Januari 1976. Hlm. 2. Mohd Asri Muda telah secara khususnya menyebutkan mengenai masalah "ketiadaan tokoh berwibawa yang disegani oleh semua pihak di dalam parti pemegang teraju pemerintahan negara" di dalam mesyuarat khas ini.

¹⁶⁸ Walaupun bentuk "masalah besar" ini sendiri tidak dapat dipastikan dengan tepat, desakan-desakan PAS berhubung dengan jawatan Timbalan Perdana Menteri ini dikatakan telah menyebabkan "PAS berhadapan dengan masalah besar" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 18 Januari 1976. Hlm. 2).

¹⁶⁹ Walaupun Hussein Onn kelihatan bersetuju dengan desakan PAS agar Abdul Ghafar Baba tidak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, adalah diragui bahawa penolakan Abdul Ghafar Baba ini, apakah lagi perlantikan Dr Mahathir Mohamad untuk mengisi jawatan itu, adalah dipengaruhi oleh desakan PAS ini, malah tindakan PAS menolak Abdul Ghafar Baba dan menerima Mohd Ghazali Shafie sebagai Timbalan Perdana Menteri dengan secara tidak langsungnya membawa implikasi bahawa ia juga sebenarnya turut menolak Dr Mahathir Mohamad untuk mengisi jawatan itu--penolakan yang diakui oleh Mohd Zahari Awang (Wawancara dengan Mohd Zahari Awang di kediaman beliau pada 4 Januari 2004) dan penolakan yang mungkin boleh difahami melalui kenyataan yang dibuat oleh Hasan Adli Arshad yang, sewaktu menjelaskan sokongan beliau ke atas tindakan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr Ismail Abdul Rahman, "mengharamkan risalah Dr Mahathir" (Kenyataan akhbar Naib Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 17 Julai 1969 bertajuk "Terima Kasih Kembali". Hlm. 1), menulis: "(Dr Mahathir) *ultra* (pelampau), kalau (beliau) mendapat kuasa bukan (beliau) hendak hidupkan PAS, bahkan (beliau) akan menentang Islam lebih hebat, azan akan (beliau) tukar dengan bahasa Melayu, tok-tok guru akan dilarang mengajar agama di masjid-masjid kerana itu menghalang kemajuan (macam gerakan Atartuk di Turki dahulu)" (Surat Naib Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Setiausaha Kerja PAS, Baharuddin Abdul Latif (tidak bertarikh dan tidak bertajuk). Hlm. 1).

turut bersetuju untuk menaikkan pangkat seorang Timbalan Menterinya menjadi seorang Menteri dan untuk memberikan tambahan satu jawatan Setiausaha Parliment kepada danya,¹⁷⁰ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Mei 1976--dengan berpandukan kepada nasihat Mohd Asri Muda bahawa strategi PAS di zaman Hussein Onn harus diubah dari strategi yang diamalkannya di zaman Abdul Razak Hussein¹⁷¹-- telah memutuskan supaya ia mencari jalan yang berkesan untuk memastikan usaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara--yang dikatakan merupakan tujuan utama PAS menyertai Barisan Nasional--dapat dilakukan semaksima mungkin.¹⁷²

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Mei 1976 ini, Mohd Asri Muda telah, di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 5 dan 6 Ogos 1976,¹⁷³ mengambil peluang daripada ucapan Hussein Onn--yang dilapor mahu menjadikan Islam sebagai benteng bagi menghadapi ancaman komunis--untuk

¹⁷⁰ Kenaikan pangkat untuk PAS ini adalah melibatkan Hasan Adli Arshad, yang sebelumnya merupakan Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, yang dilantik sebagai Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan manakala tambahan jawatan untuk PAS ini adalah melibatkan Mohd Zahari Awang yang dilantik sebagai Setiausaha Parliment Kementerian Luar Negeri ("Susunan kabinet baru Hussein", dlm. Utusan Malaysia, 6 Mac 1976; Penyata Rasmi Parliment Dewan Rakyat. Parliment Keempat. Penggal Kedua. Jil. II, Bil. 1, Hari Rabu, 31 Mac 1976. Ruangan 5-14; dan "Tahniah dan ucap selamat", dlm. Berita PAS, Bil. 1 Thn. 3, April 1976. Hlm. 15).

¹⁷¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Mei 1976. Hlm. 3.

¹⁷² Ibid. Hlm. 3. Mesyuarat ini juga telah bersetuju untuk "segera mengikhtiaran pengubatan terhadap ketidakpuasan (hati) dari PAS di peringkat negeri dan cawangan (ke atas perlaksanaan Barisan Nasional) dengan jalan memberikan penjelasan-penjelasan kepada cawangan-cawangan yang berkenaan".

¹⁷³ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 ini mulanya telah dicadang untuk dilangsungkan pada 31 Julai dan 1 dan 2 Ogos 1976 (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat, dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 15 Mei 1976 bertajuk "Mesyuarat Agung Tahunan PAS Ke-22, Muktarar Dewan Ulama' Dan Kongres Dewan-Dewan Pemuda Dan Muslimat PAS". Hlm. 1), tetapi tarikh ini telah kemudiannya dipinda kepada 5 dan 6 Ogos 1976 (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat, dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 21 Jun 1976 bertajuk "Mesyuarat Agung Tahunan PAS Ke-22, Muktarar Dewan Ulama' Dan Kongres Dewan-Dewan Pemuda Dan Muslimat PAS". Hlm. 1)

memperkatakan tentang usaha penerapan nilai-nilai Islam,¹⁷⁴ khususnya untuk mencabar Hussein Onn memperkenalkan Islam ke dalam segenap lapangan hidup "kalau apa yang diucapkan itu timbul dari rasa kesedaran dan keimanan yang sungguh-sungguh".¹⁷⁵ Selain mengkritik nasionalisme yang dikatakan tidak mampu dijadikan ideologi untuk menyandarkan kekuatan orang Melayu berbanding kekuatan iman dan aqidah Islamiah¹⁷⁶ dan selain menyatakan kekecewaan kerana seruan untuk menegakkan keimanan itu tidak disertai dengan keberanian moral untuk membanteras kemaksiatan,¹⁷⁷ beliau juga telah dengan lantangnya mengisyiharkan¹⁷⁸ bahawa "sudah tiba waktunya suatu perubahan radikal dalam sistem politik dan perundangan yang mengarahkan kepada seruan para pemimpin kita (untuk) memberikan tempat yang asal kepada undang-undang Islam".¹⁷⁹

¹⁷⁴ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976 bertajuk "Sikap Kita Sekarang". Hlm. 10-16.

¹⁷⁵ Ibid. Hlm. 10. Tegas Mohd Asri Muda: "Perkenalkanlah apa yang bernama Islam itu dalam segenap lapangan, dari segi aqidah, syari'at, politik, ketatanegaraan, ekonomi, pelajaran, pendidikan dan sosialnya, yang bagi warganegara yang bukan Muslim harus agaknya merasa keberatan untuk menerima dari segi aqidah keimanannya, tetapi mereka tentu tidak akan merasa keberatan menerima di bidang kemasyarakatan dan tatacara hidupnya kerana *way of life* yang digariskan oleh Islam itu objektif, sesuai dengan fitrah manusia".

¹⁷⁶ Ibid. Hlm. 14. Tegas Mohd Asri Muda: "Jika kita semata-mata bergantung kepada nasionalisme, ia dengan mudah akan lebur dengan kedatangan ribut yang kecil. Nasionalisme pada hakikatnya bukan suatu ideologi, jauhlah sekali sebagai satu aqidah. Ia juga bukan *syari'at*, bukan *way of life*. Nasionalisme adalah merupakan perasaan yang lazim dimiliki oleh mana-mana bangsa dan kaum juga". Sebelumnya, Mohd Asri Muda juga telah dilaporkan "membidas sikap setengah pemimpin yang masih menegakkan nasionalisme Melayu sebagai landasan perjuangannya sungguhpun negara telah mencapai kemerdekaan 19 tahun lalu" di dalam ucapan beliau sewaktu merasmikan Mesyuarat Agung Kali Pertama PAS Cawangan Petaling pada 20 Jun 1976 ("Asri bidas pemimpin yang masih tegakkan nasionalisme Melayu", dlm. Utusan Malaysia, 21 Jun 1976).

¹⁷⁷ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976 bertajuk "Sikap Kita Sekarang". Hlm. 14-15. Banding Mohd Asri Muda: "Samalah juga di samping kita memerangi keganasan komunis di hutan-hutan dan subversifnya di bandar dan kota-kota, kita memejamkan mata terhadap kegiatan penyebaran fahaman marxisme-sosialisme di tengah-tengah masyarakat. Nampaknya kita tidak mempunyai keberanian moral memeranginya habis-habisan sambil mempraktikkan doktrin yang dinamik yang dikehendaki sebenarnya oleh Islam itu".

¹⁷⁸ Pengisyiharan Mohd Asri Muda ini diikuti pula oleh kenyataan beliau bahawa "kita akan mengambil langkah supaya dibentuk suatu panitia yang terdiri dari(pada) ahli-ahli undang-undang dan masyarakat dari para sarjana Islam untuk menyusun program perlaksanaan seperti digariskan oleh Islam dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada kerajaan suatu undang-undang asas dan undang-undang negeri bagi mengambil tempatnya yang berdaulat" (Ibid. Hlm. 15).

¹⁷⁹ Ibid. Hlm. 15. Menguatkan lagi kandungan pengisyiharan Mohd Asri Muda ini ialah kandungan kertas kerja (bertajuk "Kedudukan Hukum Islam Dalam Masyarakat Melayu") Dekan Fakulti Undang-

Sekiranya kenyataan Mohd Asri Muda mengenai usaha penerapan nilai-nilai Islam dilihat agak keras,¹⁸⁰ tidak begitu pula dengan penilaian beliau terhadap penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional yang agak positif di mana, mengikut beliau, penyertaan ini, setakat hari itu, telah membawa "hasil-hasil yang menggembirakan".¹⁸¹ Secara khususnya, beliau telah membuat satu ulangkaji ke atas pencapaian tiga faktor yang dikatakan menyebabkan PAS menyertai Barisan Nasional di mana, dari segi perpaduan bangsa dan negara, sementara penyertaan PAS dikatakan memberi banyak sumbangan kepada kestabilan politik negara, kemantapan politik masyarakat Melayu dikatakan masih belum tercapai sepenuhnya;¹⁸² dari segi faedah langsung kepada ahli-ahli PAS, sementara PAS dikatakan belum memperolehi sepenuhnya apa yang sepatutnya ia perolehi, ia secara umumnya dikatakan "tidaklah mengecewakan";¹⁸³ manakala dari segi

Undang Universiti Malaya, Prof. Ahmad Ibrahim, yang beliau bentangkan di dalam Seminar Kebudayaan Islam dan Kebudayaan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 25, 26, 27 dan 28 Julai 1976--seminar yang dirasmikan oleh Mohd Asri Muda sendiri ("Awas perangkap samar budaya, Asri ingatkan", dlm. Berita Harian, 26 Julai 1976)--yang mencadangkan supaya Seksyen-Seksyen 3, 4 dan 5 Akta Undang-Undang Sivil dimansuhkan sebagai langkah pertama mengembalikan undang-undang Islam kepada tempatnya yang asal sebagai undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia ("Syor mansuh 3 seksyen dalam undang-undang sivil: Langkah pertama mengembalikan Islam kepada tempatnya yang asal", dlm. Utusan Malaysia, 27 Julai 1976).

¹⁸⁰ Selaras dengan kenyataan keras Mohd Asri Muda ini, Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-15 pada 4 Ogos 1976 telah sebelumnya meluluskan satu usul bagi "mendesak Kerajaan Malaysia supaya berusaha dengan segigih-gigihnya menerapkan pengajaran-pengajaran Islam dan nilai-nilainya kepada seluruh aspek hidup dan penghidupan negara di samping memastikan segala nilai yang bertentangan dengan Islam dihapuskan dengan bersungguh-sungguh dan jujur" (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-15 pada 4 Ogos 1976. Hlm. 10-11) manakala Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, telah kemudiannya menggesa Peguam Negara, Abdul Kadir Yusof, agar pindaan ke atas Perlombongan Persekutuan yang dikatakan mahu dilakukan oleh beliau bagi membolehkan orang-orang bukan Islam yang berkhawat dengan orang-orang Islam turut dihukum di mahkamah akan turut "memboleh atau memestikan bahawa sebarang undang-undang yang hendak digubal dan diluluskan oleh pihak-pihak yang berkuasa Persekutuan dan Negeri tidak berlawanan dengan ajaran Islam yang menjadi agama Persekutuan" (Kenyataan akhbar Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 12 November 1976 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

¹⁸¹ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976 bertajuk "Sikap Kita Sekarang". Hlm. 3.

¹⁸² Ibid. Hlm. 4. Jelas Mohd Asri Muda: "Hal ini dimungkinkan oleh kurangnya kesungguhan dalam kalangan para pemimpin untuk menggiatkan usaha bagi mewujudkan keharmonian hubungan, terutama di peringkat pertengahan dan di peringkat bawahannya. Kita percaya keadaan ini akan dapat ditingkatkan ke arah yang lebih menggembirakan kalau usaha yang benar-benar dapat diadakan di antara parti kita dengan Parti UMNO khasnya. Soalnya ialah soal pengertian, kesungguhan dan minat yang penuh".

penerapan nilai-nilai Islam, yang dikatakan "tidak boleh diperincikan satu per satu", PAS dikatakan telah berjaya mewujudkan kecenderungan berfikir ke arah meninggikan imej agama Islam di kalangan pihak yang berwibawa yang memungkinkan berlakunya perubahan besar ke atas struktur masyarakat dan sosio-politik negara di masa hadapan.¹⁸⁴

Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 ini menyaksikan Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengemukakan satu laporan mengenai perjalanan Barisan Nasional di dalamnya.¹⁸⁵ Laporan bertajuk "Kajian Penilaian Penyertaan PAS Dalam Kerajaan" yang disediakan oleh sebuah jawatankuasa kecil yang dipengerusikan oleh Hasan Adli Arshad itu¹⁸⁶ walau bagaimanapun bukanlah berupa satu penjelasan ke atas usaha-usaha yang dilakukan oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi mengatasi ketidakpuasan hati para perwakilan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21 ke atas perjalanan Barisan Nasional tetapi adalah berupa satu penjelasan ke atas faedah-faedah yang diperolehi oleh PAS hasil daripada penyertaannya di dalam Barisan Nasional¹⁸⁷ yang menyebabkan "kehadiran PAS di dalam institusi-institusi kerajaan" dianggap "sangat mustahak dan

¹⁸³ Ibid. Hlm. 4. Tambah Mohd Asri Muda: "Maka jika kita fikirkan masih ada perkara-perkara yang patut diperolehi oleh PAS tetapi masih belum kita dapat, ianya akan terus kita perjuangkan mengikut landasan dan proses-proses yang akan kita ikhtiarkan dari semasa ke semasa. Tetapi amatlah tidak wajar jika hal yang demikian menyebabkan tercetusnya suatu sengketa di antara warga Barisan Nasional".

¹⁸⁴ Ibid. Hlm. 5. Kenyataan-kenyataan Mohd Asri Muda bahawa "apa yang sayugia menjadi tumpuan perhatian ialah usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan" dan bahawa "kita percaya jika situasi dan kondisi begini dapat kita manfaatkan dengan sungguh-sungguh maka cita-cita penerapan Islam itu akan benar-benar menjadi realiti pada masa yang akan datang" menunjukkan bahawa beliau sebenarnya tidaklah terlalu berpuas hati dengan kemajuan usaha penerapan nilai-nilai Islam ini.

¹⁸⁵ Laporan ini walau bagaimanapun hanya mula diputus untuk dirangka di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Mei 1976 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Mei 1976. Hlm. 3).

¹⁸⁶ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Julai 1976. Hlm. 2.

¹⁸⁷ Laporan Jawatankuasa Kerja Agung PAS kepada Mesyuarat Agung PAS bertarikh 5 Ogos 1976 bertajuk "Kajian Penilaian Penyertaan PAS Dalam Kerajaan". Hlm. 1-7.

sangat diperlukan".¹⁸⁸ Di sebalik kewujudan rungutan mengenai kekurangan kerjasama di antara UMNO dan PAS di peringkat-peringkat negeri dan daerah,¹⁸⁹ juga di sebalik kewujudan gesaan supaya usaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara dipertingkatkan,¹⁹⁰ laporan ini tidaklah pula dipersoalkan oleh para perwakilan.¹⁹¹

Kelantangan Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 diteruskan lagi di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23¹⁹² di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 23, 24 dan 25 Julai 1977,¹⁹³ di mana ucapan dasar

¹⁸⁸ Ibid. Hlm. 7. Secara khususnya, laporan ini telah menyimpulkan bahawa "bagi faedah ahli-ahli PAS, kepentingan umat Islam dan rakyat Malaysia supaya dapat mencapai konsep negara demokrasi berparlimen yang berhaluanan agama Islam dan prinsip Rukun Negara, sebelum mencapai cita-cita yang lebih ideal, dan untuk menikmati situasi politik yang lebih stabil, ekonomi yang lebih mantap, kehidupan yang lebih makmur, masyarakat yang lebih harmoni, kehidupan beragama yang lebih meyakinkan, maka kehadiran PAS di dalam institusi-institusi kerajaan adalah sangat mustahak dan sangat diperlukan pada masa ini".

¹⁸⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976. Hlm. 16, 18, 19, 50, 51, 53 dan 54. Rungutan mengenai perkara ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Setapak, Batu Pahat, Segamat, Air Hitam, Jasin, Parit Buntar, Ulu Selangor dan Labis.

¹⁹⁰ Ibid. Hlm. 14, 15, 48, 50, 51, 54, 56 dan 57. Gesaan ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Baling, Lumut, Alor Setar, Dewan Ulama' PAS Pusat, Dewan Muslimat PAS Pusat, Kuantan, Sabak Bernam, Kangar, Petaling, Besut dan Dewan Pemuda PAS Pusat. Penyata Tahunan PAS 1975/1976 walau bagaimanapun telah memberikan satu komen yang positif mengenai kesan penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional ke atas usaha parti itu untuk menyebarkan dakwah Islamiah di mana ia menyatakan bahawa "di saat-saat kebelakangan ini, peranan kita dalam bidang dakwah Islamiah memang dapat dilihat dan dirasakan lebih jelas daripada masa-masa yang telah lalu (kerana) undangan kepada ahli-ahli PAS yang berkebolehan dalam bidang ini sekarang nampaknya datang dari semua pihak, tidak seperti dahulu..." (Penyata Tahunan PAS 1975/1976. Hlm. 15-16)

¹⁹¹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976. Hlm. 47-58. Walaupun laporan ini telah dibahaskan bersekali dengan perbahasan ucapan dasar Yang Dipertua Agung PAS, ia tidaklah pula diundi penerimaannya sebagaimana ucapan dasar Yang Dipertua Agung PAS yang telah diluluskan dengan sebulat suara oleh para perwakilan (Ibid. Hlm. 66).

¹⁹² Perkataan "Mesyuarat Agung Tahunan PAS" kini digantikan dengan perkataan "Muktamar Tahunan PAS" setelah Pendaftar Pertubuhan Malaysia telah, pada 21 Jun 1977, meluluskan perlombagaan baru PAS bagi menggantikan perlombagaan yang telah diluluskan pada 24 Februari 1973 sebelumnya (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Badan Perhubungan PAS Negeri-Negeri bertarikh 26 Jun 1977 bertajuk "Perlombagaan Baru PAS". Hlm. 1).

¹⁹³ Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 ini telah memilih Mohd Asri Muda, Hasan Adli Arshad serta Abu Bakar Umar dan Dr Daeng Sanusi Mariok sebagai Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung dan Naib-Naib Yang Dipertua Agung PAS--di samping telah turut memilih Dr Harun Din, Abdul Wahab Yunus, Baharuddin Abdul Latif, Dr Ishak Mohd Rejab, Dr Abbas Alias, Mohd Zahari Awang, Hassan Shukri, Salmah Sheikh Hussain, Mohamad Nasir, Tengku Kamarulzaman Tengku Abdul Hamid, Mohd Daud Abdul Samad dan Wan Ismail Ibrahim sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1977/1979 (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23

beliau pada kali ini telah mempersoalkan kelangsungan Barisan Nasional itu sendiri¹⁹⁴ dengan mengingatkan para pemimpin UMNO supaya tidak menganggap PAS lemah, seterusnya tidak menekan dan menindasnya, semata-mata kerana ia bersikap toleran di dalam soal pembahagian kerusi atau jawatan.¹⁹⁵ Menggunakan istilah "*mu'ahadah*" bagi merujuk kepada kerjasama di dalam Barisan Nasional, beliau telah memberikan amaran bahawa, sementara PAS akan terus mempertahankan *mu'ahadah* ini selagi wujud keadaan selesa di dalamnya, ia tidak akan teragak-agak untuk bertindakbalas, "sekalipun hingga terpaksa mengambil jalan sendiri", sekiranya UMNO terlebih dahulu berlaku serong dengan bertindak mencabulinya.¹⁹⁶ Selain menegaskan komitmen PAS untuk menuju negara Islam,¹⁹⁷ beliau juga telah menyelar pihak yang mencabar dasar

pada 23, 24 dan 25 Julai 1977. Hlm. 31-32). Seorang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi sesi 1977/1979 yang dilantik oleh Mohd Asri Muda, iaitu Ali Taib, yang telah kemudiannya bertindak keluar dari PAS pada 29 September 1977 akibat ketidaksetujuan beliau ke atas pemecatan keahlian Mohamad Nasir ("PAS pecat Nasir: Ustaz Ali Taib keluar parti--bantah tindakan Jawatankuasa Kerja Agung", dlm. Berita Harian, 30 September 1977), telah mendakwa bahawa tindakan Abu Bakar Umar menentang Hasan Adli Arshad bagi merebut jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 ini, juga tindakan Abdul Wahab Yunus menentang Mustafa Ali bagi merebut jawatan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat di dalam Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-18, adalah didalangi oleh Mohd Asri Muda ("Silap teknik: Hanya helah Asri--Ali", dlm. Watan, 6 Oktober 1977), tetapi dakwaan ini telah kemudiannya dinafikan oleh Mohd Asri Muda yang menegaskan bahawa "tidak ada niat dalam diri saya sama sekali untuk menjatuhkan kawan, termasuklah sahabat saya, Tuan Haji Hasan Adli...tetapi, dalam sebuah parti politik, tiada siapa yang boleh menahan orang hendak bertanding jika ia dicalonkan" (Rakaman ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 (tidak bertajuk)).

¹⁹⁴ Tidaklah dapat dipastikan dengan tepat apakah punca yang mendorong kepada kelantangan Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 ini walaupun faktor semakin menjelangnya Pilihan Raya Umum Kali Ke-6 mungkin menunjukkan bahawa ia adalah didorong oleh keinginan beliau untuk melihat peruntukan kerusi pilihan raya, seterusnya peruntukan jawatan kerajaan, untuk PAS dipertingkatkan di dalam pilihan raya umum ini.

¹⁹⁵ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 pada 23, 24 dan 25 Julai 1977 (tidak bertajuk). Hlm. 8.

¹⁹⁶ Ibid. Hlm. 9.

¹⁹⁷ Ibid. Hlm. 21. Rujukan terhadap komitmen PAS untuk menuju negara Islam ini dibuat oleh Mohd Asri Muda di dalam konteks perbincangan mengenai program jangka panjang PAS "menjelang tahun-tahun 1990". Menariknya, berbeza dengan penegasan beliau mengenai keperluan untuk melakukan "suatu perubahan radikal dalam sistem politik dan perundangan" melalui *pemberian tempat* yang asal kepada undang-undang Islam yang dibuat oleh beliau di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976, ucapan dasar beliau pada kali ini pula sekadar menyatakan bahawa "kita juga akan berusaha menyisip dan menerapkan perundangan Islam dalam negara melalui kesedaran umat dan keyakinan serta kekuatan pimpinan negara sesuai

perjuangan PAS¹⁹⁸ dengan menyifatkannya sebagai boleh membahayakan perpaduan, malah mampu menjelaskan aqidah kerana PAS dikatakan didirikan di atas asas aqidah.¹⁹⁹

Selaras dengan nada ucapan dasar Mohd Asri Muda ini, hampir kesemua perwakilan yang menghadiri Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 ini telah meluahkan ketidakpuasan hati mereka ke atas perlaksanaan Barisan Nasional,²⁰⁰ khususnya ke atas dakwaan ketidakwujudan kerjasama yang baik di antara UMNO dan PAS di peringkat negeri dan daerah²⁰¹ dan ke atas kegagalan usaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara²⁰² yang mendorong mereka meminta supaya dilakukan satu

dengan situasi dan kondisi negara"--kenyataan yang turut dibuat oleh beliau di dalam konteks perbincangan mengenai program jangka panjang PAS "menjelang tahun-tahun 1990" ini. Tidaklah dapat dipastikan dengan tepat apakah punca yang mendorong kepada pengenduran suara beliau di dalam memperkatakan tentang hasrat PAS untuk mengislamisasikan sistem perundungan negara ini walaupun persetujuan Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 7 Disember 1976 supaya "Pejabat Agung PAS meminta Badan-Badan Perhubungan PAS Negeri menyatakan apa-apa rasa tidak puas hati (mereka) terhadap perjalanan Barisan Nasional di negeri masing-masing" setelah ia "mendengar taklimat (yang disampaikan oleh Mohd Asri Muda berhubung dengan pertemuan di antara para pemimpin PAS dan para pemimpin UMNO pada 15 November 1976)" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 7 Disember 1976. Hlm. 1) membayangkan bahawa penyampaian hasrat PAS ini mungkin telah tidak mendapat sambutan yang baik daripada para pemimpin UMNO.

¹⁹⁸ Sementara Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 7 Disember 1976 memutuskan bahawa ia "bersetuju mengambil perhatian berat terhadap sesetengah ucapan tokoh-tokoh politik komponen Barisan Nasional yang cuba memburuk-burukkan PAS dan pemimpinnya" (Ibid. Hlm. 2), Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-16 pada 23 Julai 1977 pula telah kemudiannya turut meluluskan usul wakil Dewan Ulama' PAS Pusat yang, setelah dipinda, menyatakan bahawa ia "memandang berat kenyataan Tengku Abdul Rahman Putra yang menghina hukum-hukum Islam berhubung dengan rejam sebagai komennya terhadap cadangan Dewan Ulama' PAS yang mendesak Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam menyelaraskan hukum zina dengan hukum Islam" (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-16 pada 23 Julai 1977. Hlm. 12-13).

¹⁹⁹ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 pada 23, 24 dan 25 Julai 1977 (tidak bertajuk). Hlm. 10.

²⁰⁰ Wakil Kuala Terengganu malah telah mempersoalkan motif penubuhan Barisan Nasional itu sendiri dengan menyatakan bahawa "kalau dilihat secara insaf dan mendalam, Barisan Nasional itu adalah semacam satu usaha yang sengaja diwujudkan bagi menghancurkan parti-parti lawan Perikatan dahulu" manakala wakil Pengkalan Chepa pula telah mendedahkan bahawa "di Kelantan sekarang ada tandatanda usaha hendak memecah perpaduan (PAS dan UMNO) itu (di mana) pada masa ini kegiatan ini berjalan melalui pemberian projek-projek dan perasmian-perasmian projek-projek tersebut" (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 pada 23, 24 dan 25 Julai 1977. Hlm. 22 dan 44).

²⁰¹ Ibid. Hlm. 15-16, 19, 21 dan 38. Ketidakpuasan hati mengenai perkara ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Dewan Pemuda PAS Pusat, Kubang Pasu, Batu Pahat dan Parit Buntar.

penilaian yang lebih menyeluruh ke atas penyertaan PAS di dalamnya berbanding dengan penilaian yang termuat di dalam laporan Jawatankuasa Kerja Agung PAS dahulu.²⁰³ Dengan Mohd Asri Muda sendiri tidak terlalu mempertahankan Barisan Nasional--termasuklah pengakuan beliau bahawa kerjasama itu memang tidak wujud dan tiada sebarang usaha diambil untuk mewujudkannya di negeri-negeri yang kedudukan PAS agak lemah²⁰⁴--para perwakilan telah akhirnya meluluskan satu usul yang memberi kuasa penuh kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk mengkaji semula penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional, termasuklah untuk mengambil keputusan menarik diri dari Barisan Nasional, tanpa perlu merujukkan perkara ini kepada sebarang muktamar.²⁰⁵

Krisis Kedua Melibatkan Mohamad Nasir

Seiring dengan tindakan Mohd Asri Muda meningkatkan tekanan PAS kepada UMNO ini, PAS juga kelihatan hampir berjaya menyelesaikan sepenuhnya masalahnya di Kelantan apabila Mohamad Nasir telah, pada 20 November 1976, mengirimkan surat perletakan jawatan beliau--yang dikatakan akan berkuatkuasa mulai 31 Ogos 1977--kepada Mohd Asri Muda.²⁰⁶ Mengikut Mohamad Nasir, perletakan jawatan beliau yang

²⁰² Ibid. Hlm. 19, 21, 23, 35, 37, 40, 42 dan 43. Ketidakpuasan hati mengenai perkara ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Parit Buntar, Nilam Puri, Dewan Ulama' PAS Pusat, Damansara, Dewan Pemuda PAS Pusat, Besut, Pelabuhan Kelang dan Jerai. Wakil Dewan Pemuda PAS Pusat khususnya telah menyatakan bahawa "sehingga ini tiada satu perkara (pun) yang dapat dilaksanakan (sehubungan dengan usaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam masyarakat dan negara)".

²⁰³ Ibid. Hlm. 35, 40 dan 41. Permintaan ini telah disuarakan oleh wakil-wakil Dewan Pemuda PAS Pusat, Pelabuhan Kelang dan Dewan Ulama' PAS Pusat.

²⁰⁴ Ibid. Hlm. 25. Penyata Tahunan PAS 1976/1977 juga turut menyatakan bahawa "kerjasama Barisan Nasional di peringkat pusat adalah baik, tetapi di peringkat negeri dan kawasan tidak banyak mencapai kemajuan yang diharap-harapkan" (Penyata Tahunan PAS 1976/1977. Hlm. 23).

²⁰⁵ Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 pada 23, 24 dan 25 Julai 1977. Hlm. 53-54.

²⁰⁶ Surat Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 20 November 1976 (tidak bertajuk). Hlm. 1. Tulis Mohamad Nasir di dalam surat--yang salinannya telah kemudiannya diterbitkan semula oleh majalah Siaran Penerangan PAS Negeri

didorong oleh "keadaan kaki (beliau) yang sakit dan penyakit-penyakit lain(nya)" yang dikatakan "banyak menjaskan tugas-tugas (beliau)" itu adalah wajar memandangkan beliau telah berkhidmat selama "kira-kira 40 tahun" kepada negeri, negara dan rakyat "dengan tidak pernah berehat panjang".²⁰⁷ Pengakuan beliau bahawa keadaan fizikal beliau sudah tidak lagi mampu untuk bertahan--yang disusuli dengan pengakuan beliau bahawa beliau sudah "bertambah kurang ingatan"²⁰⁸--diperkuuhkan lagi dengan penegasan beliau bahawa beliau sepatutnya sudah bersara walaupun tidak dengan sebab keuzuran sekalipun.²⁰⁹ Pemberian tempoh tertentu untuk beliau berbuat demikian pula dikatakan perlu bagi membolehkan urusan penggantian beliau "dapat dijalankan dengan sempurna", juga untuk menggenapkan tempoh perkhidmatan beliau kepada tiga tahun.²¹⁰

Di sebalik janji beliau untuk meletakkan jawatan beliau sebagai Menteri Besar Kelantan pada 31 Ogos 1977, Mohamad Nasir tetap juga gagal berbuat demikian apabila tarikh itu menjelang tiba,²¹¹ sekaligus menyemarakkan semula ketidakpuasan hati Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS ke atas diri beliau. Hasilnya, mereka²¹²

Kelantan ("Confidential", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 3/78, 22 Februari 1978. Hlm. 7)--ini: "Sekarang terpulanglah kepada Parti PAS (untuk) memilih seorang (Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan) yang akan mengganti(kan) saya dan (kepada) Barisan Nasional (untuk) mengemukakan dan (meny)embah(kan) kepada Pemangku Raja bagi persetujuan dan lantikan".

²⁰⁷ Surat Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 20 November 1976 (tidak bertajuk). Hlm. 1.

²⁰⁸ Ibid. Hlm. 1.

²⁰⁹ Ibid. Hlm. 1.

²¹⁰ Ibid. Hlm. 1. Tambah Mohamad Nasir di dalam surat ini: "Rasanya tidak berapa (lama) lagi, hanya kira-kira tujuh bulan sahaja lagi, tidak termasuk sebulan cuti sebelum bersara dan cuti rehat sebulan yang saya akan pohonkan".

²¹¹ Dedah Wan Ismail Ibrahim kemudiannya: "(Kita pun) setuju nak bagi tempat (baru kepada Dato' Nasir), serupa jugak gajinya, kita *create* JASA. 'Gi tengok bilik dah, beli 'khusi, beli 'gapo, setuju dah. Tak 'sir wi geger nak letak jawatan 'gitu, tiga tahun, lepas tiga tahun. 'Kong, Ku 'Li tau, (terus) tak jadi, (padahal) dalam (Badan) Perhubungan (PAS Kelantan) setuju 'dah nih" (Wawancara dengan Wan Ismail Ibrahim di kediaman beliau pada 22 April 1999).

telah, di dalam mesyuarat mereka pada 6 dan 8 September 1977, memutuskan untuk meminta beliau--disebabkan kepimpinan beliau dikatakan telah melemahkan perjalanan Kerajaan Kelantan serta merugikan Barisan Nasional umumnya dan PAS khususnya²¹³-- meletakkan jawatan beliau sebelum 28 September 1977 dan, sekiranya keputusan ini gagal dipatuhi oleh beliau, satu usul undi tidak percaya akan dikemukakan terhadap beliau di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan.²¹⁴ Setelah menimbangkan permintaan mereka, Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 10 September 1977 telah bersetuju untuk menerima tindakan yang mereka rancang ini selain turut bersetuju menyerahkan kepada pesuruhjaya untuk mengemukakan masalah ini kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi membolehkan beliau dikenakan tindakan tatatertib sekiranya beliau tidak meletakkan jawatan beliau pada 20 September 1977.²¹⁵

²¹² Akui Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, kemudiannya: "Saya sudah pergi berjumpa dengan ahli-ahli jawatankuasa di kawasan-kawasan, saya tanya setiap orang daripada ahli-ahli jawatankuasa tu, tak kira siapa, apa pandangan dia berkenaan, nombor satu, kedudukan parti, nombor dua, kedudukan kerajaan. Saya sudah dapat jawapan dan rumusan, kedua-dua parti dengan kerajaan ni merosot sekarang, lemah. Hampir 95% fikiran dan pendapat lagu 'tu. Jadi, kalu lemah, boxtan sapo? Jujuk 'gi jujuk mari, tak ada lainlah, jatuh pada ketua kerajaan jugak, pada Menteri Besar. Jadi, sebab 'tulah saya sudah kumpulkan Ahli-Ahli Dewan Negeri. Setelah saya tanya diaorang tu, diaorang pun semua setuju nak mintak dengan hormat Dato' Nasir berhenti dari jawatan dia" (Rakaman laporan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977 oleh Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, pada 28 September 1977).

²¹³ Surat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 8 September 1977 bertajuk "Kenyataan Bersama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (PAS) Kelantan". Hlm. 1.

²¹⁴ Ibid. Hlm. 1. Mengikut "Orang PAS Tulen" pula, keputusan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS untuk meminta Mohamad Nasir meletakkan jawatan beliau dan untuk mengemukakan satu usul undi tidak percaya terhadap beliau di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan sekiranya keputusan ini gagal dipatuhi oleh beliau adalah sebenarnya didalangi oleh Khairul Khatib yang, sebagai Setiausaha Politik Kepada Menteri Besar Kelantan, dikatakan telah berjaya direnggangkan daripada Mohamad Nasir oleh Hussain Ahmad yang telah mengesani pergantungan Mohamad Nasir ke atas Khairul Khatib sebelumnya--keadaan yang dikatakan mendorong Khairul Khatib mengumpul dan mengemukakan segala penyelewengan Mohamad Nasir kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS untuk dijadikan sebagai asas-asas kepada keputusan ini (Surat "Orang PAS Tulen" kepada Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Khairul Khatib, Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, dan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda (tidak bertarikh dan tidak bertajuk). Hlm. 1). Walaupun surat "Orang PAS Tulen" ini telah mendorong Khairul Khatib meletakkan jawatan beliau sebagai Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 23 April 1982 (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 18 September 1982. Hlm. 3), tuduhan-tuduhan yang telah dibuat terhadap Khairul Khatib ini sendiri tidaklah pula dapat dipastikan kesahihannya.

Pertembungan di antara Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan dan Mohamad Nasir kelihatan tidak dapat dielakkan lagi apabila Mohamad Nasir telah, di dalam surat beliau yang bertarikh 18 September 1977, menolak terus kata dua yang dikemukakan oleh Badan Perhubungan PAS Kelantan kepada beliau.²¹⁶ Di dalam surat beliau itu, Mohamad Nasir telah menegaskan bahawa beliau tidak akan sesekali tunduk kepada tuntutan agar beliau meletakkan jawatan kerana empat sebab, iaitu, pertama, kerana tuduhan bahawa kepimpinan beliau telah merugikan Barisan Nasional dikatakan sangat relatif dan bergantung kepada pandangan politik pengukurnya,²¹⁷ kedua, kerana tindakan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS itu dikatakan telah didalangi oleh pihak tertentu,²¹⁸ ketiga, kerana beliau berkeyakinan bahawa rakyat tetap

²¹⁵ Surat Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, kepada Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, bertarikh 12 September 1977 bertajuk "Kenyataan Bersama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (PAS) Kelantan". Hlm. 1. Selain menyampaikan keputusan Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 10 September 1977 yang mengawalkan selama 8 hari tarikh Mohamad Nasir dikehendaki meletakkan jawatan beliau itu, surat ini juga telah mengharapkan Mohamad Nasir agar "dapat mengambil langkah yang sewajarnya (iaitu meletakkan jawatan)". Salinan surat ini telah kemudiannya diedarkan oleh Mohamad Nasir kepada pihak wartawan ("Dato' Nasir dedahkan golongan hendak gulingnya", dlm. Utusan Melayu, 15 September 1977).

²¹⁶ Surat Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 18 September 1977 bertajuk "Kenyataan Bersama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (PAS) Kelantan". Hlm. 1. Kandungan surat ini, yang dihurai dan ditokok-tambah pula oleh beliau sendiri, telah kemudiannya didebak oleh Mohamad Nasir kepada pihak wartawan ("Mohamad Nasir tidak letak jawatan (Surat Setiausaha Perhubungan dijawab dengan 6 alasan)", dlm. Utusan Melayu, 21 September 1977). Ketidaksediaan Mohamad Nasir untuk meletakkan jawatan beliau ini dilaporkan telah disokong oleh "kira-kira 80,000 orang (yang) telah menyertai satu perhimpunan raksasa menyokong (beliau) di Padang Merdeka pada pagi (24 September 1977)" ("80,000 sokong Nasir: Allahuakbar bergema dalam rapat raksasa", dlm. Utusan Melayu, 25 September 1977), tetapi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Mohd Ghazali Shafie, telah, sewaktu menjawab pertanyaan daripada Lee Lam Thye di dalam Dewan Rakyat mengenai sebab mengapa "(Mohamad Nasir) dapat mengadakan rapat umum sungguhpun polis telah melarang rapat umum", kemudiannya menyatakan bahawa jumlah sebenar mereka yang menyertai "perhimpunan raksasa menyokong (Mohamad Nasir)" ini hanyalah "lebih kurang 15,000 orang" sahaja (Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keempat. Penggal Ketiga. Jil. III, Bil. 43, Hari Jumaat, 18 November 1977. Ruangan 4915).

²¹⁷ Surat Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 18 September 1977 bertajuk "Kenyataan Bersama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (PAS) Kelantan". Hlm. 1. Mengikut Mohamad Nasir: "Amat tidak wajar sekali kalau pandangan itu mahu diukur berdasarkan kepada pandangan politik yang berlainan".

²¹⁸ Ibid. Hlm. 1. Mohamad Nasir telah sebelumnya mendakwa bahawa tindakan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS itu adalah dipengaruhi oleh "dua orang dalang dari Kuala Lumpur yang terdiri terdiri dari(pada) Ahli Jawatankuasa Tertinggi PAS (yang) tidak puas hati dengan (beliau)" ("Usaha guling Menteri Besar Kelantan: Kumpulan 16 tidak percaya kepada pimpinan Dato' Mohamad

setia kepada beliau dan pengunduran beliau di dalam keadaan sebegini dikatakan akan menyebabkan berlakunya penolakan rakyat ke atas PAS di dalam pilihan raya umum yang akan datang²¹⁹ dan, keempat, kerana jika kepimpinan beliau dikatakan lemah, maka Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan, Badan Perhubungan PAS Kelantan dan PAS Pusat juga dikatakan turut lemah kerana gagal menasihati dan menyokong beliau.²²⁰

Kegagalan Mohamad Nasir meletakkan jawatan beliau pada 20 September 1977 menyebabkan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, iaitu Ishak Lotfi Omar,²²¹ yang baru sahaja dilantik semula memegang jawatan itu pada 10 Ogos 1977,²²² telah meminta setiausaha badan itu, iaitu Salahuddin Abdullah, membentangkan sebuah kertas kerja bagi menerangkan asas-asas yang akan membolehkan Mesyuarat Khas

Nasir", dlm. Utusan Melayu, 14 September 1977) dan bahawa "kumpulan yang hendak mengguling(kan) (beliau) terdiri dari(pada) golongan yang menyeleweng...(dengan maksud) untuk mencari keuntungan diri sendiri" ("Dato' Nasir dedahkan golongan hendak gulingnya", dlm. Utusan Melayu, 15 September 1977).

²¹⁹ Surat Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 18 September 1977 bertajuk "Kenyataan Bersama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (PAS) Kelantan". Hlm. 2. Mengikut Mohamad Nasir: "Saudara mengemukakan pendapat (Badan) Perhubungan PAS (Kelantan) kepada saya, tetapi saya terpaksa juga memperhitungkan masalah pendapat dan pandangan rakyat (kepada saya)".

²²⁰ Ibid. Hlm. 2. Mengikut Mohamad Nasir: "Parti PAS sendiri tidak pernah memberi kesempatan kepada saya untuk bertindak sebagai pemimpin PAS Negeri, malah sebaliknya selalu sahaja mencari kesempatan dan peluang (untuk) menggugat kedudukan saya sebagai Menteri Besar".

²²¹ Satu perkara yang agak *ironic* di dalam isu desakan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS agar Mohamad Nasir meletakkan jawatan beliau sebagai Menteri Besar Kelantan ini adalah hakikat bahawa tokoh yang membicarakan tentang elemahan Mohamad Nasir ini adalah Ishak Lotfi Omar sedangkan Mohamad Nasir sendiri telah pernah ditugaskan untuk menampung kelemahan Ishak Lotfi Omar sebagai Menteri Besar Kelantan (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Menteri Besar Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 19 Julai 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 2; dan Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Asri Muda, bertarikh 20 Julai 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 2) sewaktu Ishak Lotfi Omar diasak oleh Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan supaya meletakkan jawatan yang disandang oleh beliau itu (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 2 Julai 1961. Hlm. 4-9).

²²² Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 5 dan 6. Ishak Lotfi Omar kekal memegang jawatan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan sehingga perletakan beliau dari jawatan ini diterima oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Mac 1978 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 Mac 1978. Hlm. 2-3; Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Ishak Lotfi Omar bertarikh 20 Mac 1978 bertajuk "Perletakan Jawatan Sebagai Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan". Hlm. 1; dan Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 6).

Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977²²³ mengenakan tindakan tatatertib terhadap Mohamad Nasir.²²⁴ Setelah kertas kerja yang membutirkkan 10 bukti ketidakjujuran²²⁵ dan 20 bukti kelemahan²²⁶ Mohamad Nasir itu dibahaskan olehnya, mesyuarat khas itu telah akhirnya bersetuju bahawa Mohamad Nasir perlu mengundurkan diri dari jawatan Menteri Besar Kelantan,²²⁷ bahawa Badan Perhubungan PAS Kelantan perlu menarik balik kertas kerjanya dan bahawa Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS perlu menarik balik usul undi tidak percayanya, tetapi bahawa Mohamad Nasir dibenarkan menangguhkan pemberian persetujuan pengunduran diri beliau itu kepada 29 September 1977 dan bahawa beliau tidak dibenarkan memberikan apa-apa kenyataan mengenainya *di dalam tempoh berkenaan*.²²⁸

²²³ Perancangan untuk melangsungkan mesyuarat khas ini telah sebelumnya turut didedahkan oleh Mohd Asri Muda kepada pihak wartawan ("Krisis Kelantan: Asri jawab (Jawatankuasa Agung PAS bersidang 26 September)", dlm. Utusan Melayu, 17 September 1977).

²²⁴ Rakaman laporan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977 oleh Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, pada 28 September 1977. Asas-asas pengenaan tindakan tatatertib terhadap Mohamad Nasir ini adalah terangkum di dalam kenyataan bahawa "pimpinan beliau adalah melemahkan perjalanan kerajaan dan merugikan Barisan Nasional, khususnya PAS" (Kertas kerja Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 26 September 1977 bertajuk "Asas-Asas Tindakan PAS Kelantan Terhadap Dato' Haji Mohamad Nasir". Hlm. 17).

²²⁵ Ibid. Hlm. 12-14.

²²⁶ Ibid. Hlm. 6-12. Selain daripada 20 kelemahan khusus ini, Mohamad Nasir juga dikatakan gagal melaksanakan peranan beliau sebagai Menteri Besar Kelantan dengan baik kerana dikatakan mengakui bahawa beliau telah menghabiskan 930 hari daripada 1080 hari di dalam tempoh beliau memegang jawatan itu semata-mata untuk "melawat", juga bahawa beliau hanya menghabiskan 6 hari daripada 1080 hari di dalam tempoh itu untuk menghadiri sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan.

²²⁷ Ekoran pengunduran diri Mohamad Nasir dari jawatan Menteri Besar Kelantan ini, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977 ini turut bersetuju untuk mengusahakan pemberian satu jawatan lain—"yang layak dan sesuai dengan taraf (beliau) sebagai bekas seorang Menteri Besar"—kepada beliau (Rakaman laporan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977 oleh Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, pada 28 September 1977).

²²⁸ Ibid. Kesemua butiran persetujuan ini, yang dirancang untuk diumumkan oleh Mohd Asri Muda setelah berlangsungnya Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 29 September 1977 (Ibid.), telah tidak didedahkan kepada pihak wartawan ("Putusan Mohamad Nasir diumum Khamis ini: Mesyuarat berjalan selama 8 jam dalam suasana hangat", dlm. Utusan Melayu, 27 September 1977).

Kegagalan Mohamad Nasir untuk mematuhi keputusan-keputusan yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977 itu²²⁹ walau bagaimanapun telah menyebabkan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 29 September 1977 memutuskan untuk memecat keahlian beliau apabila Mohd Asri Muda telah menggunakan undi pemutus beliau untuk menyokong usul pemecatan itu setelah jumlah undi yang menyokong usul ini didapati seimbang (8) dengan jumlah undi yang meminta pemecatan itu ditangguhkan.²³⁰ Walaupun begitu, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 4 Oktober 1977, yang mendapati bahawa jumlah undi yang meminta pemecatan itu ditangguhkan (9) adalah melebihi jumlah undi yang menyokong usul pemecatan itu (8),²³¹ telah menarik balik pemecatan

²²⁹ Selain kegagalan untuk memberikan persetujuan mengundurkan diri dari jawatan Menteri Besar Kelantan di dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 29 September 1977, malah untuk menghadiri mesyuarat khas itu sendiri, Mohamad Nasir juga telah didapati "(memberikan) kenyataan-kenyataan (kepada) akhbar, (memberikan satu) ucapan di Kuala Lumpur pada 27 September 1977 dan (memberikan) ucapan di Pasir Mas pada 28 September 1977" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 12). Lihat juga "Saya tidak akan letak jawatan--Nasir (Menteri Besar Kelantan ditawarkan jadi senator)", dlm. Utusan Melayu, 28 September 1977; "Muktamad: Nasir tidak akan letak jawatan (Kepercayaan rakyat telah menjadi kata pemutus, katanya)", dlm. Utusan Melayu, 29 September 1977; "Perarakan sambut Nasir", dlm. Utusan Melayu, 30 September 1977; dan "Nasir dakwa Ahli Jawatankuasa Agung buat tuduhan palsu", dlm. Utusan Melayu, 30 September 1977.

²³⁰ "PAS pecat Nasir: Ustaz Ali Taib keluar parti--bantah tindakan Jawatankuasa Kerja Agung", dlm. Berita Harian, 30 September 1977. Surat pemecatan keahlian Mohamad Nasir walau bagaimanapun hanya menyatakan bahawa "Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang bersidang pada (29 September 1977), setelah mengkaji dengan teliti, cermat dan bertanggungjawab terhadap kedudukan PAS di negeri Kelantan serta keutuhan Barisan Nasional di masa hadapan, bersetuju mengambil keputusan dengan suara terbanyak memecat Saudara Dato' Haji Mohamad Nasir dari menjadi ahli PAS mengikut kuasa di bawah Fasal-Fasal 13(3)(a), 35(3) dan 75(7) Perlembagaan PAS 1977 mulai 29 September 1977" (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, bertarikh 30 September 1977 bertajuk "Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS Pada 29 September 1977". Hlm. 1).

²³¹ Sementara Mohd Asri Muda menyatakan bahawa "pada hari Mesyuarat (Jawatankuasa Kerja Agung PAS) pada hari itu (29 Menteri Besar Kelantan 1977), perasaan-perasaan sayalah, saya rasa seluruh Ahli Jawatankuasa (Kerja) Agung tidak sedar (mengenai kesilapan teknikal ini) sebab cara mengundinya bukan angkat tangan bilang satu demi satu, tapi cara menulis nama, maka ada satu nama yang tidak tertulis, nama orang itu ialah nama Ustaz Sufian Mohamad" (Rakaman ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 (tidak bertajuk)), para penyokong Mohamad Nasir pula menyifatkan kesilapan teknikal ini sebagai satu "penipuan" yang disengajakan yang dikatakan tidak mampu dipertahankan ekoran daripada pembongkaran Ali Taib mengenainya (Risalah bertajuk "Ulasan Berita Akhbar" (tidak bertarikh). Hlm. 1).

itu dan telah melantik satu rombongan khas²³² untuk menyampaikan surat permohonan maaf kepada Mohamad Nasir di atas kesilapan teknikal itu di samping menetapkan tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang seterusnya, iaitu 10 Oktober 1977.²³³ Setelah Mohamad Nasir tetap gagal menghadiri mesyuarat ini,²³⁴ beliau telah sekali lagi dipecat dari PAS²³⁵ setelah usul pemecatan itu memperolehi 13 undi menyokong.²³⁶

²³² Surat permohonan maaf ini dirancang untuk disampaikan oleh kesemua ahli rombongan khas ini, iaitu Dr Daeng Sanusi Mariok, Mustafa Ali, Dr Harun Din, Dr Abbas Alias dan Dr Ishak Mohd Rejab, kepada Mohamad Nasir sewaktu beliau menghadiri Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu di Kuala Lumpur pada 5 dan 6 Oktober 1977, tetapi kegagalan mereka berbuat demikian pada tarikh yang dirancangkan itu menyebabkan ia hanya disampaikan, di kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan pada 9 Oktober 1977, oleh Mustafa Ali dan Dr Abbas Alias sahaja memandangkan Dr Daeng Sanusi Mariok, Dr Harun Din dan Dr Ishak Mohd Rejab "menghadapi tugas utama di Universiti Kebangsaan Malaysia" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Oktober 1977. Hlm. 2). Perlantikan Dr Daeng Sanusi Mariok, Mustafa Ali, Dr Harun Din, Dr Abbas Alias dan Dr Ishak Mohd Rejab untuk menganggotai rombongan khas ini telah kemudiannya dikecam oleh para penyokong Mohamad Nasir yang menyatakan bahawa tindakan Mohd Asri Muda "menghantar rombongan yang terdiri dari(pada) orang-orang yang sudah terang dahulunya tidak mahu memecat (Mohamad Nasir dari PAS) untuk meminta maaf dan tidak menghantar barua-barua yang ingin memecat (beliau)" adalah tidak memenuhi kehendak akhlak Islamiah" (Risalah bertajuk "Ulasan Berita Akhbar" (tidak bertarikh). Hlm. 1).

²³³ Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Menteri Besar Kelantan, Mohamad Nasir, bertarikh 4 Oktober 1977 bertajuk "Penarikan Dan Pembatalan Surat PAS/PA/0110/(31)". Hlm. 1; dan "Sidang singkir Nasir tidak sah: Jawatankuasa Pusat PAS hantar rombongan minta maaf", dlm. Utusan Melayu, 5 Oktober 1977. Surat permohonan maaf ini menyatakan: "Sukacita saya maklumkan kepada Dato' bahawa setelah Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung (pada 29 September 1977) itu diadakan dan keputusannya diambil lalu dikirimkan kepada Dato', maka disedari kemudiannya bahawa suatu kesilapan yang tidak disedari telah berlaku berhubung dengan pengiraan undi. Oleh yang demikian, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung telah diadakan pada 4 Oktober 1977 di Pejabat Agung PAS untuk memperbetulkan kesilapan itu dan (mesyuarat khas itu) bersetuju sebulat suara mengakui kesilapan yang tidak disedari itu dan memperbetulkan keputusan dari 'bersetuju memecat Dato' dari ahli PAS' kepada 'menangguhkan perbahasan mengenai cadangan (Badan) Perhubungan PAS Kelantan untuk memecat Dato' kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang akan diadakan pada 10 Oktober 1977".

²³⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Oktober 1977. Hlm. 2-3. Mohamad Nasir mulanya dikatakan telah bersetuju untuk menghadiri mesyuarat ini ("Saya akan hadir: Mohamad Nasir buat putusan mengejut setelah berunding lebih 7 jam", dlm. Utusan Melayu, 10 Oktober 1977), tetapi beliau telah kemudiannya menghantarkan sepucuk telegram kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, meminta supaya mesyuarat ini ditangguhkan kepada 11 Oktober 1977 kerana "(beliau) tidak dapat berlepas dari Lapangan Terbang Pengkalan Chepa atas nasihat Control Tower Subang kerana (cuaca) terlalu buruk di Subang" atau, sekiranya ia tidak dapat ditangguhkan, supaya "(di)tubuhkan jawatankuasa penyiasat bebas untuk menyiasat krisis PAS Kelantan sekarang" dan supaya "usul undi tidak percaya terhadap diri (beliau)...ditarik balik" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Oktober 1977. Hlm. 2)--permintaan-permintaan yang walau bagaimanapun telah ditolak "dengan suara terbanyak" oleh mesyuarat ini (Ibid. Hlm. 2-3).

²³⁵ Mohamad Nasir telah kemudiannya mengarahkan peguam beliau, Mohd Yusoff Mohd Noor, mencabar kesahihan pemecatan keahlian beliau ini di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Mohamad Zahir Ismail--yang telah kemudiannya mengeluarkan satu perintah sementara melarang Jawatankuasa Kerja Agung PAS dari memecat keahlian beliau ("Mahkamah larang pecat Mohamad Nasir: 100,000 orang dijangka berhimpun di kawasan Dewan (Undangan Negeri Kelantan) esok", dlm.

Lanjutan daripada pemecatan keahlian Mohamad Nasir ini, sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 15 Oktober 1977 telah--di atas alasan untuk "memelihara kepentingan negeri dan rakyat jelata dan kestabilan politik serta keutuhan Barisan Nasional di Kelantan"²³⁷--meluluskan satu usul undi tidak percaya terhadap Mohamad Nasir setelah usul itu, di sebalik tentangan Mohamad Nasir dan 14 Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari UMNO²³⁸ dan MCA,²³⁹ memperolehi sokongan

Utusan Melayu, 14 Oktober 1977)--kerana "jawatankuasa itu tidak menghantar surat kepada (beliau) untuk meminta sebab-sebab kenapa beliau tidak boleh dipecat dari parti tersebut" dan kerana "(jawatankuasa itu mengabaikan nasihat Dewan Ulama' PAS Pusat sedangkan dewan itu) ada kuasa menasihatkan sesuatu perkara yang menyentuh hukum Islam dan soal pemecatan beliau ada kaitannya dengan hukum Islam" ("Putusan pecat Nasir ke mahkamah hari ini", dlm. Utusan Melayu, 11 Oktober 1977).

²³⁶ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Oktober 1977. Hlm. 3. Usul pemecatan Mohamad Nasir--yang diasaskan kepada Fasal-Fasal 13(3)(a), 35(3) dan 75(7) Perlembagaan PAS 1977--ini telah diundi secara "undi sebut nama", di mana selain daripada undi menyokong yang diberikan oleh 13 Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini, iaitu Abu Bakar Umar, Nik Abdul Aziz Nik Mat, Sakinah Junid, Abdul Wahab Yunus, Mohd Zahari Awang, Mohd Daud Abdul Samad, Tengku Kamarulzaman Tengku Abdul Hamid, Wan Ismail Ibrahim, Khairul Khatib, Zabidi Ali, Salmah Shaikh Hussain, Abdul Hakim Abdullah dan Jamahir Idris; 7 lagi Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, iaitu Hasan Adli Arshad, Hassan Shukri, Dr Harun Din, Dr Ishak Mohd Rejab, Dr Abbas Alias, Baharuddin Abdul Latif dan Sufian Mohamad, telah memberikan undi membangkang manakala 2 lagi Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, iaitu Dr Daeng Sanusi Mariok dan Mustafa Ali, telah "berkecuali daripada mengundi" (Ibid. Hlm. 3). Mesyuarat ini juga telah turut bersetuju supaya "kenyataan akhbar yang dibuat bagi mengisyiharkan keputusan memecat Saudara Dato' Haji Mohamad Nasir dari (menjadi) ahli PAS disebutkan satu per satu nama-nama mereka yang bersetuju, tidak bersetuju dan yang berkecuali" (Ibid. Hlm. 3) menyebabkan nama-nama mereka ini telah turut disiarkan oleh pihak wartawan ("PAS pecat Mohamad Nasir (Putusan sidang Jawatankuasa: 13 setuju, 7 menentang, 2 berkecuali)", dlm. Utusan Melayu, 11 Oktober 1977).

²³⁷ Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Kedua Bagi Tempoh Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keempat Pada 15 Oktober 1977. Hlm. 4. Usul undi tidak percaya terhadap Mohamad Nasir ini telah dikemukakan oleh Hussain Abdullah, Ahli Dewan Undangan Negeri PAS dari Simpangan (Ibid. Hlm. 3-8). Berhujjah menyokong usul ini ialah Nik Abdullah Arshad, Ahli Dewan Undangan Negeri PAS dari Sering, dan Mohd Nor Yusoff, Ahli Dewan Undangan Negeri PAS dari Tawang (Ibid. Hlm. 28-35 dan 39-41), manakala berhujjah membangkang usul ini ialah Hussain Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO dari Gual Periorek, Dr Nik Hussain Nik Abdul Rahman, Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO dari Temangan, dan Mohamad Nasir, Ahli Dewan Undangan Negeri PAS dari Tendong (Ibid. Hlm. 9-28, 35-39 dan 42-46).

²³⁸ Sementara Dr Mahathir Mohamad dan Hussein Onn masing-masingnya menyatakan bahawa "apa yang dilakukan oleh (Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari UMNO) adalah tidak bercanggah dengan semangat Barisan Nasional" kerana "Dato' Mohamad Nasir, menurut keputusan mahkamah, masih tetap (kekal) sebagai anggota PAS" ("Pembubaran Dewan (Undangan Negeri Kelantan): Perdana Menteri tidak ada kuasa--Mahathir (Sikap anggota-anggota UMNO tidak bercanggah dengan semangat Barisan)", dlm. Utusan Melayu, 16 Oktober 1977) dan bahawa "UMNO tidak dapat menyokong langkah yang diambil oleh pucuk pimpinan PAS dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 15 Oktober itu...kerana UMNO tidak tahu sebab atau diberitahu sebab-sebab mengapa Menteri Besar Dato' Haji Mohamad Nasir dilucutkan dari jawatannya" (Teks ucapan Presiden UMNO, Hussein Onn, di dalam Perjumpaan Ketua-Ketua Bahagian UMNO pada 9 Disember 1977 bertajuk "Mengapa PAS Disingkir", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa

bulat daripada 20 Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS.²⁴⁰ Akibat kelulusan usul ini, berlakulah demonstrasi-demonstrasi yang bertukar menjadi rusuhan-rusuhan oleh para penyokong Mohamad Nasir,²⁴¹ yang dikatakan diketuai oleh satu badan bernama "Barisan Bertindak Rakyat Kelantan" yang dipimpin oleh Ibrahim Ali²⁴² dan yang dikatakan turut didokongi oleh dua pegawai kanan Kerajaan Kelantan, iaitu Hassan Abdullah, yang merupakan Setiausaha Majlis Keselamatan Kelantan, dan Abdul Hamid

Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jilid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 236)--alasan yang agak sukar untuk diterima dengan sepenuhnya memandangkan Mohd Asri Muda dan Abu Bakar Umar telah dilapor mengadakan satu pertemuan dengan beliau di Seri Taman pada 13 Oktober 1977 untuk "memberitahu dengan rasmi keputusan Perhubungan PAS Kelantan membentangkan usul undi tidak percaya (terhadap Dato' Mohamad Nasir)" dan untuk "memberitahu tentang keputusan Jawatankuasa Agung PAS memecat Dato' Mohamad Nasir pada Isnin lalu" ("Asri temui Hussein laporkan krisis Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 14 Oktober 1977)--, Mohd Asri Muda pula, selain menyatakan bahawa "sama ada anggota-anggota UMNO akan dimasukkan menjadi EXCO Kerajaan bergantunglah kepada Perhubungan PAS Negeri kerana di Sabah pernah wujud kerajaan negeri Barisan Nasional yang hanya terdiri dari(pada) Parti BERJAYA saja sedangkan USNO dan BERJAYA merupakan komponen Barisan Nasional", dilapor menyatakan "sedih dan dukacita atas sikap anggota-anggota UMNO (itu)" ("Asri minta mandat baru: PAS panggil muktamar khas bincang masalah kepimpinan PAS akibat krisis Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 17 Oktober 1977).

²³⁹ Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Kedua Bagi Tempoh Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keempat Pada 15 Oktober 1977. Hlm. 46-47. Setelah Speaker Dewan Undangan Negeri, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, mengemukakan usul ini untuk diundi kerana, mengikut beliau, "kalau kita bercakap banyak pun, apa yang akan berlaku akan berlaku juga", Mohamad Nasir dan 13 Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari UMNO dan MCA telah bertindak meninggalkan dewan itu sebagai mengikuti jejak Hussain Ahmad yang lebih dahulu berbuat demikian kerana, mengikut beliau, "perkara (ini) begini besar, tetapi malangnya Dato' (Speaker) tidak memberi peluang dengan sepenuhnya kepada ahli-ahli dewan untuk menyampaikan bahasan rakyat yang diwakili oleh (mereka)" (Ibid. Hlm. 46-47).

²⁴⁰ Ibid. Hlm. 46-47. Lapor Penyata Tahunan PAS 1977/1978 kemudiannya: "Pada 17 Oktober 1977, keputusan itu disembahkan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan kepada Pemangku Raja Kelantan, tetapi, oleh sesuatu hal yang sukar hendak dimengertikan, Dato' Haji Mohamad Nasir...terus juga dengan jawatan Menteri Besarnya" (Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 14).

²⁴¹ Sejurus setelah meninggalkan dewan itu, Mohamad Nasir telah, "bersama-sama tiga orang wakil Barisan Bertindak Rakyat Kelantan", dilaporkan "menghadap Pemangku Raja di Istana Mahkota di Kubang Kerian untuk menyerahkan satu memorandum 13 muka (yang) antara lain meminta Pemangku Raja membubarkan dewan dan mengadakan pilihan raya baru untuk membolehkan rakyat memberi mandat memilih kerajaan baru" ("Jawatan Menteri Besar Nasir lucut: 20 anggota PAS mengundi tidak percaya, 13 anggota UMNO keluar dari dewan", dlm. Utusan Melayu, 16 Oktober 1977)--tindakan yang diikuti oleh penyerahan sepucuk surat rasmi oleh beliau kemudiannya ("Mohamad Nasir serah surat rasmi minta bubar Dewan Negeri", dlm. Utusan Melayu, 17 Oktober 1977).

²⁴² Risalah bertajuk "Pengumuman" (tidak bertarikh). Hlm. 1; Risalah bertajuk "Perhatian" (tidak bertarikh). Hlm. 1; Wawancara dengan Salahuddin Abdullah di kediaman beliau pada 10 Mei 1999; dan Wawancara dengan Nik Abdul Rahman Nik Mohamad di kediaman beliau pada 15 Mei 1999.

Omar, yang merupakan Pengarah Penerangan Kelantan.²⁴³ Rusuhan-rusuhan ini mencapai kemuncaknya pada 22 Oktober 1977 apabila para perusuh telah menyerang kediaman Wan Ismail Ibrahim, Timbalan Menteri Besar Kelantan, di Kubang Kerian.²⁴⁴

Setelah satu perintah berkurung diisyiharkan,²⁴⁵ sebahagian Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS, yang ditemani oleh dua wakil PAS Pusat, iaitu Dr Harun Din dan Dr Abbas Alias, telah--di dalam perjumpaan mereka dengan Dr Mahathir Mohamad di kediaman Mohd Yasin Jaffar, Ketua Polis Cawangan Khas Kelantan, pada petang 22 Oktober 1977--dikejutkan dengan cadangan beliau bahawa sebuah kerajaan baru perlu ditubuhkan di Kelantan dengan syarat bahawa, sementara Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari UMNO boleh dikenakan, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari PAS pula perlu digantikan dengan muka-muka baru.²⁴⁶ Cadangan ini walau bagaimanapun tidak mendapat reaksi positif daripada Dewan Harian PAS

²⁴³ Risalah bertajuk "Kumpulan Subversif Kelantan" (tidak bertarikh). Hlm. 1; Wawancara dengan Salahuddin Abdullah di kediaman beliau pada 10 Mei 1999; dan Wawancara dengan Nik Abdul Rahman Nik Mohamad di kediaman beliau pada 15 Mei 1999.

²⁴⁴ Wawancara dengan Salahuddin Abdullah di kediaman beliau pada 30 September 2000. Kediaman Wan Ismail Ibrahim telah dijadikan sasaran serangan oleh para perusuh memandangkan kediaman beliau hanya dikawal oleh pasukan keselamatan sahaja kerana, selain dikatakan mempercayai kewibawaan pasukan keselamatan, beliau dikatakan tidak mempunyai para penyokong di sekitar kediaman beliau memandangkan dewan undangan negeri yang diwakili oleh beliau (Sungai Rasau) adalah terletak di Pasir Puteh (*Ibid.*). Kediaman Mohd Asri Muda di Jalan Dato' Lundang--yang turut didiami oleh Salahuddin Abdullah sendiri pada masa itu--juga telah sebenarnya cuba diserang oleh para perusuh yang walau bagaimanapun telah tidak meneruskan hasrat mereka itu setelah mereka mendapati bahawa kediaman beliau turut dikawal oleh beratus-ratus penyokong beliau, selain oleh pasukan keselamatan (*Ibid.*).

²⁴⁵ Perintah berkurung 24 jam yang meliputi beberapa kawasan tertentu di dalam Daerah Polis Kota Bharu ini adalah berkuatkuasa "mulai pukul 1.30 petang pada 22 Oktober 1977" (*Warta Kerajaan Negeri Kelantan*, 10 November 1977, No. 373; dan "Perintah berkurung 24 jam di Kubang Kerian", dlm. *Utusan Melayu*, 23 Oktober 1977)--satu lagi perintah berkurung yang meliputi beberapa kawasan tertentu yang lain di dalam Daerah Polis Kota Bharu telah sebelumnya turut diisyiharkan "mulai pukul 3.00 petang pada 19 Oktober 1977" (*Warta Kerajaan Negeri Kelantan*, 10 November 1977, No. 374; dan "Perintah berkurung di Bandar Kota Bharu", dlm. *Utusan Melayu*, 20 Oktober 1977)--dan hanya ditarik balik "mulai dari 16 Februari 1978" (*Warta Kerajaan Negeri Kelantan*, 16 Februari 1978, No. 147).

²⁴⁶ Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 23 Oktober 1977. Hlm. 1; dan "Tanda selesai terbayang? PAS akan bincang segera formula Dr Mahathir", dlm. *Utusan Melayu*, 24 Oktober 1977.

Kelantan yang telah, di dalam mesyuaratnya pada 23 Oktober 1977, memutuskan bahawa ia, berdasarkan kepada Perlembagaan Kelantan, berpendapat bahawa Mohamad Nasir--melainkan apabila Sultan Kelantan memperkenankan permohonan beliau untuk mengadakan satu pilihan raya baru--hendaklah meletakkan jawatan beliau.²⁴⁷ Jika cadangan ini dilaksanakan sekalipun, ia berpendapat bahawa Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari UMNO juga perlulah turut digantikan dengan muka-muka baru.²⁴⁸

Mengikut Dr Mahathir Mohamad, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari UMNO boleh dikekalkan kerana "pihak UMNO tidak terlibat di dalam krisis yang timbul sekarang".

²⁴⁷ Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 23 Oktober 1977. Hlm. 1. Mengikut minit mesyuarat ini: "Oleh kerana Dato' Mohamad Nasir telah dijatuhkan melalui undi tidak percaya dalam sidang Dewan (Undangan) Negeri Kelantan pada 15 Oktober 1977 yang lalu dan beliau masih belum meletakkan jawatan, maka mesyuarat ini bersetuju bahawa kita mestilah menunggu keputusan yang akan dibuat oleh (Pemangku Raja Kelantan)". Walaupun begitu, sejurus setelah perwartaan Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 dilakukan, Mohamad Nasir telah dilapor menyatakan bahawa beliau akan meletakkan jawatan beliau bagi membolehkan beliau "menyusun barisan menu buhkan parti baru" ("Nasir akan letak jawatan tanpa tunggu lampu hijau", dlm. Utusan Melayu, 11 November 1977), tetapi Hussein Onn telah, keesokan harinya, "meminta (beliau) meneruskan tugas sebagai Menteri Besar Kelantan selagi pihak Parti PAS belum memberi pandangan mengenai perlantikan Menteri Besar dan EXCO-nya" ("Nasir diminta terus jadi Menteri Besar: Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dilantik Pengarah Kerajaan Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 12 November 1977).

²⁴⁸ Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 23 Oktober 1977. Hlm. 2; dan "Cadang balas PAS: Formula Dr Mahathir", dlm. Utusan Melayu, 25 Oktober 1977. Walau bagaimanapun, mesyuarat ini sendiri menegaskan bahawa ia sebenarnya "belum dapat menimbangkannya pada waktu ini" kerana "penyelesaian muktamad mengenai (masalah perlembagaan dan perletakan jawatan oleh Dato' Mohamad Nasir) ini (masih) belum dicapai".